

Bil. 16

**Khamis
4 April 2019**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.42	(Halaman 33)
Maksud B.60	(Halaman 58)
Maksud B.62	(Halaman 64)
Maksud B.63	(Halaman 84)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2018 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P. 30	(Halaman 32)
Maksud P. 31	(Halaman 33)
Maksud P. 32	(Halaman 33)
Maksud P. 43	(Halaman 49)
Maksud P. 45	(Halaman 58)
Maksud P. 46	(Halaman 58)
Maksud P. 60	(Halaman 58)
Maksud P. 62	(Halaman 64)
Maksud P. 63	(Halaman 84)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulau] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP

22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
5. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
6. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
7. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
8. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
9. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
10. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
11. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
12. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
13. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
14. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
15. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
19. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
21. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
22. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR

23. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
24. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
25. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
26. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
27. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
28. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
29. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
30. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
31. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
32. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
33. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
34. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
35. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
36. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
37. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
38. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
39. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
40. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM
41. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
42. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
43. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
44. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
45. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
46. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
47. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
48. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
49. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
50. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
51. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
52. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
53. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
54. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
55. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
56. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
57. “ Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
58. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
59. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

60. “ Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
61. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
62. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
63. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
64. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
65. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
66. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
67. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
68. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
69. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
70. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
71. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
72. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
73. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
74. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
75. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
76. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
77. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
78. “ Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
7. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
8. “ Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] – UMNO
10. “ Dato' Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
11. “ Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
12. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
13. “ Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO

14. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
15. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
19. “ Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
20. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
23. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
25. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
26. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
27. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
28. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
30. “ Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
31. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highland] – UMNO
32. “ Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
33. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
34. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
35. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
36. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
37. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
38. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
39. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
40. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [lgan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat]
2. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
3. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort]
4. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran]
5. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]
6. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
7. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBRs)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 4 April 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah pihak kerajaan bersedia menerbitkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan kebebasan maklumat demi mengelakkan fitnah dan persepsi tidak betul terutama apabila orang ramai tahu bahawa Akta Rahsia Rasmi pernah disalah guna pentadbiran dahulu untuk menyembunyikan salah laku.

Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Pakatan Harapan mendapat mandat yang besar untuk menubuhkan kerajaan, kita dapati terdapat keperluan bagi proses peralihan kuasa berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur. Ini kerana buat pertama kalinya, Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah sejak merdeka telah bertukar dan menyebabkan berlakunya perubahan landskap politik negara. Sudah tentulah dalam pada rakyat meraikan perubahan ini, terdapat kebimbangan di pihak peniaga dan pelabur asing tentang keupayaan Pakatan Harapan mentadbir kerajaan.

Justeru saya telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan atau lebih dikenali sebagai *Council of Eminent Persons* dengan matlamat utama menasihatkan kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan, dan bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam tempoh 100 hari pertama peralihan kerajaan.

CEP telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan dibantu oleh sebuah sekretariat, dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Berkaitan 1MDB, dan Jawatankuasa Reformasi Institusi, dengan izin, *Institutional Reforms Committee* (IRC) serta dua pasukan petugas khas iaitu pasukan petugas khas Projek Laluan Rel Pantai Timur, dan dengan izin, *East Coast Rail Link* serta pasukan petugas khas projek *Multi-Product Pipeline*, dan Projek *Trans-Sabah Pipeline*.

CEP telah tamat melaksanakan tugasnya secara rasmi pada 19 Ogos 2018. Laporan akhir CEP telah pun dibentangkan kepada saya, dan arahan pelaksanaannya telah pun diserahkan kepada pusat *Governans Integrity* dan Antirasuah Nasional (GIACC), dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU JPM untuk diselaraskan.

Laporan CEP di bawah bidang kuasa dan menjadi urusan rasmi kerajaan. Sehubungan itu, semua ahli CEP, dan pegawai yang terlibat secara langsung tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, dengan izin, *Official Secret Act*.

CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat, dan kerajaan perlu berhati-hati dalam memutuskan sama ada laporan tersebut wajar didedahkan ataupun tidak, kerana

beberapa hasil dapatan mereka memerlukan penyiasatan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini bagi mengelakkan polemik yang mungkin boleh menjejaskan hasil siasatan dan keyakinan pelabur. Apa yang penting, semua cadangan penambahbaikan yang diterima, dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih. Sebelum itu saya ingin ucapkan selamat ulang tahun ke-20 kepada Parti Keadilan Rakyat yang telah ditubuhkan pada hari ini pada tahun 1999, dengan peringatan bait daripada WS Rendra, "*Perjuangan adalah pelaksanaan kata-kata.*"

Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas jawapan tadi. Soalan saya, adakah Yang Amat Berhormat boleh menyatakan kepada Dewan yang mulia ini beberapa dapatan daripada laporan tersebut.

Kedua, adakah pihak kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan, menerbitkan laporan dalam bentuk disunting ataupun, dengan izin, *redacted*. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Saya perlu masa untuk menjawab bahagian yang pertama soalan itu kerana banyak sudah apa yang dicadang ataupun dinasihatkan oleh CEP yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Berkenaan dengan sama ada kita boleh dedahkan CEP, waktu ini belum sampai masanya. Mungkin pada masa hadapan, apabila kita sudah ambil tindakan dan tidak ada lagi kemungkinan kita dikenakan saman malu, dan sebagainya, kita akan dedahkan.

■1010

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah dalam laporan CEP itu menyebut tentang kaedah-kaedah untuk menurunkan hutang. Semalam, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut bahawa memang hutang rasmi RM686 bilion dan bukan RM1 trilion dalam dokumen rasmi kerajaan juga iaitu dokumen laporan ekonomi tidak sampai RM1 trilion, RM686 bilion. Begitu juga dalam Kajian Separuh Penggal Malaysia Kedua, RM686 bilion bukan RM1 trilion. Tapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekarang ini hutang kerajaan meningkat kepada RM773 bilion iaitu RM87 bilion peningkatan. Jadi, apa pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang mengurangkan hutang ini. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Ya, pada mulanya kita mengkaji dan kita dapati bahawa hutang kerajaan melebihi RM1 trilion. Ini adalah satu angka yang besar dan menjadi satu peratusan yang besar berbanding dengan GDP negara. Sekarang ini GDP negara sudah meningkat. Apabila GDP meningkat, maka peratusan hutang menjadi kurang. Itu satu fakta. Keduanya ialah apabila kita selesaikan beberapa hutang dengan mengambil tindakan, maka hutang kita sudah pun berkurangan. Sekarang ini kita hampir sampai kepada tahap yang mana ianya tidak lagi menjejaskan usaha kita untuk mentadbir negara dan membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan ketiga ya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

2. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Lembaga Tabung Haji akan mengumumkan bayaran hibah (dividen) kepada 9.3 juta pendepositnya bagi tahun 2018. Berdasarkan rekod 5 tahun ke belakang, Lembaga Tabung Haji akan mengumumkan kadar hibahnya pada awal bulan Februari, tetapi kini telah masuk bulan April dan masih tiada lagi khabar berita tersebut sehingga menimbulkan kegelisahan dalam kalangan rakyat.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelan penstrukturan dan pemulihan semula Lembaga Urusan Tabung Haji akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada hari esok, 5 April 2019. Kabinet akan membincangkan secara terperinci isu-isu berkaitan kedudukan kewangan Tabung Haji dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya termasuk kemampuan Lembaga Tabung Haji membayar hibah kepada pendeposit. Lembaga Tabung Haji akan membuat pengumuman mengenainya dalam masa terdekat setelah Jemaah Menteri membuat keputusan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya lewat kebelakangan ini antara perkara penting yang dibahaskan di dalam Dewan ini adalah mengenai penjualan semua aset Tabung Haji kepada SPV. Jadinya, justeru saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai laporan yang semua penjualan aset adalah tanpa yang pertamanya bayaran tunai, mahupun yang keduanya instrumen sukuk yang tidak ada jaminan kerajaan dan memandangkan Tabung Haji tidak membuat apa-apa transaksi perniagaan daripada Mei hingga Disember 2018, apakah pula jaminan daripada pihak kerajaan bahawa SPV ini nanti akan memberikan pulangan keuntungan kepada Tabung Haji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jelaskan perkara ini selepas mesyuarat Jemaah Menteri memutuskannya. Tetapi hakikat yang diketahui umum ialah terdapat pencurian oleh pengurusan Tabung Haji yang banyak dan ini sudah tentu menjejaskan kebolehan kita memberi pulangan kepada penyumbang kepada Tabung Haji.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menurut peraturan Tabung Haji, syarat Tabung Haji layak memberi hibah atau dividen apabila aset lebih tinggi dari liabiliti pada keseluruhan operasinya dan yang kedua ada keuntungan pada tahun kiraan berkenaan. Saya ucapkan tahniah pada Tabung Haji yang telah cuba menyelamatkan Tabung Haji itu sendiri supaya masuk dalam *track* yang betul supaya tidak rugi lagi.

Soalan saya, ada pihak yang menafikan bahawa Tabung Haji tidak pernah rugi. Saya minta komen daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau kita lihat dalam *search* yang saya dapati, Tabung Haji Indoor Pump sebagai contoh telah kehilangan Riau Estet di Indonesia yang dijangkakan harganya RM408 juta dan RM408 juta ini kalau diberikan kepada subsidi haji, kita dapat menampung 31 ribu lebih jemaah haji. Apa komen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kehilangan dan kerugian yang sebanyak itu. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, memang Tabung Haji mengalami kerugian yang besar. Ramai sudah tahu berkenaan dengan pembelian bermacam-macam harta dengan harga yang lebih tinggi daripada pasaran. Sebab itu pihak kerajaan meneliti semua ini dan akan membincang dalam Kabinet pada hari esok. *Insyaa-Allah* kita akan bagi maklumat sepenuhnya tentang apa yang telah berlaku kepada Tabung Haji. Sekian.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dekat sini, Yang Berhormat Langkawi, sini, depan. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjawab sendiri persoalan mengenai Tabung Haji kerana ia melibatkan 9.3 juta pendeposit.

Akan tetapi persoalan saya, banyak sangat dakwaan-dakwaan yang berlegar-legar di media massa, media sosial. Cuma saya hendak dapat kepastian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Tabung Haji menerima sukuk zero kupon yang diterbitkan oleh UJSB. Jika benar, kenapa ini berlaku dan bagaimana ini boleh berlaku, itu yang pertama.

Keduanya, semasa pentadbiran ambil alih daripada deposit RM4.1 bilion, kenapa meningkat RM9.9 bilion dan mengapa enam bulan Tabung Haji tidak melakukan urusan pelaburan. Terima kasih Yang Berhormat Perdana Menteri.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah maklumkan bahawa perkara ini belum diputuskan oleh Kabinet, Jemaah Menteri. Saya akan jawab segala-gala pertanyaan setelah saya dapat keputusan daripada Jemaah Menteri.

3. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah bentuk kajian yang sedang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha meminda fasal 88A Akta 164 dan adakah tempoh masa yang ditetapkan bagi melaksanakan pindaan tersebut.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 iaitu Akta 164 merupakan undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri

untuk mengawal selia perkahwinan monogami dalam kalangan individu bukan beragama Islam. Pada tahun 2017, pindaan pada Akta 164 telah diluluskan oleh Parlimen untuk menangani beberapa isu yang antara lainnya merangkumi pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan harta sepencarian dalam kes pemeluk agama Islam oleh salah seorang pasangan.

■1020

Seperti mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 88A iaitu peruntukan untuk melarang penukaran agama anak tanpa persetujuan bersama ibu bapa yakni *unilateral conversion*, dengan izin telah digugurkan daripada Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 kerana bercanggah dengan peruntukan di bawah Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Ini adalah selaras dengan pandangan Jabatan Peguam Negara bahawa Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama individu berumur bawah 18 tahun boleh ditentukan secara unilateral oleh ibu, bapa atau penjaga. Berhubung dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi pada tahun 2018, kementerian ini sedia maklum mengenai pembatalan pertukaran agama secara *unilateral conversion* untuk lima orang individu berumur bawah 18 tahun.

Sehubungan dengan itu, cadangan untuk memasukkan seksyen 88A telah diteliti semula bersama dengan AG's Chamber dan hasil penelitian tersebut menyimpulkan bahawa mahkamah sebagai badan kehakiman mempunyai kebebasan untuk mentafsirkan sesuatu peruntukan perundangan dan keputusan Mahkamah Persekutuan akan mengikat keputusan mahkamah bawahan.

Oleh itu, kerajaan tidak bercadang untuk memasukkan semula seksyen 88A dalam pindaan Akta 164. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan pengakuan daripada pihak kerajaan bahawa kerajaan tidak akan membuat pindaan kepada Akta 164 dengan memasuki semula fasal 88A dan kerajaan akan membiarkan keputusan Mahkamah Persekutuan pada tahun 2018 sebagai pengikat kepada prosedur undang-undang.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tidak banyak kanak-kanak menjadi mangsa dalam perceraian ibu bapa dan agama digunakan sebagai alat berdendam kepada suami ataupun isteri. Itu sebabnya soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan kementerian untuk menentukan bahawa kes seperti Indah Gandhi tidak akan berulang dan anak-anak dijadikan mangsa melalui pertukaran agama. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang saya berpendapat juga sedemikian bahawa apabila ada kes-kes sebegini berlaku tentu yang menanggung beban ialah anak-anak ataupun jagaan daripada ibu bapa yang berkenaan. Akan tetapi, walaupun begitu, kita dipandu oleh peruntukan undang-undang dan Perlembagaan.

Yang Berhormat pun adalah pakar undang-undang, pengamal undang-undang pun faham tentang perkara itu. Apa pun yang penting ialah bagaimana kita harus mendidik keluarga supaya mereka faham, kalau melakukan perbuatan-perbuatan sebegini dengan tidak memandu kepada peruntukan undang-undang dan sebagainya, maka kesannya ialah anak itu akan jadi, bahannya kepada anak-anak mereka.

Saya fikir pengamal undang-undang juga mempunyai satu kewajipan dan tanggungjawab untuk menjelaskan implikasi. Lebih-lebih lagi sudah pun ada *precedent* di mahkamah yang membuat keputusan tentang perkara sebegini. Kita sebagai rakyat biasa harus patuh kepada keputusan-keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, sebelah kanan jika ada? Tidak ada. Di sebelah kiri? Pun tidak ada. Dengan itu tamatlah sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada pagi ini.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jarlun]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perincian rancangan pembangunan perumahan mampu milik negara yang menyasarkan pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik menjelang tahun 2028:

- (a) pecahan jumlah rumah yang akan dibina mengikut kementerian/agensi, negeri dan swasta untuk tempoh pelaksanaan RMM 2018-2028 dan sasaran pelaksanaan RMM untuk Kedah bagi tahun 2019; dan
- (b) keperluan membangunkan sebuah pangkalan Data Bersepadu Perumahan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah* kepada Yang Berhormat Jarlun telah mengemukakan soalan nombor 1 yang bertanyakan tentang pembangunan rumah mampu milik untuk 10 tahun yang akan datang.

Alhamdulillah, dengan adanya kerajaan baru yang hendak menyempurnakan ataupun melaksanakan rumah 1 juta untuk 10 tahun ini, satu majlis rumah mampu milik telah dibentuk, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, dalam mesyuarat ini telah kita bentangkan pecahan taburan rumah mampu milik yang akan dilaksanakan pada tahun pertama iaitu tahun 2019 ini sebanyak 100,000.

So, pada peringkat KPKT sendiri, kita akan membina *insya-Allah* sebanyak 546,000 unit iaitu hampir 60 peratus. Lain-lain kementerian adalah 155,788 unit, kerajaan negeri 153,212 unit dan pihak swasta 145,000 unit. Ini melibatkan beberapa kementerian seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan dan *all the states*.

Jadi, untuk itu beberapa sesi telah dilaksanakan daripada Mac sampai sekarang untuk mendapatkan angka-angka untuk 1 juta rumah untuk 10 tahun. Jadi pada masa yang sama, soalan yang nombor dua bertanyakan tentang *big data*. *Big data* memang satu *tool* yang KPKT sedang meneliti dan telah membuat beberapa sesi libat urus dengan NAPIC, LHDN dan juga dengan Bahagian Statistik dan juga pihak-pihak swasta yang pakar dalam membina pangkalan *bit data*.

Dengan adanya *big data* ini, *insya-Allah* KPKT akan dapat membuat satu *projection* yang lebih tepat yang mana akan mengelakkan daripada *mismatch* yang terjadi sekarang, *overhang units* dan lokasi kedudukan rumah yang tidak strategik. Jadi, dengan adanya *big data* ini, *insya-Allah* KPKT boleh memantau, membuat analisa agar taburan rumah yang akan dilaksanakan adalah sesuai dengan kehendak dan juga akan dapat menyelaraskan dari segi *design*, dari segi harga, dari segi jenis rumah dan sebagainya.

Jadi, ini adalah dua perkara yang telah dilaksanakan oleh KPKT dalam melaksanakan manifesto 1 juta rumah dalam 10 tahun. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jarlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya pangkalan data perumahan ini setahu saya telah diwujudkan sejak PR1MA beroperasi dahulu. Dalam pangkalan data itu diberi ruang kepada pemohon-pemohon rumah untuk menyatakan di mana mereka perlukan rumah, berapa nilai yang mampu mereka bayar dan sebagainya.

Daripada maklumat pangkalan data itu, maka PR1MA telah membina banyak rumah, skim-skim rumah merata negara ini. Jadi soalan saya ialah, dengan pangkalan data itu kenapa di kalangan projek-projek PR1MA yang sudah siap masih ada lagi rumah-rumah yang kosong dan apa tindakan kementerian untuk memastikan semua rumah ini dapat dijual?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Memandangkan keadaan ada beberapa agensi perumahan yang diletakkan di bawah Perdana Menteri ketika itu, jadi Kerajaan

Pakatan Harapan telah menyelaraskan semua agensi seperti PPAM, PR1MA dan juga SPNB di bawah KPKT.

Pangkalan data yang dibangunkan oleh PR1MA adalah untuk melibatkan tentang angka-angka permintaan perumahan ketika itu tetapi tidak mengaitkan *other aspects of the statistics* yang diperlukan dari segi pendapatan, dari segi LHDN dan beberapa perkara yang lain, *social factor* dan sebagainya. Jadi, ini membuatkan ada *mismatch* di dalam pembinaan rumah di peringkat PR1MA.

Walau bagaimanapun, kerajaan sekarang telah mengambil langkah-langkah yang proaktif, yang konstruktif agar dapat kita menjualkan rumah-rumah PR1MA yang tidak terjual dalam program-program HOC atau *home ownership campaign* yang saya difahamkan bahawa mendapat sambutan yang baik.

Walau bagaimanapun, kita juga menghadapi sedikit masalah kerana pembeli-pembeli awal meminta sama ada mereka akan mendapat *enjoy* diskaun yang telah diberikan dalam HOC. Ini KPKT akan *compile all this* permohonan ini daripada pembeli-pembeli PR1MA yang awal dan kita akan teliti dan semak selepas habis *home ownership campaign and* bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah pembeli-pembeli awal ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya ucap tahniah. Nampaknya Yang Berhormat Menteri memang *hand on* untuk memastikan bahawa tiada lagi masalah perumahan bagi rakyat di dalam negara kita terutama yang kurang mampu.

■1030

Cuma, soalan saya adakah terdapat berapa projek rumah mampu milik ini yang telah terbengkalai? Apakah inisiatif ini yang telah dilakukan oleh pihak kementerian? Adakah terdapat penjual atau pemilik rumah mampu milik ini telah menjual kepada pihak yang ketiga untuk mengaut keuntungan? Jika berlaku, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Krau, untuk rumah-rumah yang terbengkalai, apa yang kita laksanakan sekarang adalah untuk menyelaraskan semua projek-projek perumahan. Projek yang dah habis siap itu kita jual. Kita cuba bantu untuk jual dan yang dalam pembinaan, kita teruskan. Yang mana kita belum lagi *award*, kita tangguhkan. Jadi ini yang kementerian tengah selaraskan dengan semua ketiga-tiga projek SPNB, PR1MA, PPAM dan juga KPKT.

Untuk rumah-rumah yang mereka jual, KPKT sedang merangka satu dasar atau pun satu polisi yang mana kalau mengikutkan dasar rumah mampu milik yang baharu, mereka tidak boleh menjual rumah itu kepada pemilik yang lain. Jadi, KPKT sedang merancang kemungkinan untuk membuat satu polisi yang mana rumah yang dibeli dalam program Rumah Mampu Milik ini harus dikembalikan kepada KPKT untuk kita tawarkan kepada pembeli yang baharu. Jadi, dengan ini kita dapat mengawal harga dan memastikan bahawa mereka yang memerlukan masih dapat menikmati rumah-rumah mampu milik ini yang dikendalikan oleh kerajaan. *Basically* ada rumah-rumah yang RM300,000 ke bawah. Terima kasih.

2. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek Lebuhraya Pantai Timur fasa ketiga (LPT3) akan dimulakan setelah diluluskan pihak kerajaan pada awal Mac 2019.

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih Yang Berhormat Besut. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum. Kajian kemungkinan atau *feasibility study* dengan izin bagi projek Lebuhraya Pantai Timur fasa ketiga (LPT3) ini telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Di mana ia melibatkan tiga daerah di Terengganu, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut serta lima daerah di Kelantan iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat.

Berdasarkan kajian tersebut, projek LPT3 ini berpotensi dan berdaya maju dilaksanakan oleh kerajaan bagi tujuan melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya Pantai Timur melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai

hala tuju projek LPT3 untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah memulakan perbincangan dan rundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Kewangan pada minggu lalu. Ia berikutan daripada pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri MEA pada bulan Mac lalu di mana telah mengumumkan lima projek baharu bakal dilaksanakan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Sehubungan itu, penentuan tempoh masa bagi pelaksanaan projek LPT3 ini akan diumumkan sebaik sahaja kementerian ini menerima pengesahan dari agensi pusat mengenai modul pelaksanaan dan peruntukan kewangan terlibat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Terima kasih bagi pihak kerajaan dan juga Kementerian Kerja Raya yang telah sudi untuk membina Lebuhraya Pantai Timur (LPT3) ini. Ada pandangan daripada pengguna-pengguna agar lebuhraya ini akan meningkatkan lagi aspek-aspek keselamatan untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna. Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh kementerian untuk memastikan aspek ini akan dapat dilaksanakan?

Tuan Baru Bian: Terima kasih dengan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Besut. Kita berhasrat dari segi keselamatan Yang Berhormat bahawa ini akan diambil kira dan kita *prioritykan* ini. Dalam kita melaksanakan semua jalan raya di seluruh negara kita akan mengambil perkara ini dengan serius. *Take it from us*, dengan izin *that we will take it into consideration*. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesesakan lalu lintas di Kelantan dan Terengganu ini adalah amat teruk di beberapa kawasan. Banyak jalan masih dua lorong. Pantai Barat banyak jalan empat lorong. Jadi, ini satu projek yang begitu mendesak. Jadi, terima kasih kerajaan bersetuju. Cuma saya hendak tahu sama ada yang pertamanya pembinaannya akan dibuat berfasa. Jika berfasa, adakah bermula Terengganu dulu atau pun Kelantan dulu? Apa sebab hendak bina di Kelantan dulu atau pun di Terengganu dulu? Terima kasih.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Seperti mana yang telah dimaklumkan tadi kita ini baru dalam perancangan dan ini baru diumumkan awal Mac. Oleh kerana itu kita akan berunding dan berbincang dengan agensi pusat dan tengok macam mana cara kita melaksanakan ini. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu lagi ya. Berkaitan. Yang Berhormat Kota Bharu. Ada masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak rakyat yang terlibat. Negeri dan juga kawasan untuk lebuhraya ini saya ucapkan terima kasih lah kepada pihak kerajaan atas usaha ini. Cuma, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dalam melaksanakan projek ini terutamanya memikirkan kesan sampingan daripada pembinaan lebuhraya ini kepada bandar-bandar yang sedia ada mahupun pekan-pekan kecil yang kita lihat boleh terjejas dengan pembinaan lebuhraya ini dari segi ekonomi dan sebagainya.

Adakah Kerajaan Persekutuan bersedia menimbangkan, mengambil kira pandangan daripada kerajaan-kerajaan negeri mahupun daripada pihak berkuasa tempatan terutamanya dalam membina *exits* kepada lebuhraya-lebuhraya yang terlibat ini. Terima kasih.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Tentu sekali kita sebagai kementerian dan sebagai kerajaan yang melaksanakan semua ini kita akan mengambil kira semua pandangan orang tempatan dan juga siapa sahaja yang boleh *contribute* supaya projek ini dilaksanakan dengan baik untuk manfaat semua rakyat. Terima kasih.

[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] tidak hadir]

4. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula peruntukan biasiswa MyBrain agar dapat melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berkelulusan master dan PhD.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa ini menguruskan dua jenis program tajaan biasiswa untuk orang awam iaitu yang pertamanya biasiswa MyBrain15 dan biasiswa MyBrainSC. Program biasiswa MyBrain15 ditawarkan untuk pengajian peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran dalam pelbagai bidang di universiti awam dalam negara. Penawaran terakhir program MyBrain15 adalah pada November 2016. Kementerian masih meneruskan pembiayaan sejumlah 1,606 orang pelajar MyBrain15 yang masih aktif sehingga tamat tempoh penajaan pada tahun 2023.

Berkaitan dengan MyBrainSC pula, tajaan biasiswa MyBrainSC adalah difokuskan untuk bidang sains tulen seperti fizik, matematik, kimia dan biologi. Bagi pelbagai peringkat pengajian dari ijazah pertama sehingga lah ke pengajian PhD di universiti dalam dan luar negara. Tawaran baharu program MyBrainSC masih diteruskan seperti biasa. Iklan biasiswa MyBrainSC telah dibuka dari 25 Januari sehingga 10 Februari 2019. Sesi temu duga akan bermula dari 8 sehingga 30 April 2019. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang kerana bertanyakan soalan ini.

Jadi, di kesempatan ini saya ingin menguar-uarkan tentang sesi temu duga tersebut. Kedua-dua program MyBrain adalah hanya lah *subset* kecil untuk menyokong objektif pelan strategi pengajian tinggi negara. Untuk mencapai sasaran melahirkan 60,000 orang graduan PhD warganegara Malaysia menjelang tahun 2025. Program-program lain seperti tajaan MARA, JPA, SLAB/SLAI dan tajaan biasiswa kejuruan juga adalah antara penyumbang bagi mencapai sasaran ini.

■1040

Walaupun tawaran baharu program MyBrain 15 ditangguhkan pada masa ini, namun kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme*, dengan izin, ataupun lebih dikenali sebagai FRGS. Ianya ditawarkan kepada semua universiti awam di Malaysia. Dana skim ini untuk tahun 2018 sejumlah RM200 juta, manakala untuk tahun 2019 pula ditambahkan RM75.35 juta, menjadikan ia RM275.35 juta.

Pemberian geran pendidikan ini dilihat mampu untuk melahirkan pemegang Sarjana dan PhD secara lebih bersasar di mana penyelia projek iaitu di kalangan profesor ataupun di kalangan pensyarah yang memantau- *supervisee* ataupun anak seliaan mereka, mereka akan dipantau dengan lebih dekat melalui perkembangan projek penyelidikan. Ini menjadikan calon-calon tersebut lebih bertanggungjawab. Ini seterusnya akan membantu melahirkan graduan dalam tempoh pengajian seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Universiti.

Selain daripada pelaksanaan kedua-dua program MyBrain dan pemberian geran penyelidikan dalam membantu melahirkan lebih ramai mahasiswa berkelulusan Sarjana dan juga PhD, KPM juga masih meneruskan pemberian biasiswa dan tajaan untuk 35 program tajaan biasiswa dan perkhidmatan di bawah kementerian untuk melahirkan lebih ramai pemegang Sarjana dan PhD daripada kalangan guru, pensyarah politeknik, kolej komuniti, kolej matrikulasi dan universiti awam seluruh negara dalam memenuhi keperluan perkhidmatan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih serta tahniah di atas usaha kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti dan melahirkan ramai lagi golongan PhD dalam negara kita.

Saya ingin tahu, setakat ini berapakah jumlah mereka yang telah berjaya menamatkan pengajian sama ada bidang *Master* ataupun PhD yang telah ditaja melalui MyBrain ini dan berapa ramaikah di kalangan mereka yang telah mendapat pekerjaan? Sebab isu besar dalam negara kita hari ini adalah isu pengangguran di kalangan golongan terpelajar.

Begitu juga pohon kalau ada, statistik peruntukan penyelidikan yang telah disediakan mengikut kategori yang telah disediakan kepada IPTA. Minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seperti mana yang telah disebutkan tadi, tawaran-tawaran kepada para pensyarah dan juga kepada para pelajar yang melanjutkan pelajaran di IPTA disalurkan melalui FRGS. Berkaitan dengan jumlah graduan MyBrain 15 seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, bagi program MyMaster, jumlah pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian sehingga Mac 2019 seramai 24,585 orang. Bagi peringkat PhD pula seramai 2158 orang, dan bagi peringkat MyPhD Industri pula seramai 30 orang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berdasarkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, di antara MyBrain dengan FRGS, apakah ada dibuat perbandingan di antara dua skim ini, di mana yang lebih efektif. Itu yang pertama.

Yang keduanya, apakah sekiranya MyBrain itu agak berkurangan jika dibuat perbandingan dengan FRGS, apakah pihak kementerian untuk menambah pembiayaan peruntukan kepada penyelidikan-penyelidikan FRGS yang boleh melahirkan lebih banyak pelajar-pelajar peringkat *Masters* ataupun PhD. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat, ternyata FRGS lebih efektif kerana pemantauan secara dekat dan berterusan oleh penyelia yang juga merupakan pemandu kepada sesetengah kajian ataupun *research* yang dijalankan. Jadi, adanya dua kali pemantauan di situ. Maka jangkaan untuk para calon menghabiskan pelajaran mereka lebih cepat dan lebih besar. Dan kita lihat daripada rekod kita sendiri pun, ramai yang mengambil FRGS berjaya menyelesaikan pelajaran mereka berbanding dengan biasiswa MyBrain yang ditawarkan, kebanyakan daripada mereka hanya dikawal oleh penyelia sahaja, tanpa ada kawalan yang lebih berdisiplin di situ.

Berkaitan dengan tambahan kepada FRGS, sepertimana telah saya sebutkan, bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018, tambahan sebanyak RM75.35 juta telah diberikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan berhasrat meminda seksyen 60(1) Akta Kebankrapan 1967 supaya mereka yang diisytiharkan bankrap sebelum pindaan Akta Kebankrapan 2017 mendapat *relief* yang sama dengan mereka yang diisytiharkan bankrap selepas pindaan Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada pembetulan dalam soalan ini. Akta Kebankrapan yang saya maksudkan harus dibaca sebagai Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pindaan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat tadi mengenai akta tersebut, dan sebenarnya ialah Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [*Akta 1534*].

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan tersebut, terdapat lapan pindaan-pindaan akta tersebut yang telah dikuatkuasakan pada 6 Oktober 2017. Daripada lapan pindaan tersebut, hanya satu pindaan sahaja berkuat kuasa secara retrospektif iaitu seksyen 33B(2A), Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*]. Peruntukan tersebut adalah berhubung dengan pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi yang menyatakan pemiutang tidak dibenarkan untuk membuat bantahan terhadap permohonan pelepasan bankrap dalam keadaan empat kategori iaitu;

- (i) telah meninggal dunia;
- (ii) seorang penjamin sosial;
- (iii) bankrap yang mengalami penyakit serius yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan; dan
- (iv) orang kelainan upaya, ataupun OKU.

Namun peruntukan di bawah seksyen 60(1) Akta 1534 berbeza, yang menyatakan bahawa akta ini tidak terpakai bagi pemiutang atau bankrap yang telah mendapat Perintah

Penerimaan dan Perintah Penghukuman dibuat oleh mahkamah sebelum mula berkuat kuasa akta ini dan ianya bersifat perspektif.

Pindaan-pindaan lain yang juga telah dikuatkuasakan bermula tarikh 6 Oktober 2017, contohnya peruntukan yang baharu iaitu mekanisme penyelamat, ataupun *warrant temporary arrangement* yang merujuk penyelesaian kes pra kebangkrapan, pelaksanaan automatik di bawah seksyen 33C. Kenaikan had minimum kebangkrapan daripada RM30,000 kepada RM50,000, dan penyerahan notis penyampaian petisyen secara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme pindaan yang diperkenalkan oleh kerajaan bersifat prospektif ini bertujuan untuk mengimbangi kepentingan antara pemiutang dan juga bankrap. Ini juga membantu bankrap dalam menyelesaikan kes-kes kebangkrapan dalam tempoh yang singkat. Sebagai contoh, permohonan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C telah membuka ruang yang baharu kepada bankrap untuk menyelesaikan kes dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh pemfailan pernyataan hal ehwal.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kerajaan tidak berhasrat untuk meminda peruntukan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar dengan jelas penjelasan Yang Berhormat Menteri, dan kita sedia maklum, mereka yang telah diisytiharkan bankrap ratusan ribu orang, dan apakah *relief* yang boleh dibantu oleh kerajaan supaya orang-orang yang telah bankrap sebelum kuat kuasanya pindaan 2017 ini keluar daripada status bankrap.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera atas soalan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat peruntukan yang boleh diguna pakai bagi bankrap yang telah pun jatuh bankrap sebelum pindaan ini. Seperti yang telah pun saya katakan tadi, dalam lapan pindaan akta tersebut, terdapat satu pindaan iaitu retrospektif di mana bankrap sekiranya dia tertakluk dalam empat kategori itu, bankrap boleh membuat permohonan untuk melepaskan kebangkrapan iaitu apabila telah dibuktikan mereka telah pun meninggal dunia, seorang penjamin sosial, bankrap yang mengalami penyakit serius, dan juga OKU.

Selain daripada itu, bankrap juga boleh memohon kepada Ketua Pengarah Insolvency untuk kes yang telah pun ditadbir selama lima tahun atau lebih, seperti mana dalam seksyen 33A, Akta Insolvency 1967.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, permohonan juga boleh dibuat kepada mahkamah seperti dalam seksyen 33 dan juga seksyen 105 Akta Insolvency 1967 untuk perintah-perintah tertentu yang membuatkan mereka bankrap itu boleh diketepikan. Jadi, mereka boleh membuat permohonan di mahkamah. Jadi inilah *lilip-lilip* yang boleh diguna pakai bagi yg telah jatuh bankrap sebelum pindaan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya mengenai satu kes di mana telah saya lalui semasa saya menjadi Menteri dahulu, di mana keputusan untuk bankrap itu sudah selesai semua. Di mana ada bakinya di *financial institution*, dengan izin dan didapati *financial institution* ini dengan izin tidak mahu *distribute* dengan izin, apa yang menjadi baki itu kepada *beneficiary* kepada bankrap itu.

Jadi, apa yang boleh kerajaan lakukan kerana pada masa itu sampai sekarang pun saya rasanya ia masih belum dimuktamadkan, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong di atas soalan tambahan ini. Soalan ini amat spesifik kerana telah pun ditimbulkan terhadap sesuatu kes yang dikendalikan oleh Yang Berhormat semasa Yang Berhormat menjadi Menteri. Jadi dalam perkara ini Yang Berhormat saja maklum bahawa dividen ataupun baki yang telah pun diadakan dalam akaun si bankrap itu yang sebenarnya kena dikembalikan kepada si bankrap dan juga sekiranya si bankrap telah pun meninggal dunia, wang itu kena dikembalikan kepada estet mereka tetapi permohonan kena dibuat juga.

Kita terdapat banyak kes-kes, di mana bankrap tidak membuat permohonan untuk kembalikan baki itu. Jadi dalam hal ini, saya harap Yang Berhormat boleh merujuk kes itu

kepada saya, saya akan merujuk kepada pihak Pengarah MDI untuk melihat secara keseluruhan kes yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

6. Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan berapa jumlah muzium dan galeri sejarah yang tersenarai secara rasmi dan berapakah terdiri daripada muzium persendirian.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sehingga 28 Februari 2019 terdapat sebanyak 210 buah muzium dan galeri sejarah yang berkaitan dengan sejarah di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 buah merupakan muzium swasta atau persendirian. Daripada jumlah 210 itu 22 muzium di bawah Muzium Persekutuan iaitu muzium-muzium di bawah kelolaan Jabatan Muzium Malaysia, 111 muzium-muzium di bawah kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan, 64 muzium institusi dan 13 yang disebut tadi ialah muzium swasta dan persendirian.

Walau bagaimanapun, jumlah muzium yang dikenal pasti oleh JMM tidak menggambarkan jumlah keseluruhan muzium terdapat di Malaysia kerana penubuhan sesebuah muzium atau galeri tidak memerlukan pengesahan dan pendaftaran dengan Jabatan Muzium Malaysia memandangkan ia adakah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sekian, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri fakta sejarah adalah satu kebenaran contoh Yang Berhormat Menteri, komunis sebuah gerakan yang datang dari China dan Vietnam, mereka bukannya pejuang. Pejuang sebenar adalah anggota keselamatan yang memerangi komunis dan akhir-akhir ini ada kelompok-kelompok aktivis yang berusaha begitu gigih sekali untuk mengubah fakta sejarah Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, berkaitan dengan kebenaran dan muzium-muzium persendirian ini. Adakah kementerian akan menubuhkan satu badan khas yang terdiri daripada pakar-pakar dan tokoh-tokoh, yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik atau berselindung di sebalik apa-apa kepentingan supaya penilaian terhadap bahan-bahan yang dipamerkan dan naratif di muzium-muzium persendirian ini tidak terpesong dari fakta sejarah yang sahih dan diubah-ubah mengikut selera pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebenarnya seperti yang saya sebut tadi bagaimana kaedah pengawalan penubuhan muzium-muzium persendirian ini sebab Jadual kesembilan, Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan meletakkan cuma pemeliharaan warisan adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Manakala sesebuah muzium atau galeri tidak memerlukan pengesahan dan pendaftaran dengan Jabatan Muzium Malaysia, memandangkan ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, pihak persekutuan tidak dapat menguatkuasakan apa-apa artifak ataupun *content* dalam sebuah muzium itu kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pada masa ini, tiada sebarang perundangan yang mengawal penubuhan muzium-muzium persendirian. Namun begitu, kita sedang meneliti untuk menggubal rang undang-undang untuk pengawalan muzium di bawah Jadual Kesembilan dan mungkin kita akan bentangkan sebelum hujung tahun ini, *insya-Allah* terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik pada soalan pokok tentang isu muzium lah bukan isu politik. Apakah rancangan pihak kementerian untuk memajukan muzium kerana walaupun bilangan muzium kita banyak tetapi daripada segi kualiti muzium kita lihat muzium-muzium yang ditadbir oleh kerajaan masih ke belakang.

Muzium yang saya difahamkan satu-satunya di dalam senarai *TripAdvisor Top 10 Museum Asia* untuk dua tahun 2014-2015 adalah *Islamic Arts Museum Malaysia* yang ditadbir secara swasta, bukan Muzium Negara ataupun muzium-muzium lain. Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk memastikan muzium-muzium yang ditadbirkan oleh kerajaan juga dapat bersaing dengan muzium-muzium ini sebab ada misalnya di kalangan pelajar-pelajar

di *Islamic Arts Museum*, pekerja-pekerja mereka bila selepas itu mereka hendak pergi *career progression* mereka kena pergi ke Smithsonian di Amerika Syarikat ataupun *British Museum*, tidak ada peluang kerjaya yang setimpal di Malaysia.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa di atas soalan tambahan tersebut. Memang saya akui bahawa muzium-muzium di bawah kelolaan Jabatan Muzium Malaysia ini tidaklah setanding dengan muzium persendirian seperti Muzium Kesenian Islam bersebelahan dengan Masjid Negara.

Saya sendiri pergi untuk melihat sendiri bagaimana muzium, perbezaan antara dua di antara kekangan kita masih lagi saya sebut di sini ialah kekangan kewangan. Kalau kita tengok Muzium Negara Malaysia, tiket untuk masuk ke Muzium Negara Malaysia adalah RM2 sahaja. Untuk pelancong asing RM5. Jadi, jumlah yang dikutip itu terlalu kecil dan jumlah ini tidak dapat menampung untuk penyelenggaraan muzium, untuk emolument muzium serta menaik taraf muzium.

Bagaimanapun kita untuk memperkasakan lagi kita ada banyak program bersama dengan Kementerian Pendidikan umpamanya semalam saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan merasmikan program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), di mana kita hendak mendedahkan pelajar-pelajar di peringkat umur yang 10 tahun ke atas apresiasi ataupun menghargai bahan-bahan sejarah dan warisan negara.

Dengan mengadakan program tersebut, kita dapat reaksi yang positif sebelum dan selepas mereka melawat muzium dan berinteraksi dengan pegawai-pegawai di sana. Pembelajaran sejarah ini dapat digarap dengan baik sekali. Jadi itu adalah salah satu program pendedahan kepada pelajar-pelajar dan *I think* kita tidak boleh hendak ikut *Singapore, Singapore* mewajibkan pelajar-pelajar sembilan tahun ke atas untuk melawat muzium setahun sekali tapi kerana kita dalam keadaan negara yang besar kita tidak dapat berbuat demikian. Namun begitu kita buat banyak program dan setakat ini 43 muzium telah pun berdaftar dengan kita untuk Program IPIM ini dan kita juga sedang merangka sempena Tahun Melawat Malaysia (VMY 2020).

Saya dan beberapa pegawai sedang berbincang dengan Kedutaan Mesir untuk membawa artifak seperti Tuthankamun ataupun Mummy Ramses ke Malaysia pada tahun depan tapi jumlah insurans ataupun jumlah perlindungan artifak-artifak tersebut terlalu tinggi dan kita sedang mengkaji bagaimana ini adalah salah satu cara untuk kita mendedahkan muzium, sebab kalau hendak pergi ke muzium ini adalah kerana berupa artifak yang terdapat, *content* yang terdapat di muzium tersebut.

■ 1100

Kenapa kena pergi Louvre kerana hendak tengok Monalisa. Kenapa pergi suatu muzium itu adalah kerana artifak yang terdapat di situ. Jadi kita cuba hendak menonjolkan artifak-artifak penting dan signifikan kepada negara melalui pameran dan *insya-Allah* kita juga membawa satu digital teknologi untuk lebih interaktif. Jadi bila orang hendak masuk ini bukan setakat melihat artifak tetapi mereka mempunyai lebih interaktif maka mereka dapat mesej yang penting berkenaan dengan sejarah dan warisan negara. Itu saya jawapan saya, terima kasih.

[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) tidak hadir]

8. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta Menteri Kewangan menyatakan usaha yang diambil oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi terus memberi bimbingan kewangan terutamanya melibatkan pengurusan kewangan kepada golongan belia.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kota Tinggi yang buat pertanyaan lisan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menyeluruh telah dan akan terus diambil untuk meningkatkan keupayaan mengurus kewangan secara berkesan khususnya kepada golongan belia sebagai salah satu kemahiran hidup yang penting untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang celik kewangan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) adalah sebuah anak syarikat Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2006 menawarkan khidmat nasihat dan kaunseling kewangan serta program pengurusan kredit secara percuma kepada orang ramai. AKPK juga giat menjalankan program pendidikan kewangan kepada orang ramai termasuk golongan belia. Antara inisiatif pendidikan kewangan yang telah dijalankan oleh AKPK untuk golongan belia adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan modul pengurusan kewangan peribadi di institusi-institusi pengajian tinggi melalui usaha sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pendidikan kewangan diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara. Dalam tahun 2018, AKPK telah melaksanakan lebih 460 sesi pendidikan kewangan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara;
- (ii) menjalankan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) sejak 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia terutamanya untuk golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman kewangan. Program POWER mengandungi modul yang menyentuh isu yang dihadapi oleh kebanyakan golongan belia dalam menguruskan hal ehwal kewangan mereka yang disampaikan secara interaktif, relevan dan kreatif. Antaranya ialah menganalisa dan menguruskan aliran tunai peribadi atau keluarga, memastikan hutang pada tahap mampu diurus dan memberi kefahaman kepada bakal peminjam mengenai pertimbangan dan proses utama apabila mendapatkan pembiayaan untuk membeli rumah dan kereta atau kemudahan kad kredit untuk kegunaan peribadi;
- (iii) menganjurkan Program *Social Enterprise Literacy for Youth* dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada kaedah pengurusan kewangan secara praktikal serta menekankan tanggungjawab sosial belia; dan
- (iv) mengadakan Program *Be Your Own Boss* dengan menyediakan tip kewangan kepada golongan pekerja untuk membangunkan portfolio kewangan mereka sendiri di samping meneruskan pekerjaan.

Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang jawab. Yang Berhormat Menteri Kewangan yang jawab. Soalan saya apakah usaha kementerian untuk membantu untuk... [*Melihat dokumen di atas meja*] Memang Yang Berhormat Menteri Kewangan yang jawab.

Apakah, soalan saya. [*Dewan ketawa*] Oleh sebab hari ini Yang Berhormat Menteri Kewangan nampak macam orang muda, minta maaf satu pujian untuk Menteri Kewangan. [*Dewan ketawa*] Soalan saya Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Lain macam. [*Dewan ketawa*]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Selepas ini kalau kita hantar permohonan peruntukan harap luluskan ya. Terima kasih banyak. [*Dewan ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah usaha kementerian untuk kementerian terus membantu belia-belia yang sedang, Yang Berhormat Menteri, yang sedang terkesan dengan keadaan ekonomi semasa pada hari ini dan agaknya apakah sasaran AKPK pada tahun ini untuk membantu belia yang sedang berhadapan dengan risiko untuk menjadi muflis. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kota Tinggi yang sentiasa muda. [*Dewan ketawa*] [*Dewan riuh*] Sekiranya Yang Berhormat ada program-program untuk awet muda kita boleh pertimbangkan. [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk belia-belia yang menghadapi kedudukan muflis, itu adalah satu masalah yang bukan sahaja khusus kepada golongan belia tetapi kepada kesemua yang menghadapi kekangan kewangan lebih-lebih lagi apabila mereka menjadi penjamin ataupun menghadapi masalah dari segi perniagaan.

Tentu dari aspek ini bila kita bagi itu nasihat, ini adalah bergantung kepada masalah khusus mereka. Kalau kita sebut secara spesifik kita tidak boleh amalkan formula *one-size-fits-all*, kita kena *customize* mengikut keperluan tertentu. Seterusnya, sesi-sesi untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018 AKPK yang saya sebut tadi telah melaksanakan lebih 1,700 sesi pendidikan kewangan mengenai pengurusan kewangan peribadi yang disertai lebih daripada 1.2 juta orang termasuk golongan belia.

Setakat akhir tahun 2018, AKPK telah membantu lebih daripada 34,000 golongan belia yang menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman menerusi PBK dengan menstrukturkan semua dan semula pinjaman sehingga mereka berupaya mengawal semula kedudukan kewangan mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Mengikut statistik AKPK antara punca ramai golongan belia diisytiharkan muflis di bawah umur 35 tahun pengurusan kewangan yang lemah, tidak dapat mengawal penggunaan kad kredit dan kegagalan membayar pelbagai pinjaman yang mereka lakukan. Apakah kerajaan tidak boleh memperketatkan peraturan-peraturan yang akhirnya dapat mengawal penggunaan kad kredit ini di kalangan rakyat Malaysia khususnya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Hulu Langat tadi. Yang Berhormat lagi muda dari saya. Di sini tentulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat memang telah pun dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Akan tetapi yang kita bimbang Yang Berhormat ialah sekiranya kita tidak berikan kemudahan sedemikian, mereka mungkin cari along dan ini akan memudaratkan lagi keadaan kerana masalah along ini membuat banyak keluarga hutang sekeliling pinggang dan ini adalah sesuatu yang kita cuba hindarkan.

Akan tetapi sungguhpun ada banyak peraturan kita lihat bahawa masalah ataupun gejala ini masih lagi berleluasa. Oleh sebab itu, apabila kita hendak ketatkan peraturan tentang pemberian kemudahan kredit sedemikian, saya rasa kita kena seimbangkan dengan masalah sekiranya mereka tidak mencari along. Di sini kita harap bahawa pihak Bank Negara boleh memberikan kelonggaran bukan untuk individu tetapi untuk perniagaan-perniagaan supaya dapat merapatkan ataupun mengatasi masalah kekurangan dana mereka kerana sekiranya tidak mereka pun akan mencari along. Itu lah yang kita hendak elakkan.

Akan tetapi untuk program-program pinjaman khusus bagi golongan belia yang kita ada lancarkan ialah termasuk program-program sedemikian, BSN MyHome, Skim Perumahan Belia untuk membantu belia yang bujang atau sudah berkahwin memiliki rumah pertama mereka dengan mudah. Pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran menerusi pelbagai agensi seperti MARA, JPA dan Kementerian Kesihatan dengan peruntukan RM3.8 bilion di mana RM2 bilion diperuntukkan khusus kepada pelajar bumiputera tajaan MARA.

■1110

Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan rangka kerja untuk platform ekuiti dana penjana masyarakat dan pinjaman P2P atau *peer to peer*. Setakat ini sebanyak RM170 juta dana telah dijana untuk 450 buah syarikat daripada pelbagai sektor melalui platform-platform ini. Hampir seramai 10 ribu orang individu yang telah melabur melalui platform pembiayaan alternatif ini di mana Tuan Yang di-Pertua, 45 peratus terdiri daripada golongan belia di bawah umur 35 tahun.

So, untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan data Bank Negara, pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan adalah pada nilai purata 8.74 peratus dari tahun 2009 hingga tahun 2018. Ini menunjukkan kemudahan pembiayaan tersedia bagi mereka yang ingin mengambil peluang untuk membaik pulih kualiti hidup mereka. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian akan memperkenalkan subjek "*mindfulness*" seperti yang diperkenalkan di United Kingdom untuk membantu menyelesaikan isu kesihatan mental di kalangan belia Malaysia.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, subjek *mindfulness* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Julau yang dilaksanakan waktu ini di UK sebenarnya masih lagi dalam peringkat ujian rintis ataupun *pilot* dari tahun 2019 hingga tahun 2021 di negara tersebut.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Julau, aspek *mindfulness* telah pun diajarkan dalam topik berkaitan pengurusan kesihatan mental dan emosi yang terkandung dalam kurikulum pendidikan kesihatan semenjak tahun 1989 lagi di negara ini, itu di sekolah menengah dan pada tahun 1994 telah diperkenalkan di sekolah rendah pula. *Syllabus* berkaitan *mindfulness* disemak dan telah ditambah baik mulai tahun 2011 dalam komponen Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial ataupun PEERS. KPM berpandangan bahawa elemen *Mindfulness* merupakan salah satu daripada *tools* ke arah peningkatan kesihatan mental dalam kalangan belia setelah melalui tempoh persekolahan. Langkah ini boleh membantu menyelesaikan isu kesihatan mental dalam kalangan belia di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sememangnya memandang serius isu kesihatan mental dalam kalangan murid-murid dengan melaksanakan pelbagai usaha. Antara lain, seperti berikut:

- (i) mempromosikan secara berterusan Program Minda Sihat di sekolah menengah bagi meningkatkan Gaya Daya Tindak murid dalam pengurusan emosi dan gaya hidup sihat;
- (ii) melaksanakan saringan *Depression Anxiety Stress Scales* dengan izin dan soal selidik *Gaya Daya Tindak Coping Scale* dengan izin bagi pengesanan awal isu berkaitan kesihatan mental murid; dan
- (iii) pendekatan kaunseling *crisis* dilaksanakan sekiranya didapati bahawa murid yang dikenal pasti mengalami tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental.

Guru bimbingan dan kaunseling akan merujuk kepada pihak pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan ke klinik kesihatan daerah ataupun hospital pakar psikiatri. Terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Menurut statistik dengan izin *the Adolescent Health Survey 2017*, sebanyak 10 peratus pelajar sekolah kita mempertimbangkan secara serius untuk membunuh dan 6.9 peratus telah melakukan percubaan membunuh diri sekurang-kurangnya sekali.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan program minda sihat dalam menangani isu ini dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan program minda sihat ini dengan melakukan saringan kesihatan mental ke atas pelajar seawal umur 12 tahun, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, Program Minda Sihat yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah seluruh di Malaysia dengan menggunakan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scales* (DASS) dan soal selidik Gaya Daya Tindak. Soal selidik DASS ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan pada nilai *Alpha Cronbach* 0.96, 0.89 dan 0.93 untuk *depression anxiety* dan *stress* dengan izin. Manakala soal selidik Gaya Daya Tindak juga menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* yang tinggi iaitu 0.93 menunjukkan kesesuaian kedua-dua inventori ini untuk digunakan sebagai pengesanan awal kesihatan mental dan Gaya Daya Tindak. Ia menunjukkan kebolehpercayaan murid menangani permasalahan dalam diri murid yang sesuai dilaksanakan di sekolah menengah.

Untuk murid sekolah rendah pula, program pencegahan berbentuk psiko pendidikan kesihatan mental lebih bersesuaian bagi pendedahan awal dan mempromosikan gaya hidup yang sihat. Berkaitan soalan Yang Berhormat Julau, apakah ada usaha untuk memperluaskan lagi? Ya, bermula tahun 2014, program minda sihat telah diperluaskan

kepada semua murid Tingkatan 4 dan murid berisiko di semua sekolah menengah di seluruh negara. Bermula tahun 2019 pula, kumpulan sasaran ialah 20 peratus murid di setiap tingkatan dan murid berisiko di sekolah menengah. Terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Parit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri, ini berkaitan dengan kesihatan. Di antaranya kesihatan mental yang kita kata *stress* tadi. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bilamana Yang Berhormat Menteri ini rajin masuk sekolah kawasan luar bandar dan sebagainya, cuba teliti sedikit apabila Yang Berhormat Menteri sampai kalau boleh dengan izin pergi ke tandas dahulu.

The first thing you go to the toilet first sebab *toilet* ini khususnya di sekolah menengah dan rendah anak-anak, di tandas perempuan pintu pun tidak ada. Jadi mereka *stress*, setiap kali hendak buang air pun dia *stress* sehinggakan batu dalam *bladder* ini betul, bukan melawak, *this is true story*. Ada di antara *toilet* yang mana di belakang pintu *hanger* pun tidak ada, jika mereka hendak buang air besar hendak gantung. *This is all stress you know, begin from a small thing* akhirnya boleh ke arah mereka menjadi satu mental *stress* bila pergi sekolah hendak buang air dan sebagainya.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, dengan izin kantin. Kantin tolonglah tengok kan sedikit, *nutrition-nutrition* tambahan. Saya faham kekangan keadaan kewangan negara, tetapi ini harus diberikan satu keperluan yang khusus. Kalau boleh, saya bukanlah kata, ini semua produk makan nasi lemak lah ini. Kalau boleh janganlah bagi makan nasi lemak dekat sekolah awal pagi. Zaman bapa kita pergi sekolah makan nasi lemak, kita pergi sekolah makan nasi lemak, anak kita makan nasi lemak, cucu kita pun makan nasi lemak. *I think you have to change the food intake*. Ini di antara yang boleh kita mengurangkan ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Otak nasi lemak.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Stress* dan akhirnya boleh selesaikan masalah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lama-lama jadi otak nasi lemak sahaja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun lari sedikit pada topik.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling kerana memberikan pengiktirafan terhadap usaha-usaha yang telah saya lakukan. Keluar masuk sekolah dan juga institusi pengajian tinggi yang lain. Jarang kita dapat orang di sebelah sana boleh hendak berikan kredit kepada kita. Terima kasih saya ucapkan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [*Berucap dalam bahasa Arab*] *We will tell the truth, no problem.*

Dr. Maszlee bin Malik: *Thank you*, terima kasih. Berkaitan dengan tajuk yang ditanyakan berkaitan tandas dan juga nasi lemak, ia agak tidak berkaitan dengan tajuk perbincangan. Walau bagaimanapun saya berterima kasih kerana ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat Baling terhadap isu pendidikan dan kita akan ambil cakna. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua satu lagi. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tidak ada masa lagi. Yang Berhormat Jerai, silakan.

10. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Perdana Menteri menyatakan statistik bilangan murid kelas KAFA mengikut negeri dan apakah langkah yang diambil bagi menaik taraf kelas tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: *Bismillahir Rahmanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi semua. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah penyelaras Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990. Manakala dari segi operasi KAFA ia dilaksanakan oleh agensi bertanggungjawab di peringkat negeri, sama ada jabatan ataupun yayasan agama Islam negeri.

Sehingga kini terdapat sebanyak 5,634 buah premis KAFA dan 33,200 orang guru KAFA. Jumlah murid yang sedang mengikut program KAFA di seluruh negara pula ialah seramai 978,661 orang murid dekat dengan satu juta orang murid. Pecahan mengikut negeri paling – saya bagi jawapan bertulis ya Yang Berhormat Jerai. Akan tetapi yang paling tinggi ialah Johor sebanyak 187,892 dan yang paling rendah ialah Wilayah Persekutuan sebanyak 13,762. Jadi jumlahnya 978,661 seperti saya katakan tadi.

Tidak dapat dinafikan bahawa program KAFA yang sedang berjalan pada masa ini, adalah bertujuan untuk memperkasa dan mengukuhkan penguasaan pendidikan Islam dalam kalangan kanak-kanak peringkat rendah. Pada masa ini, kerajaan melalui JAKIM memperuntukkan bayaran elaun guru KAFA sebanyak RM900 sebulan dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak RM117 sebulan kepada setiap guru KAFA.

■ 1120

Peruntukan sebanyak RM405,172,800 di peruntukkan - disalurkan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan KAFA di negeri-negeri melalui JAKIM.

Berkenaan dengan premis- berkenaan dengan menaik taraf program KAFA, kerajaan sedang meneliti semula isu-isu pendidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan KAFA. Kita mempunyai satu visi di mana kita mahu lebih ramai anak-anak kita yang pergi ke sekolah KAFA kerana inilah persiapan kita untuk membantu memantapkan kefahaman mereka di peringkat awal. Kita juga ingin menambah hari KAFA sehingga menjadikan ia lima hari seminggu, dan kita juga mahu meletakkan premis-premis itu dengan kerjasama Kementerian Pendidikan- KPM, dan menggunakan premis-premis sekolah kebangsaan supaya mereka- murid-murid ini tidak berpindah ke surau atau pun ke masjid, dan sebagainya.

Jadi apa yang kita- selain daripada itu modul-modul, latihan guru prasarana perjawatan juga kita sedang tengok, dan telah pun ditubuhkan satu *Taskforce* KAFA yang bermula pada 1 Oktober 2018, yang seharusnya berakhir pada hujung Mac, dan sekarang kita dalam proses mengemas kini laporan terakhir berkenaan dengan laporan *Taskforce* ini, yang melihat kepada semua aspek, menaik taraf jawatan guru serta penyelia KAFA di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan dan saya mengalu-alukan Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang baharu masuk.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam latihan profesional guru KAFA, adakah telah menjurus ke arah PDP yang berteknologi berasaskan jalur lebar, dan setakat ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa kali kah semakan sukatan KAFA telah ditambah baik? Serta adakah disediakan peruntukkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) di sekolah-sekolah KAFA di seluruh negara? Sekian.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih di atas soalan tersebut. Kita sekarang sedang bekerjasama dengan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk melatih guru-guru KAFA, dan di dalam Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2018, bersetuju untuk dengan perluasan fungsi Institut Pendidikan Guru- Kampus Pendidikan Islam ini, untuk membantu mendidik- latihan-latihan kepada guru-guru KAFA.

Dari segi Alat Bantuan Mengajar atau ABM, selama ini, setakat ini, dalam lebih kurang 30 tahun, dia punya prosesnya ialah Jawatankuasa yang menubuhkan KAFA itu bertanggungjawab, kerana JAKIM hanya bertanggungjawab memberi elaun. Premis disediakan oleh Jawatankuasa yang menganjurkan KAFA dan di bawah penyeliaan Jabatan Agama Islam ataupun Yayasan Negeri. Jadi itu keadaan sekarang ..

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Peruntukan, peruntukan...

Puan Fuziah binti Salleh: Jadi sebab itu, ke masa hadapan, ini antara perkara yang kita sedang tengok sebab sebelum ini, inilah gunanya *Taskforce* Yang Berhormat Jerai untuk melihat kepada perkara ini. Begitu juga berkenaan dengan kurikulum di mana kita ada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang sentiasa melihat kepada penambahbaikan kurikulum. Dan kita bukan sahaja melihat kepada *contents* tetapi juga kepada penerapan nilai di masa hadapan.

Jadi kita akan gunakan kurikulum baharu nanti pada tahun 2020, iaitu tahun depan. Selesai sahaja kita siap *Taskforce* ini, kita akan mempersembahkan kepada Duli Tuanku Dipertuan Agong kerana ini Pendidikan Agama Islam di bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan kemudian akan di bawah juga kepada Mesyuarat Majlis Jemaah Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri berkenaan guru-guru KAFA. Benarkah ramai guru KAFA secara kontrak khususnya di Johor telah ditamatkan kontrak mereka?

Tadi disebut di Johor merupakan jumlah pelajar paling tinggi, jadi harap pihak Menteri boleh beri penjelasan, bolehkah diselamatkan guru-guru ini yang telah berkhidmat beberapa tahun daripada ditamatkan begitu sahaja. Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Memang selama ini guru-guru KAFA ini kontrak mereka diperbaharui setiap dua tahun, sebab itu antara perkara yang kita hendak lihat dalam pemeraksanaan KAFA ini ialah untuk menyerapkan guru-guru ini di dalam skim perjawatan, supaya kebajikan mereka dijaga dan supaya kita dapat lihat kepada pekerjaan mereka mengajar anak-anak kita ini sebagai satu kerjaya- sebab itu kita sedang kaji dalam *Taskforce* ini.

Saya tidak menerima maklumat berkenaan penamatan kontrak guru-guru KAFA di Johor. Setahu saya pada bulan Mac baru-baru ini yang tamat tempoh, di Johor semuanya disambung kontrak mereka. Jadi kalau ada masalah-masalah yang begitu, Yang Berhormat Pasir Gudang boleh tulis kepada saya. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

11. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, senarai negeri-negeri dalam rangka yang termaju dan terkaya di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang dirancang untuk membantu negeri-negeri yang mundur dan miskin.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sarikei, tumpuan kerajaan untuk memastikan pembangunan yang seimbang merentasi Wilayah dan negeri. Ia penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat berdasarkan prinsip kemakmuran bersama, atau *shared prosperity*.

Tahap kemajuan sesebuah negeri berasaskan kepada prestasi ekonomi sesebuah negeri yang diukur berdasarkan pertumbuhan KDNK. Dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, iaitu tahun 2016, 2017, semua negeri mencatat pertumbuhan yang positif- negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk Putrajaya, Sarawak dan Johor merupakan penyumbang utama pertumbuhan ekonomi yang mewakili 57.5 peratus daripada KDNK nasional.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Sabah, Melaka, Selangor, Johor dan Pulau Pinang mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak 5.1 peratus. Pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri tersebut dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan, pembuatan, dan pembinaan.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi negeri yang lebih bergantung kepada industri komoditi, pertanian serta perlombongan seperti Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak telah terjejas akibat daripada ketidakstabilan harga komoditi dan fenomena El Nino.

Ketidaksamaan ekonomi antara negeri semakin melebar meskipun terdapat *trend* peningkatan KDNK per kapita di semua negeri. Ketidaksamaan ini disebabkan oleh perbezaan aktiviti ekonomi antara negeri. Dalam hal ini, negeri Kelantan, Kedah, Perlis, dan Sabah yang didominasi oleh sektor pertanian mencatat jurang KDNK per kapita yang besar berbanding purata nasional sebanyak RM42,228 pada tahun 2017. Sebagai contoh Kelantan mencatatkan KDNK per kapita yang paling rendah iaitu RM13,593 pada tahun 2017, dengan perbezaan sebanyak 67.8 peratus di bawah purata nasional.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara Wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ketiga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu menuju ke arah pembangunan Wilayah yang seimbang. Tiga bidang keutamaan yang dinyatakan dalam KSP Rancangan Malaysia Kesebelas ialah memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah, merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, dan mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh dua tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesebelas, peruntukkan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberikan kepada enam negeri yang perlu mendapat perhatian untuk pembangunan iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Di bawah *Rolling Plan Four 2019*, Rancangan Malaysia Kesebelas, negeri-negeri tersebut telah pun diperuntukkan sejumlah RM13.2 bilion, atau 24.1 peratus daripada jumlah Peruntukkan Pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukkan ini telah meningkat 10.6 peratus iaitu sebanyak RM1.6 bilion daripada tahun sebelumnya iaitu hanya RM11.9 bilion pada tahun 2018.

■1130

Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 349 projek baru dan 1,696 projek sambungan melalui pelbagai kementerian. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan *share prosperity*, kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara wilayah, antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai kemakmuran bersama. Terima kasih.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya dengan mengenakan cukai jualan negeri Sarawak sebanyak 5 peratus pada produk-produk petroleum, berapakah banyak yang akan membantu dalam peningkatan ekonomi Sarawak dan bagaimana ia memberi kesan kepada hasil Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Sarikei yang membangkitkan tentang cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengenakan 5 peratus cukai jualan kepada produk-produk petroleum dan gas. Sebenarnya sebaik sahaja Kerajaan Negeri Sarawak melontarkan cadangan ini, satu perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan telah diadakan kerana cadangan yang telah dilontarkan ini akan memberi kesan secara langsung kepada hasil petroleum oleh Petronas dan juga sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam perbincangan peringkat awal, kerajaan negeri telah bersetuju supaya perkara ini turun dibangkitkan dalam Jawatankuasa *Malaysian Agreement* 1963 untuk diperhalusi dan *insya-Allah* pada akhir bulan April ini saya akan bersama-sama dengan pasukan daripada kementerian untuk berbincang dengan kerajaan negeri bagaimana cadangan kerajaan negeri ini boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan hasil kepada Kerajaan Persekutuan melalui Petronas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Pasir Salak tadi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Hendak bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau? Silakan. Saya nampak Yang Berhormat Pasir Salak bangun tadi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Atas meja Ahli-ahli Majlis Mesyuarat adalah cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Asalnya hendak letakkan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* dengan Semenanjung Malaysia. Akan tetapi nampaknya berubah sedikit pindaan. Jadi, saya hendak tanya kepada Menteri. Setakat pindaan ini sahaja tidak cukup. Sama ada kita hendak sokong, bergantung kepada apa komitmen yang boleh dinyatakan hari ini, pagi ini tentang pengagihan peruntukan yang akan dibuat apabila pindaan ini dilulus. Apakah Sabah dan Sarawak akan diberikan komitmen pada pagi ini pembahagian peruntukan *equal partner* dengan Semenanjung Malaysia. Kalau tidak, susah untuk dapat sokongan.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Rantau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Rembau. Rantau kita menang nanti. Rembau sudah menang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Insyallah* kami akan menang Rantau.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saja tu dia main-main saja.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tersasul macam itu sekali.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya telah menyatakan tadi bahawa dalam *Rolling Plan* ke-4 tahun 2019, sejumlah peruntukan bagi tujuan pembangunan telah pun diberikan keutamaan kepada 6 buah negeri, termasuklah Sabah dan Sarawak. Jadi bagi tahun ini sahaja, jumlah peruntukan pembangunan yang diagihkan kepada negeri Sarawak dan Sabah jauh lebih besar daripada apa yang telah diperuntukkan pada tahun-tahun sebelumnya.

Namun dalam usaha kita untuk melaksanakan janji di dalam perjanjian 1963, kita harus melihat dari segi konteks keseluruhannya. Bukan sahaja dari segi jumlah peruntukan pembangunan. Akan tetapi dalam konteks supaya sebagai *equal partners* Sabah dan Sarawak harus mendapat hak mereka sebagai negeri-negeri yang berdaulat dan inilah yang telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam dua mesyuarat jawatankuasa peringkat kabinet MA1963 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seperti yang saya nyatakan tadi untuk memperhalus beberapa permintaan daripada kerajaan negeri. Maka kita akan mengadakan satu lagi perbincangan di peringkat negeri yang akan saya hadiri pada hujung bulan April ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Boleh? Ini *special* untuk Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Pendek. Ringkas.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, boleh lah Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan secara ringkas.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya sebab saya berada di dalam satu *Select Committee Federal State Relationship*. Apa yang Menteri nyatakan tadi memang betul dinyatakan melalui manifesto, di mana 50 peratus daripada peruntukan pembangunan adalah untuk mula-mula untuk 5 negeri, 6 negeri itu Kedah baru dimasuk. Saya hendak perbetulkan.

Hanya 5 negeri dan 5 negeri ini dikatakan 5 negeri adalah miskin. Adakah Sarawak adalah salah satu daripada negeri yang dikatakan miskin, di mana kami peruntukkan bajet yang diberi oleh Yang Berhormat Ketua Menteri semasa DUN hari itu adalah lebih kurang 11 bilion. Jadi adakah itu di antara negeri yang dikatakan termiskin apabila sebuah negeri yang boleh memperuntukkan peruntukan bajet yang begitu banyak sekali. Kami kalau diberi, kami terima kasih lah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menjelaskan sebelum ini bahawa pada satu ketika dahulu ketika kita merencana dan menggubal Perjanjian Malaysia 1963, negeri Sarawak dan Sabah bukanlah negeri yang mempunyai hasil yang tinggi seperti apa yang dinikmati sekarang. Sebab itu sebagai negeri-negeri di dalam Malaysia, kita bersetuju untuk menyumbang bagi pembangunan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Namun hari ini kita mengakui bahawa dengan hasil petroleum dan gas di negeri Sabah dan Sarawak, mereka kedua-dua negeri ini tidak lah tidak maju seperti sebelum ini. Malahan Sabah dan Sarawak sekarang antara negeri yang termaju dalam meningkatkan hasil petroleum dan gas. Namun kita juga memahami, negeri Sarawak ini merupakan negeri yang terlalu luas. Masih banyak kawasan-kawasan pedalaman yang harus diberikan perhatian.

Maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan telah bersetuju sementara Sarawak merupakan negeri yang semakin maju pada hari ini tetapi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi membangunkan kawasan-kawasan pedalaman selaras dengan tonggak ketiga yang saya nyatakan tadi. Kita bukan hanya ingin menumpukan pembangunan di bandar sahaja. Akan tetapi wilayah-wilayah dan kawasan desa juga berhak mendapat pembangunan, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

12. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna menyatakan mekanisme yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang oleh pembekal dan pemborong.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Serai kerana menyentuh berkenaan kawalan harga barang dan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna mengambil perhatian yang serius terhadap rungutan orang ramai dan bertindak memantau mana-mana peniaga dalam negara bagi memastikan harga barang di pasaran adalah berpatutan. Pelbagai langkah serta inisiatif bagi menyediakan barangan keperluan terutamanya yang lebih berpatutan untuk dinikmati rakyat umumnya telah dan sedang dilaksanakan.

Antara langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil adalah melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Satu majlis telah ditubuhkan iaitu Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di bawah kementerian saya berfungsi sebagai badan utama bagi menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu serta mencapai impak yang lebih maksimum demi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

■1140

Kementerian ini juga turut mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya berkaitan harga barangan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat oleh kerajaan kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Memperluaskan inisiatif Food Bank Malaysia ke Institut pengajian tinggi di seluruh Malaysia bagi membantu graduan-graduan yang kurang berkemampuan dan masih meneruskan pemberian ke golongan kurang berkemampuan;

- (ii) Memanjangkan tempoh kawalan harga bagi Skim Kawalan harga pada musim-musim perayaan utama;
- (iii) Mencadangkan supaya menambah bilangan barangan keperluan di dapur dalam senarai barangan kawalan yang ditetapkan oleh KPDNHEP;
- (iv) Mewujudkan Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi dan Special Action Squad untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat dan pantas;
- (v) Menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh pegawai pemantau harga kementerian; dan
- (vi) Mengkaji semula polisi-polisi monopoli yang diwujudkan oleh pentadbiran sebelum ini khususnya terhadap empat entiti perniagaan yang diberi kuasa monopoli yang menjejaskan kepentingan rakyat iaitu Puspakom, MyEG, Pharmaniaga dan Bernas. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Rakyat sebagai pengguna di bandar ataupun di luar Bandar sebenarnya terkesan sangat dengan peningkatan kos harga barang mutakhir ini, Kalau kita pergi ke kawasan luar bandar macam di Parlimen saya di Padang Terap memang dirasai tentang harga barang yang dirasai oleh rakyat. Cuma sekarang ini ada soalan saya itu ialah berkaitan dengan mekanisme yang diwujudkan untuk mencari jalan bagi pemborong dan juga pembekal.

Pemborong dan pembekal ini dia pembekal selepas itu dia pemborong. Selepas pemborong baru lah pergi kepada peruncit. Di sini lah yang berlaku di mana harga barang yang tidak dapat dikawal dan harga pergi kepada peruncit dan baru pergi kepada pengguna. Ada empat peringkat dan akhirnya yang teruk hari ini adalah pengguna. Dalam keadaan ini saya kira dengan harga komoditi kelapa sawit dan getah yang berada pada paras yang rendah sudah tentulah menjadi masalah kepada penduduk- penduduk di kawasan luar bandar. Jadi, apa yang melibatkan pembekal dan juga pemborong yang diambil oleh kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih daripada Yang Berhormat Padang Terap. Untuk mengkaji itu *supply chain* iaitu rantaian bekalan yang merentasi beberapa kementerian. Oleh itu, kita telah menubuhkan satu pasukan petugas khas *special task force* yang dianggotai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, SSM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk mengkaji dan meneliti seluruh rantaian bekalan makanan daripada peringkat pertamanya sampai kepada iaitu pengilang, pengeluar yang disebutkan oleh Yang Berhormat seterusnya pemborong dan peruncit.

Ini adalah untuk bertujuan untuk mendapatkan gambaran benar mengenai seluruh rantaian bekalan dan kajian masih dijalankan. Pasukan itu akan mencadangkan beberapa solusi untuk mengatasi masalah Yang Berhormat yang sebut dalam masa yang dekat, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya, rakyat tidak dapat menikmati perbezaan di antara kerajaan dahulu dan kerajaan sekarang walaupun GST telah dihapuskan namun bolehkah pihak kerajaan untuk mewujudkan perbezaan di mana rakyat boleh bezakan antara barang-barang yang dibeli itu ada diturunkan harga terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, saya ingin mengulang lagi adalah bahawa harga barangan adalah ditetapkan oleh *market forces* iaitu penawaran *supply and demand* dan kita tidak boleh menetapkan harga kawalan kepada semua barangan. Akan tetapi satu hakikat yang kita boleh nampak adalah di masa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional iaitu kerajaan sebelumnya pada puratanya *Consumer Price Index* itu naik setiap bulan angkanya adalah tiga peratus lebih daripada tiga peratus. Sesetengah bulannya sampai ke empat peratus., itu *CPI index*.

Akan tetapi selepas kita mengambil alih kerajaannya sampai sekarang hujung tahun 2018, angka CPI *index* ini setiap bulan adalah kurang dari satu peratus. Ini adalah perbezaan statistik. Kita menggunakan kaedah statistik mekanisme statistik yang sama. Barangan yang dikaji diletak dalam bakul itu barangan untuk mengukur statistik itu pun sama. Akan tetapi kalau dibandingkan *statistical figure* itu, semasa zaman Barisan Nasional adalah lebih daripada tiga peratus. Selepas kita menjadi kerajaan, harga CPI *index* iaitu kadar inflasi adalah kurang daripada satu peratus sehinggakan dalam Januari dan Februari CPI *index* adalah negatif tujuh dan negatif empat.

Oleh itu, kita sekarang adalah bertungkus-lumus untuk mengawal harga, mewujudkan satu suasana di mana harga tidak naik dengan terlampau tetapi ini adalah dan salah satu langkah yang kita buat adalah untuk menghapuskan, menamatkan monopoli yang diwujudkan di mana supaya kita boleh menggalakkan persaingan dalam perniagaan dan perusahaan yang saya yakin dengan persaingan yang sihat dan lebih, kita dapat menurunkan harga barangan di sesetengah sektor ekonomi kita, sekian. Setakat ini yang saya boleh jawab kan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya masuk ke soalan 13, saya bersyukur kepada Pakatan Harapan kerana telah berjaya menjadi kerajaan pada hari ini. Cuma, apabila disingkap apabila 20 tahun dahulu pelbagai keperitan untuk tiba pada hari ini, saya pada hari ini ingin merakamkan ucapan Selamat Menyambut Ulang tahun ke-20 buat Keadilan [*Tepuk*]. Perjuangan reformasi ini demi sebuah keadilan demi rakyat.

13. Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta Menteri Kewangan menyatakan berkaitan Bantuan Sara Hidup, bagaimana jika kos pendapatan isi rumah melebihi RM4000 sebulan tetapi mempunyai nilai tanggungan yang tinggi seperti mempunyai anak yang ramai atau mempunyai tanggungan yang mengidap sakit kronik. Adakah pemohon masih layak untuk memohon atau tidak. Jika layak, adakah pihak agensi sedia maklum dengan perkara ini dan adakah garis panduan telah ditetapkan.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bantuan sara hidup merupakan salah satu bantuan yang bersasar bagi golongan berpendapatan rendah B40 untuk meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan. Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

Untuk melayakkan menerima BSH 2019, tempoh pendaftaran ataupun pengemaskinian telah dibuka mulai 1 Februari 2019 sehingga 15 Mac 2019. Pemohon yang layak perlu mendaftar dan mengemas kini maklumat isi rumah yang berkaitan. Secara amnya, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan layak untuk menerima bantuan sara hidup. Pendekatan bantuan sara hidup adalah selaras dengan keprihatinan kerajaan untuk menasaskan bantuan hanya kepada golongan yang layak menerimanya iaitu golongan yang amat perlukan bantuan bagi menghadapi kos sara hidup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan memastikan semua bantuan kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40, terima kasih.

■1150

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Menteri atas jawapan yang sungguh lengkap. Soalan tambahan saya adalah adakah kementerian boleh menyediakan kad penerima bantuan sara hidup dan berkolaborasi dengan beberapa syarikat besar seperti Giant, Tesco, Aeon di mana pemegang kad tersebut boleh membeli barangan rumah dengan harga rebat. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada dalam BSH ini adalah pemberian wang secara langsung atau terus kepada penerima-penerima yang akan dapat wang tersebut dalam akaun bank mereka. Sekiranya kita ada kaedah baharu yang melibatkan pasar raya-pasar raya dan pusat beli-belah, tentu ini boleh diambil kira apabila kerajaan memperkenalkan satu sistem kad, apa yang kita selalu sebut sebagai satu *free card* tetapi tentunya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan diambil kira. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini terdapat masalah sedikit Menteri apabila ada seseorang individu yang memohon tetapi dia mempunyai anak dan apabila anak itu bekerja, dia tidak ada kelayakan untuk memohon. Jadi apakah mekanisme yang boleh dilihat oleh kerajaan untuk membantu supaya anak dia ada tanggungan, ada isteri dan anak juga tetapi yang ibunya ini dia berseorangan. Apa mekanisme yang boleh dibantu untuk menyelamatkan keadaan ini? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat dari Kinabatangan. Sekiranya mereka melebihi 60 tahun saya rasa untuk warga emas tidak ada masalah tetapi mungkin ia timbul apabila dia kurang daripada 60 tahun. Pihak kerajaan mengambil satu pendekatan yang longgar supaya kita lihat sejauh manakah mereka terkesan. Sekiranya ada kes-kes seperti ini di mana mereka tercicir ataupun terkeluar daripada senarai penerima, Yang Berhormat boleh tulis surat kepada pihak kami, nanti kami tentu akan mempertimbangkannya. Yang penting ialah program BSH adalah satu program bersasar supaya mereka yang perlukannya akan dapat menerima bantuan. Apa yang kita hendak elakkan ialah sekiranya mereka yang berkemampuan seperti apa yang berlaku dulu di mana orang yang bergelar Datuk pun boleh terima bantuan, itu kita tidak mahu ia berulang lagi. Jadi itulah sebabnya ia bertujuan untuk menghalang mereka yang bergelar Datuk atau berkemampuan menerima BSH bukanlah ke atas mereka yang amat memerlukannya. Terima kasih Yang Berhormat.

14. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan nyatakan status pelaksanaan projek bekalan elektrik solar hybrid di Long Bedian Apoh, Long Atip Apoh, Long Wat Apoh serta pelaksanaan sistem grid di kawasan Sg. Peking dan Kawasan Sebu Bu Beluru yang diluluskan kerajaan sebelum ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Baram atas soalan yang bertanyakan status pelaksanaan dua projek bekalan elektrik luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar di Long Bedian Apoh, Long Atip Apoh, Long Wat Apoh adalah dalam peringkat pelaksanaan. Berdasarkan kepada tempoh pelaksanaan projek, ketiga-tiga rumah panjang tersebut akan mendapat bekalan elektrik 24 jam selewat-lewatnya pada akhir April atau bulan ini 2019.

Berkenaan dengan projek yang kedua, pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) secara talian grid di kawasan Sungai Peking dan kawasan Sebu Bu Beluru masih dalam pembinaan. Namun begitu kelewatan telah berlaku disebabkan pengurusan kontraktor yang lemah. Projek ini diteruskan secara berdeda sehingga projek siap dengan pemantauan yang rapi oleh pihak kementerian dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan September 2019. Sekian, terima kasih.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberi. Projek bekalan solar hibrid di kawasan Apoh itu memang dah lama dilaksanakan dan terima kasih kerana memberi jawapan yang positif dan kita harap supaya ketiga-tiga rumah panjang ini nanti akan menikmati kemudahan tersebut.

Berkenaan dengan yang di Sungai Peking, saya mahu tahu berapa peratus status pelaksanaan projek di kawasan Peking setakat ini memandangkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan akan disiapkan dalam bulan September tahun ini. Kita mahu tahu status pelaksanaan sebab saya tahu pada hari ini hanya tiang saja di situ. Sekian, terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Baram atas soalan tambahan itu. Mengikut maklumat yang ada pada saya sekarang, ingin saya maklumkan bahawa peratus kemajuan sebenar atau *actual* dengan izin ialah 87 peratus walaupun sepatutnya 100 peratus tetapi telah sampai 87 peratus, baki 13 peratus. Berdasarkan penilaian baki kerja-kerja itu dijangkakan akan siap pada bulan September. Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kanowit, silakan.

Datuk Ago Dagang [Kanowit]: Kanowit. [Ketawa] Terima kasih atas jawapan Menteri berkenaan dengan penyambungan elektrik di kawasan Sarawak. Adakah ini bermakna *Rural Electricity Supply (RES)* projek di Sarawak masih diteruskan dan berapakah peruntukan untuk 2019? Ketiga, macam mana proses permohonan ini? Kalau dulu kita menggunakan pejabat daerah di mana permohonan ditujukan kepada pejabat-pejabat daerah melalui wakil rakyat dan lepas itu *of course* diberi kepada kerajaan negeri. Minta penjelasan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit atas soalan itu. Memang semua projek-projek BELB atau bekalan elektrik luar bandar diteruskan dan proses memohon boleh dibuat melalui pejabat daerah ataupun terus kepada kerajaan negeri ataupun juga kepada pejabat kementerian di peringkat negeri. Akan tetapi akhirnya buat masa sekarang pendirian ataupun pendekatan yang diambil oleh kementerian ialah akhirnya ia kena dimasukkan dalam senarai keutamaan yang akan disediakan di peringkat kerajaan negeri oleh UPEN sana. Itulah yang akan dimajukan kepada kementerian di peringkat Putrajaya untuk dipertimbangkan ...

Datuk Ago Dagang [Kanowit]: Peruntukan Menteri, jumlah peruntukan untuk 2019.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya jumlah peruntukan yang tepat tidak ada pada saya, saya akan bagi secara bertulis peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar untuk tahun ini. Terima kasih.

15. Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan senaraikan kesemua projek tebatan banjir yang sedang dan telah dilaksanakan di dalam Parlimen Nibong Tebal. Adakah perancangan jangka panjang tebatan banjir di sepanjang Sungai Jawi Parlimen Nibong Tebal yang sering dilanda banjir.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan kepada Yang Berhormat Nibong Tebal ini tentang isu melaksanakan projek tebatan banjir di Nibong Tebal. Mula-mulanya saya hendak katakan, projek RTB Sungai Kerian di Nibong Tebal sudah pun sampai kepada 94 peratus yang sudah pun disediakan. Peruntukan untuk projek ini kita telah peruntukkan sampai RM97.4 million yang telah diperolehi oleh PFI di mana kerajaan telah pinjam dari EPF pada tahun 2012 dan projek ini akan siap pada Jun 2019.

Kepada soalan yang kedua tentang Sungai Jawi dan juga tebatan banjir di atas kawasan Nibong Tebal, sekarang kita telah pun wujudkan satu kajian penyelidikan. Pada bulan Jun ini kita akan panggil tender untuk konsultan untuk buat kajian keseluruhan kawasan Nibong Tebal.

■1200

Sedikit latar belakang kawasan Nibong Tebal yang dikatakan selalu ada banjir, ini sebab Sungai Jawi dengan juga Sungai Kerian ini, permulaan dua-dua sungai ini ialah di negeri Perak dengan negeri Kedah, yang termasuk kepada Pulau Pinang. Sebab itu kementerian telah pun wujudkan satu kajian seluruh, yang itu termasuk Nibong Tebal, termasuk Permatang Pauh dan kawasan-kawasan berdekatan dengan itu, untuk buat satu kajian keseluruhan untuk kita dapatkan satu gambaran di mana kita boleh gunakan dana yang kita ada untuk atasi masalah banjir di dalam kawasan itu. Sebab itu kita akan belanja dekat RM10 juta untuk buat kajian saja di atas seluruh kawasan ini, untuk kita ada beberapa projek di dalam kawasan bukan saja di dalam kawasan Nibong Tebal tetapi masuk juga kepada kawasan Seberang Perai, daerah Seberang Prai dan juga untuk kawasan Permatang Pauh, dan macam mana kita boleh atasi masalah itu. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah, dalam perbincangan awal kita dengan JPS Daerah dikatakan yang untuk jangka panjang untuk selesaikan masalah banjir di Parlimen Nibong Tebal dan kawasan sekitarnya ialah dengan adanya satu kawasan tadahan air di Kampung Relau di Kedah. Jadi saya ingin tahu apakah status projek itu sekarang, dan keduanya kalau adakah pertimbangan kepada kementerian untuk kita pindahkan penduduk di Kampung Sethu terutamanya sebab ini kawasan terjejas teruk. Terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Tuan Yang di-Pertua, memang betul, kita akan adakan satu kawasan tadahan di mana kajian telah buat tetapi termasuk di sana juga ada pengambilan tanah yang kita kena lakukan. So bajet yang kita tentukan dan kita akan keluarkan ialah

termasuk untuk kerja-kerja fizikal di sana, dan juga untuk bajet untuk pengambilan tanah juga. So ia akan melibatkan kos tinggi bila kita masuk untuk pengambilan tanah. So, kita kena buat kajian keseluruhan, dan kajian ini telah saya katakan, akan mula pada bulan Jun, dan pada tahun depan, kita akan mulakan pembinaannya 2020, jangkaan ialah bulan Oktober tahun depan kita akan mulakan *design and build* untuk kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan. Seterusnya.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Beberapa Ahli: Peraturan Mesyuarat...

Tuan Yang di-Pertua: Ya...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dululah. *Thank you.*

Saya gunakan Peraturan Mesyuarat 48 iaitu prosedur untuk pihak Yang Berhormat Menteri membawa rang Undang-undang untuk dibentangkan di sini, di mana sekadar baru kita terima awal pagi ini. Saya sekadar ada dua pertanyaan ataupun penjelasanlah sebelum Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua sangat penting sekali. Bagi kami di Sabah dan Sarawak barangkali *this is the only crucial ammendment to the* Perlembagaan Persekutuan yang mengembalikan Sabah dan Sarawak seperti mana dalam Perjanjian Malaysia- dalam status *equal*.

Okey jadi ini bukan perubahan yang biasa-biasa punya. Maka itulah kami telah-sebagai Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak khususnya telah pun merayu supaya perundingan yang seluas-luasnya hendaklah dijalankan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak, dan juga negeri-negeri di sebelah *Malaya*, Semenanjung kerana implikasi luas. Ini bukan sekasar perubahan daripada segi memasukkan balik Sabah dan Sarawak dalam *two sentences* Tuan Yang di-Pertua.

Implikasi daripada segi *by laws*, daripada segi instrumen, daripada segi *legislation* kerana apabila ini diluluskan, ada banyak *legislation* di peringkat negeri dan Persekutuan yang akan terpaksa diubah- daripada segi sempadan Sarawak *issues on Concurrent-List* dan sepertinya, *land*, seperti *environment* dan seterusnya. Itu perlu diambil kira. Dan itulah kami telah mengatakan rujuk dulu ini kepada satu *Select Committee*, kedua kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak melalui Dewan Undangan Negeri.

Akan tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri belum melakukan ini, dan macam kita dalam keadaan tergopoh gapah. *Implication* serius Tuan Yang di-Pertua, *I'm closing. If equal status 3 zon ini then, planning dan resource sharing wanted, you know*, kena tengok betul. Ini belum dibincangkan secara meluas dan seterusnya. Yang Berhormat Rembau tadi sudah sentuh.

So saya merayu kenapa ini tidak dijalankan? Elok dan lebih canggih, dan lebih tepat rujuk dulu kepada *Select Committee in the House, and discuss* secara mendalam. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi...

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pada peringkat ini yang penting ialah pembentangan, Bacaan Kali Yang Pertama. Agak di luar aturan, di luar amalan...

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Peraturan Mesyuarat 34

Tuan Yang di-Pertua: ...Untuk membincangkan isu-isu substantif ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Patut ini dibangkitkan pada peringkat Bacaan Kali Yang Kedua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingin...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua. Ini Peraturan Mesyuarat 48. Yang pertama, Notis kena bagi 24 jam sebelum pembentangan Bacaan Kali Yang Pertama.

Jadi itu kena diikuti juga. Bagilah peluang dengan kita tengok. Pagi ini baru *bill* ini keluar. Jadi kita tidak tengok.

Lepas itu dalam peraturan kalau hendak *refer* kepada Majlis, dia kena Bacaan Kali Yang Pertama. Selepas Bacaan Kali Yang Pertama itu sebelum Bacaan Kali Yang Kedua boleh di *refer* kepada *Select Committee*, dan kerajaan kena tubuh *Select Committee* dahulu. Syorkan *Select Committee - Special Select Committee* untuk mengkaji peraturan, undang-undang itu.

Jadi itu yang kedua. Manakala yang ketiga ialah Tuan Yang di-Pertua, *Steering Committee* di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih bersidang. Jadi baik sekali kalau kita lihat apa yang diputuskan oleh *Select Committee* itu nanti, dan bila sudah siap, masuk bersekali. Ini secara *piecemeal*. Kalau dilihat, saya sudah terima lima *call* daripada pagi ini, oleh kerana- baharu pagi ini, lima *call* mengatakan, "*What is there inside- there is nothing...*"

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri ada *something- tell us before* dalam masa 24 jam sebelum pembentangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, tambahan sikit.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 34(1)

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kinabatangan dulu, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Jauh itu Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perkara penting. Dan kalau Yang Berhormat Santubong menerima lima panggilan, saya menerima lebih 10 panggilan Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berhubung dengan masalah ini. Dan apa yang dapat saya maklumkan bahawa *Steering Committee* atau Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri masih berjalan. Jadi oleh kerana itu, perkara ini berpuluh-puluh tahun kita tidak rubah, tidak rungkai. Jadi adalah lebih molek kalau Dewan ini menangguhkan dulu pembentangan akta ini dan kita duduk bincang... [Tepuk]

Apa yang boleh, kasi dia....

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, setuju. Kita tangguhkan dulu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Untuk rakyat Sabah dan rakyat Sarawak itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih Peraturan Mesyuarat 34(1) Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan supaya pembentangan Rang Undang-undang Pemindaan Perlembagaan ini ditarik balik kerana masih memerlukan perbincangan, masih perlu dipersetujui, masih perlu dibentangkan juga dan dibahaskan di peringkat Dewan Undangan Negeri Sabah, dan Sarawak. Jadi saya mohon cadangan ini ditarik balik dulu. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Ketua Pembangkang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya pun bersetuju dengan rakan daripada Sabah dan Sarawak kerana pindaan ini tidak membawa erti apa-apa pun. Hanya

masih lagi menyebut “negeri”. Cuma dulu satu *line*, dan sekarang ini ada (a) dan (b) saja, itu saja. Sedangkan tuntutan dan kehendak daripada sahabat-sahabat di Sabah dan Sarawak...

Seorang Ahli: Orang Sabah, Sarawak jadi B.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Lebih daripada soal negeri.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dulu semua (a), sekarang (a), (b) saja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi tidak ada membawa apa-apa makna. Seolah-olah...

Seorang Ahli: *Class- second class.*

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Downgrade* mana boleh.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *Rating downgrade, rating downgrade.*

■ 1210

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pindaan ini seolah-olah hendak mempermain-mainkan Sabah dan Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Ketua Pembangkang. Kita tak nak jadi seperti...

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi sebenarnya kalau pindaan ini melibatkan tuntutan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak dan yang dituntut di bawah MA63, itu yang terbaik. Bukan setakat dua *line* sahaja mengenai negeri-negeri di Sabah dan Sarawak ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan agar melihat secara total, bukan secara *piecemeal*. Kalau sekadar tukar nama dan atur *division* (a), *division* (b), ini tidak memadai. Ini bukan cita rasa orang Sabah dan Sarawak. Kalau boleh, kita melihat secara holistik. Mesti ada sesi libat urus yang lebih meluas. Selalu kita sebut *Parliamentary Select Committee*. Kenapa tidak melalui proses itu dahulu? Saya minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, akhir sekali Yang Berhormat Petrajaya.

Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang telah diperkatakan oleh semua yang bersuara tadi dan kita cadangkan supaya *Select Committee* diwujudkan dan *Select Committee* ini akan mempertimbangkan apa sahaja keputusan yang dibuat oleh *Steering Committee*, Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung kait dengan perbincangan berkaitan dengan hak dan keistimewaan Sabah dan Sarawak, sama ada yang telah diperuntukkan dan juga yang telah dibincangkan dan ditarik balik. Apa sahaja cadangan, pindaan seterusnya, mesti dibawa ke *Select Committee*.

Oleh sebab ia bukan sahaja melibatkan Sabah dan Sarawak tetapi seluruh negeri di Semenanjung juga akan terkesan disebabkan banyak kesannya apabila pindaan dilaksanakan. Terima kasih.

Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, kami semua menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Saya akan putuskan sekarang. Kalau mengikut Aturan Mesyuarat 48 yang disebut ialah pengeluaran pemberitahuan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu. Ini soal acara pengendalian Dewan. Notis telah diberitahu semalam. Jadi dari segi amalan, memadai untuk hari ini dibentangkan...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, kita jangan kepada *technicality* sahaja. Jangan kepada *technicalities*.

Tuan Yang di-Pertua: ...Pembacaan pertama. Pembacaan pertama. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dibangkitkan semula semasa pembacaan kedua. Itu amalan kita setakat ini. Jadi teruskan, silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Buat pun salah, tidak buat pun salah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, isu lain.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah memberikan petua. Jadi kita teruskan. Kalau tidak, tidak ada kesudahannya. Silakan.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempersoalkan prosedur dia. Prosedur itu memang tepat. Kita persoalkan impak kandungannya. Perlu ada perbincangan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ini permulaan. Permulaan.

Tuan Yang di-Pertua: Bangkitkan hujahan-hujahan ini semasa dekat pembacaan kedua.

Datuk Liew Vui Keong: Nanti bahaslah dalam. Nanti boleh berbahas.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Prosedurnya memang tepat. Tidak ada apa-apa.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ini hak Sabah. Sokonglah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah mengeluarkan petua. Ya teruskan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Menteri ini orang Sabah Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri dari Sabah. Jaga, jaga.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Liew Vui Keong: Nanti bahaslah Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kalabakan tidak setuju kah?

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong] dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tahniah dapat *division* B, tahniah, ranking B.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Di bawah...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah putuskan Yang Berhormat Santubong. Maaf, saya sudah putuskan. Jadi bangkitkan semasa pembacaan kedua. Seterusnya usul.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 34(1).

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri orang Sarawak, belot.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usul saya lebih penting.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Peraturan, peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Usul, usul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bagilah peraturan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Peraturan 34(1).

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kita dengar peraturan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Peraturan 54(1).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan 54(1). Ya, silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Selepas bacaan kali yang pertama, kami meminta supaya rang undang-undang ini *direfer* kepada *Special Select Committee* Tuan Yang di-Pertua. Jangan *bulldoze*. Minta tolong Tuan Yang di-Pertua, sebab peraturan kita ada, peraturan kita ada. Permohonan dan permintaan semua Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak tadi ialah... [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri orang Sabah belot. Belot!

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kami semua menyokong. Tuan Yang di-Pertua, kami semua menyokong. Kami semua menyokong Tuan Yang di-Pertua. Ikut peraturan, ikut peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sabah dan Sarawak di sebelah sana. Sabah. Yang Berhormat Saratok tidak sokong kah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bangun Sabah dan Sarawak.

[*Dewan riuh*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Select Committee*.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Lubok Antu. Sarikei, Sarikei, Sarawak, Sarawak. *This is* masa depan kita ini. *Once in the lifetime* ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Tuaran.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya tenteram, tenteram.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Mana Sabah, Sarawak? Bangun, bangun.

Tuan Yang di-Pertua: 54(1)...

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Mana, mana Sabah Sarawak lain, mana? MP Sabah, Sarawak mana?

Seorang Ahli: Jangan main politik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jual maruah diri. MP Sabah Sarawak sama-sama jual maruah...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Mana Sabah, Sarawak?

[*Pembesar suara dimatikan*]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk, sila duduk. Kalau benar-benarlah kita hendak ikut peraturan, satu usul mesti dicadangkan secara bertulis. Jadi, sila sediakan usul. Ya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Usul sudah dibuat oleh Yang Berhormat Santubong dan lebih 15 orang bersetuju. Yang Berhormat Tuaran tidak berdiri kah Yang Berhormat Tuaran?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah. Saya rasa usul saya lebih penting ini. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1)...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu usul Sabah Sarawak tidak penting kah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukan, itu penting tetapi ini pun penting juga.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kenapa orang Semenanjung pun nampak Sabah Sarawak penting, *both* penting. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri berani cakap...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar. Saya telah putus sebagai Tuan Yang di-Pertua. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.16 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018 (2019) dan usul Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 8 April 2019”.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Isu lain. Saya semalam...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pindaan Perlembagaan ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Semalam saya menghantar surat itu di bawah Peraturan 18(2) iaitu mengemukakan usul supaya kerajaan menarik semula penyertaan di dalam *Statut Rom*. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada usul ini akan dibahaskan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya menerima usul bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh saya baca usul saya?

Tuan Yang di-Pertua: Belum diputuskan lagi. Saya hendak nyatakan *sequence*, yang saya telah menerima surat yang mengandungi usul Yang Berhormat semalam, pada pukul 6.30 petang. Jadi, mengikut peraturan mesyuarat juga. Oleh kerana kita membincangkan tentang peraturan dan amalan, usul ini dijadualkan untuk diputuskan pada hari Isnin seperti biasa. Tidak ada yang luar biasa di sini. Jadi, pada hari Isnin akan diputuskan, sama ada akan diterima ataupun ditolak. Ya, itu kedudukan pada hari ini. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2018) 2019

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB) (BIL.1) 2018

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2018] -

Tuan Pengerusi: Teruskan dengan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Tenaga, Sains, teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

■1220

Oleh kerana P.30 adalah token, jadi tidak perlu dibahas. Jadi, seterusnya saya baca masalahnya lah.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi: Seterusnya Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sekali lagi oleh sebab P.31 hanya token. Saya bacakan seterusnya, tidak perlu dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM200 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM200 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sekali lagi hanya token. Tidak perlu dibahas. Saya baca masalahnya.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Maksud B.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Seterusnya, kepala bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, silakan Yang Berhormat Gerik.

12.21 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahas di bawah B.42. 010200 - Pengurusan Hospital. Saya ingin mintak kerajaan mengkaji semula Hospital Gerik supaya ditempatkan doktor-doktor pakar yang tetap. Kalau tidak apa yang berlaku di Gerik sekarang ini ialah pesakit-pesakit tenat terpaksa dihantar ke Ipoh atau pun ke Taiping. Satu jarak yang agak jauh di mana majoriti penduduk di Gerik adalah mereka yang di bawah B40. Orang yang pendapatannya tidaklah lumayan. Maka, walaupun setakat ini dihantar doktor pakar dalam jangka masa tidak menentu, saya mohon pertimbangan kerajaan agar doktor pakar yang tetap dapat diletakkan di Hospital Gerik bagi boleh membantu penduduk-penduduk dalam di daerah Hulu Perak.

Perkara yang kedua masih lagi dalam pengurusan hospital. Saya mengetahui kementerian mempunyai kepakaran yang hebat dalam farmasi. Bagaimana untuk mendapat penjelasan daripada kerajaan, ubat yang diiklankan seperti darah tinggi *losartan* ini dikatakan diminta mereka pesakit hantar balik pada kerajaan kerana boleh menjadi *cancer*.

Akhirnya, kalau berlaku berterusan suasana seperti ini, rakyat cukup percaya kepada kerajaan akan memberi ubat-ubatan yang boleh menjamin kebaikan kepada kita. Akan tetapi bila berlaku pihak berkuasa sendiri tidak boleh menjamin ubat-ubatan yang akhirnya boleh membimbangkan seluruh pesakit-pesakit terutama kumpulan miskin yang bergantung kepada hospital kerajaan. Minta pihak kerajaan tolong jelaskan dan itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

12.24 tgh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon merujuk kepada Butiran yang sama 070000 Pengurusan. Di mana saya ingin bangkitkan tiga perkara.

Pertamanya, saya difahamkan bahawa wad pembedahan di Hospital Besar Pulau Pinang masih lagi tidak dapat digunakan di mana kebanyakan pesakit-pesakit yang terpaksa menjalani pembedahan dihantar ke Hospital Bukit Mertajam. Saya mohon kementerian memberi perhatian kepada perkara ini.

Keduanya, saya juga difahamkan bahawa klinik kesihatan di Jalan Perak di kawasan saya telah memohon ambulans. Kementerian telah pun menjanjikan tiga unit untuk dihantar tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang berita.

Selain itu juga ada rungutan daripada penduduk di Pulau Pinang terutamanya pesara yang mengatakan bahawa kalau dulu mereka diberikan bekalan ubatan yang mencukupi untuk sebulan. Sekarang hanya dikurangkan kepada dua minggu sahaja. So, ini adalah perkara yang melibatkan pesara di Pulau Pinang. Saya minta kementerian memberi perhatian kepada perkara-perkara ini kalau boleh dalam masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tenggara dan diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau.

12.25 tgh.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.42. 010200. Berkenaan dengan sikap juga peragai pegawai-pegawai barisan hadapan di hospital-hospital dan juga klinik-klinik *premiere*. Saya ada satu yang hendak disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kajian pada 2012 dalam Journal of Public Health, volume 12, mendapati dari responden yang telah pun memberi respons terhadap perkhidmatan di klinik *premiere* tidak berpuas hati dengan perkhidmatan. Oleh kerana sikap yang diambil untuk melayani pelanggan-pelanggan yang pelbagai latar belakang.

Jadi, ia menimbulkan masalah. Saya tidak mahu namakan hospital mana yang ada pengalaman sendiri untuk disampaikan di sini. Akan tetapi dimintalah pihak kementerian melihat perkara ini dengan serius. Oleh kerana aduan-aduan yang diberikan kepada kita meliputi kekecewaan untuk ke hospital bukan sahaja di peringkat kemasukan ke wad. Akan tetapi di luar hospital sendiri, hendak masuk sendiri dah mula rasa *stress* dan juga kecewa.

Jadi, kalau kita ambil pandangan Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu pada laporan Yang Berhormat Menteri sendiri berkaitan dengan kedudukan sektor kesihatan iaitu pada 22 Februari 2019. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sektor kesihatan negara ini berada di tahap sangat memerlukan penambahan kakitangan terutama *facility* kesihatan awam. Untuk menampung beban kerja semakin meningkat. Kita sokong Menteri untuk mengambil pekerja-pekerja tambahan. Akan tetapi untuk isu barisan hadapan ini, *the frontier*, tolong lah jadikan mereka ini lebih berhemah – tidak memaksa pesakit-pesakit untuk bergaduh di peringkat hadapan kerana kekurangan sikap dan juga mereka yang merasa kecewa dengan perkhidmatan.

Jadi, Yang Berhormat Menteri kedua ialah berkaitan dengan perkara yang saya telah timbulkan melalui surat dan juga permohonan iaitu untuk menaik taraf Klinik Kesihatan FELDA Bukit Besar di kawasan Tenggara di mana perlu dinaikkan ke tahap KK3 dah. Di situ kita dapati bahawa penduduk bertambah ramai dan juga alasan mengatakan bahawa kekurangan pelanggan untuk *random* atau pun purata setahun tidak cukup untuk menaikkan dia ke tahap KK3. Akan tetapi saya melihat sebagai pengamal perubatan, saya melihat keperluan melebihi atau *priority* melebihi kehendak sebenarnya. Bukan kehendak rakyat tetapi ini keperluan. Itu perlu sangat Yang Berhormat Menteri melihat sendiri supaya perkara ini diberi perhatian terutama sekali untuk menaik taraf Klinik Kesihatan FELDA Bukit Besar di Parlimen Tenggara.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menanyakan sama ada dalam – 010200 Pengurusan Hospital ini, jadi ke Yang Berhormat Menteri melaksanakan apa yang dipanggil Real Estate Investment Trust (REIT) terhadap hospital-hospital dalam negara kita untuk masa hadapan? Oleh kerana apa, kita melihat sekiranya benda ini berlaku bermakna hospital akan terpaksa membayar sewa pada REIT yang mungkin pada satu ketika setiap tahun kena ada bajet untuk membayar sewa dan ia membebankan pesakit sama ada pesakit perlu bayar lebih atau pun mereka terpaksa dicas mengikut kadar yang dikenakan di peringkat swasta. Terima kasih.

■1230

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau.

12.30 tgh.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan Butiran 70000 khususnya di Hospital Sultan Ismail di kawasan Tebrau. Saya menerima banyak aduan terhadap perkhidmatan yang berkurangan di HSI khususnya adalah di jabatan kecemasan. Saya ada terima aduan bahawa ada kes-kes yang memerlukan rawatan yang cepat tetapi mereka terpaksa menunggu melebihi dua jam, tiga jam pun ada. Jadi, ini perlu diambil perhatian mengapa bahagian kecemasan tidak boleh memberikan rawatan dengan serta-merta. Saya juga difahamkan selepas perbincangan dengan pengurusan Hospital Sultan Ismail bahawa hospital ini kekurangan jururawat. Jadi, ini satu benda yang saya harap Menteri Kesihatan boleh mengkaji adakah perkara ini betul kerana salah satu punca perkhidmatan yang berkurangan adalah kerana kekurangan jururawat.

Saya difahamkan HSI memerlukan sekurang-kurangnya 2800 orang jururawat tetapi sekarang cuma ada 2200 orang jururawat dan juga mengenai isu kekurangan kenderaan ambulans. Saya dapati ada kes yang memanggil ambulans tetapi ambulans sampai ke tempat kecemasan atau rumah tidak dalam masa yang telah ditetapkan di bawah SOP. Ada yang ambil masa melebihi satu jam untuk sampai ke tempat kejadian. Begitu juga dengan keadaan tempat parkir. Itu sangat membimbangkan kerana oleh sebab tak cukup parkir, jadi ada orang yang meletak kereta mereka di atas jalan yang menghalang kenderaan ambulans untuk memasuki atau keluar dari tapak hospital. Jadi saya berharap Kementerian Kesihatan ambil perhatian terhadap keadaan di Hospital Sultan Ismail. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kapar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, Kuala Krau.

12.33 tgh.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, ya. Lepas saya, lepas saya. Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbahasan dalam merujuk kepada Butiran 101000 di bawah 010200 – Pengurusan Hospital. Yang pertama, saya hendak minta komen berkenaan dengan keperluan parkir yang tidak mencukupi di mana-mana hospital yang memberi kesan kepada pelanggan-pelanggan untuk mereka mendapat servis yang terbaik. Mana-mana hospital pun, parkir begitu menyulitkan. Jadi saya minta kementerian untuk melihat daripada sudut *facilities and priviledge* ini kepada pelanggan-pelanggan, kepada mereka yang sakit dan juga keluarga-keluarga yang hendak melawat.

Di samping itu, saya nak cerita sedikit Yang Berhormat Menteri, pengalaman saya di Klinik Kapar. Saya hantar emak saya pergi buat *routine check up* setiap tiga bulan sekali. Dia punya perangai *nurse* ini, saya nak kompelin tak boleh, tak kompelin tak boleh. Jadi saya rasa perangai itu terlampau *arrogant* dengan izin, dia terlampau sombong. Bila tanya, '*Banyak ke lagi? 'Eh tengoklah orang ramai tak ramai, tungguh dahulu*'. Ayat itu saya dengar, dia sergahnya orang tua-tua, orang yang tak tahu kepada prosedur menunggu dan sebagainya.

Jadi saya nampak perkara ini perlu kementerian tangani. Saya tak mahu sebut orang itu sebab itu tidak membolehkan saya bercakap begitu tetapi ia berlaku di Klinik Kapar dan saya bagi tahu dengan pegawai perubatan di Klang. Saya kata tolong berikan motivasi dan juga berikan mereka ini kekuatan untuk jangan perlekehkan pelanggan-pelanggan tua-tua ini sebab kita tengok mereka ini bukan tahu apa, pergi sana sebab nak dapatkan rawatan tetapi empat jam pun tak dapat rawatan lagi. Jadi saya sedih dan saya tidak boleh melihat disergah sebegitu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya minta supaya kementerian buat *checking* secara *random* pun tak apalah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kapar, minta laluan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *At least* sedikit disiplinkan anggota-anggota kesihatan di klinik-klinik ataupun hospital.

Seorang Ahli: Setuju.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang keduanya, saya terus merujuk kepada Butiran 080000 di bawah 080400 – Perkhidmatan Sokongan Hospital. Saya melihat ada sikit diskriminasi yang berlaku di atas beberapa kepakaran doktor. Sebagai contohnya, Ketua Unit Telinga sebagai contoh di hospital besar, gred dia baru 52, 54 sedangkan mereka begitu lama menyumbang kepada Kementerian Kesihatan dan mereka sanggup tidak pergi ke *private sector* kerana untuk menyumbang atas sifatnya membantu rakyat. Saya kira kementerian harus juga sedar bahawa senioriti itu memainkan peranan untuk memastikan mereka ini diberi peluang untuk kenaikan pangkat gred sekurang-kurangnya.

Bagi dia motivasi. Jangan letakkan dia gred 52, kesian. Lama kerja. Saya cakap, *'Doktor kerja berapa tahun?' 'I kerja baru 28 tahun'*. Habis, gred 52. Saya sedihlah tengok. Disia-siakan kebolehan dan juga komitmen mereka. Maka saya minta kementerian buat pertimbangan untuk jangan kita---bukan diskriminasi tetapi terlepas pandang kepada mereka-mereka kumpulan kecil ini. Jadi saya menyeru kepada kementerian untuk menyelidiki ataupun membuat pertimbangan sewajarnya. Seterusnya saya nak bagi tahu kepada kementerian, kedapatan doktor-doktor yang kontrak.

Saya kadang-kadang pun pelik. Kita dah tak cukup doktor, kita dah tak cukup jururawat tapi kita kontrak mereka *year by year*. Betulkah cerita ini? Kalau betul, Yang Berhormat Menteri harus mengambil langkah proaktif untuk memastikan bahawa doktor-doktor ini diberikan *permanent*, diberikan kerja tetap supaya mereka ini ada inisiatif untuk motivasi kerja lebih efisien kepada rakyat keseluruhannya. Maka peluang-peluang sebeginilah kita terlepas pandang. Doktor-doktor yang memerlukan pembelaan ini tidak boleh menyuarakan di luar sana tetapi bila kita mendapat rawatan, bila saya duduk---saya ini mulut ramah. Jadi saya tanya, tanya. *'Saya kontrak, Dato'.* *'Kontrak? Berapa tahun?' 'Year by year'.* *'Habis siapa yang kendalikan kau punya KPI?' 'Saya dah kerja kontrak empat tahun'*. Empat tahun pun kita tak dalam *probation period*. Ini *is a ridiculous*, dengan izin. Tak masuk akal.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang cukup prihatin, sahabat saya. Saya minta sangat-sangat supaya suruh pegawai buat kaji selidik, benarkah berlakunya kontrak-kontrak ini. Kalau benar, saya memohon dicadangkan supaya mereka diberikan tempoh percubaan dan selesai percubaan, tolong bagi mereka bekerja *permanent* untuk motivasi, untuk kekuatan dan *physically* mereka menerima hakikat bahawa mereka adalah penyumbang antaranya dalam negara yang tercinta ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri yang khusyuk dan tawaduk mendengar penerangan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

12.38 tgh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 080000 di bawah 080400 – Perkhidmatan Sokongan Hospital. Saya ingin membawa perkara ini berkaitan dengan kejadian pencemaran kimia toksik baru-

baru ini di Pasir Gudang. Pertamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah turun padang melawat ke Pasir Gudang dan melihat sendiri kesan bencana itu dan ini ada kaitan dengan masalah hospital.

Lebih 5000 rakyat telah dirujuk untuk *screening*, diperiksa dan lebih 900 telah dimasukkan ke wad hospital. Ada tiga wad hospital yang terbabit, Hospital Sultan Ismail dalam Parlimen Tebrau. Hospital Sultanah Aminah dalam Parlimen Johor Bahru.

■1240

Kemudian ada Hospital Permai, Hospital Mental juga terpaksa menampung di Tampoi itu kerana ramai pesakit ini. Jadi Yang Berhormat Menteri sudah sampailah masanya projek Hospital Pasir Gudang disegerakan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Mencilah boleh Yang Berhormat Pasir Gudang?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, dipersilakan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Sekejap saja.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Kepala yang sama jadi saya ingin juga menyebutkan tentang isu di Klinik Kesihatan Bukit Gambir yang ada risiko keselamatan dan kesempatan kerana sudah berlaku kebakaran sebelum ini jadi ada cadangan supaya dinaiktarafkan kepada *type three* (jenis tiga) untuk klinik kesihatan tersebut. Mohon juga pihak kementerian mengambil perhatian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jadi itu saja Tuan Pengerusi dan minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Krau, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tampin.

12.41 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam maksud P.42 Kementerian Kesihatan, Butiran 010200 mengenai Pengurusan Hospital. Di daerah saya Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh ia menguruskan pesakit-pesakit daripada daerah Maran, daerah Temerloh, daerah Jerantut dan kadang-kadang daripada Lipis dan Raub juga akan turut dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh ini.

Soalnya dari segi kepakaran atau doktor-doktor pakar ini adakah mencukupi dan saya mohon satu kajian dibuat untuk kedudukan doktor-doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu dan juga pegawai-pegawai perubatan termasuk juga pegawai sokongan yang mesti ditokok tambah termasuk juga dengan kemudahan-kemudahan peralatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah.

Keduanya, tentang Perkhidmatan Sokongan Hospital - 080400. Pada sebelum PRU yang ke-14, EPU telah meluluskan bagi pembinaan Poliklinik atau Klinik Kesihatan KK2 atau KK3 berjumlah RM25 juta bagi Klinik Kesihatan Kuala Krau. Yang Berhormat Menteri ketika itu telah melawat di mana berlaku banjir besar pada tahun 2014-2015 semua bangunannya tenggelam dan semua peralatannya rosak termasuk juga ubat-ubatnya dan telah dikhususkan untuk dipindahkan dan ada juga tanah yang telah diluluskan yang telah diwartakan untuk pembinaan klinik tersebut. Saya mohon tahu apakah perkembangannya.

Yang akhirnya tentang menaik taraf klinik kesihatan di Pekan Kerdau juga telah dapat kelulusan dan bangunan tersebut adalah bangunan milik Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Perbandaran Temerloh juga telah memberikan surat kebenaran untuk Pejabat Kesihatan atau Kementerian Kesihatan untuk mengambil alih bangunan tersebut untuk dinaik taraf kerana ketika ini terpaksa memasang dua kanopi bagi orang ramai terutama sekali masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong yang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan termasuk juga bayi dan ibu-ibu mengandung.

Saya juga mohon mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan terhadap kerja-kerja menaik taraf bagi Klinik Pekan Kerdau ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai, diikuti oleh Hulu Langat, kemudian diikuti oleh Rembau.

12.44 tgh.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Saya hanya membicarakan dua isu sahaja dalam perkara 010200 iaitu Pengurusan Hospital. Pertamanya ialah persoalan peralatan di hospital saya dapati ataupun dapat makluman daripada kakitangan di hospital ataupun daripada klinik-klinik di kawasan Tampin sudah uzur dan sebagainya. Jadi apakah ia akan diperbaharui ataupun akan dibaik pulih ataupun ditambah untuk mempercepatkan ataupun untuk memberi kecekapan di dalam pengurusan hospital.

Kedua ialah perkara yang saya hendak sentuh soal doktor-doktor pelatih yang dilatih di ketika *housemanship* saya mendapat maklumat bahawa terdapat satu cara, kaedah, pendekatan yang dilaksanakan kadang-kadang tidak sesuai dengan naluri manusia sehingga ada di kalangan doktor-doktor pelatih ini terpaksa berhenti daripada melaksanakan latihan mereka kerana sikap doktor-doktor pakar ketika melatih mempunyai sikap yang kasar menyebabkan tenaga yang sepatutnya menjadi doktor-doktor di hospital kita terpaksa berhenti dan ini boleh memberi pembaziran kepada kerja-kerja yang dilaksanakan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Tampin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Kedah hendak ...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh sikit, setengah minit saja. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tampin. Tentang doktor pelatih tadi saya hendak sebut salah satu daripada yang banyak disebut sekarang oleh doktor pelatih yang saya temui. Di banyak jabatan mereka tidak dapat *break* di hujung minggu maksudnya tidak ada hujung minggu. Cuma waktu selepas *on call* itu saja waktu rehat mereka.

Saya rasa kalau masa saya dulu jadi doktor pelatih kita juga bekerja keras tapi kita ada satu hari hujung minggu *break*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tampin sambung sikit.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Masukkan dalam perbahasan saya terima kasih, itu saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

12.47 tgh.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang negarawan, Yang Berhormat Menteri. Salam sejahtera, selamat menyambut 20 tahun Parti Keadilan untuk semua rakyat di Malaysia ini. Seterusnya B.42. Butiran 010200 – Pengurusan Hospital. Hospital Kulim haruslah dibesarkan memandangkan pesakit makin hari makin bertambah. Waktu untuk pesakit menunggu haruslah dipendekkan tidak perlu menunggu masa yang panjang dan juga hospital tersebut digunakan oleh tiga parlimen iaitu Parlimen Padang Serai, Parlimen Kulim Bandar Baharu dan Parlimen Baling.

Mesin dialisis perlulah ditambah memandangkan permintaan daripada golongan B40 begitu tinggi sekali. Perlu disediakan ambulans dari Klinik Padang Serai ke hospital 24 jam. Adakah rancangan untuk Klinik Padang Serai dijadikan hospital memandangkan penduduk dari 5,000 ke 20,000 dan akan bertambah pada masa-masa akan datang.

Saya ingin tambahkan dan daripada sokongan daripada Yang Berhormat Kapar seperti mana Yang Berhormat Kapar memberitahu sebentar tadi iaitu cadangan saya adalah perlu ada satu kursus khas untuk *nurse* di atas budi bicara sebab budi bicara ini akan jadi satu suntikan ubat untuk pesakit. Itu saja terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat diikuti oleh Yang Berhormat Rembau dan diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar.

12.49 tgh.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara 010200 – Pengurusan Hospital. Satu saja point saya. Rupa-rupanya di hospital ini dalam khidmat pergigian ada dua jabatan, Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial dan Jabatan Pergigian Keperluan Khas. Saya difahamkan Jabatan Pergigian Keperluan Khas ini melibatkan pesakit-pesakit gigi yang terdiri daripada OKU, warga emas termasuk bekas pesakit jantung.

Rupa-rupanya jabatan ini cuma ada di sembilan hospital saja di seluruh negara saya difahamkan. Sedangkan pesakit yang terlibat OKU ini saya rasa ramai di seluruh negara dan saya juga difahamkan hanya ada 11 pakar berkaitan sahaja.

■1250

Jadi alangkah baiknya sekiranya pihak kementerian memikirkan suatu yang lebih baik lagi kerana pesakit-pesakit yang memerlukan Jabatan Pergigian Keperluan Khas ini saya rasa semakin bertambah dan ramai di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rembau.

12.50 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepala Maksud 08000. Saya hendak sentuh berkenaan dengan Skim PeKa satu skim yang bagus dan tahniah kepada menteri atas pengenalan Skim PeKa ini. Cuma ada beberapa penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat Menteri.

Bagi beberapa perkhidmatan di bawah PeKa contoh rawatan kanser dan juga peralatan kesihatan. Saya difahamkan bahawa ini hanya diberikan di hospital KKM sahaja. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada sudah pun dibuat keputusan untuk melibatkan hospital-hospital universiti sebagai contoh di Pantai Timur salah satu daripada hospital pakar yang besar ialah USM Kubang Kerian dan sekiranya Hospital Universiti tidak dilibatkan dalam beberapa skim di bawah PeKa maka ia tidak akan dapat dimanfaatkan kepada penduduk-penduduk yang ada di kawasan-kawasan yang tidak ada mungkin hospital KKM yang berhampiran.

Kedua, dengan ringkas Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan pemeriksaan kesihatan. Bolehkah tidak Kementerian Kesihatan melihat untuk memasuki beberapa pemeriksaan dalam Skim PeKa terutamanya dalam konteks *cancer screening*. Sebagai contoh kita ada masalah dari segi *cancer screening* yang melibatkan *pap smear* dan juga *fecal occult blood test* ataupun ujian najis.

Memandangkan sebagai contoh *cancer colorectal* di Malaysia 66 peratus daripada kes ini dikesan pada tahap ketiga dan keempat dan boleh sebenarnya dikesan lebih awal lagi sekiranya ujian seperti FOBT dipermudahkan akses. Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri sama ada boleh dipertimbangkan agar beberapa lagi *screening*, ujian dapat dimasukkan dalam Skim PeKa, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar diikuti oleh Yang Berhormat Pontian.

12.52 tgh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Ringkaskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Eh, mana boleh ringkas 5 minit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 di bawah Pengurusan Hospital. Saya hendak merujuk kepada Hospital Tengku Ampuan Afzan, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Hospital Kuantan ini berada di Daerah Kuantan dan melibatkan lebih kurang empat kawasan Parlimen – Pekan, Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar.

Apa yang berlaku hari ini apabila saya turun melihat rakyat khususnya rakyat Paya Besar di Hospital Tengku Ampuan Afzan, keadaannya amat mendukacitakan dan saya minta Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri datang berkunjung kerana kalau pesakit datang dengan keadaan *parking* yang begitu tidak tersusun, kemudian masuk ke dalam wad di *emergency* terpaksa tunggu berjam-jam. Kadang-kadang pagi malam baru boleh masuk ke wad. Sudah masuk ke wad pula dahulu diperuntukkan dua katil sahaja tetapi sudah jadi empat katil.

Perkara-perkara ini telah menyebabkan bukan pesakit itu akan jadi baik tetapi pesakit itu sendiri akan bertambah *stress* dan akhirnya niat kita untuk menyembuhkan penyakit tidak akan tercapai, itu yang pertama.

Keduanya, adakah kementerian sedar bahawasanya corak pesakit hari ini berbeza dengan pesakit dahulu. Kita tidak boleh membandingkan pesakit hari ini dengan pesakit yang 20 tahun dahulu kerana apa, pesakit hari ini ialah pesakit daripada masyarakat yang cerdik. Masyarakat yang mempunyai maklumat lebih kadang-kadang daripada doktor sendiri.

Itu sebabnya saya harap sangat percepatkan proses makmal bila pesakit dikenal pasti darah dihantar tetapi makmal ini mengambil masa yang agak lama. Kadang-kadang sampai seminggu baru kita tahu apakah kandungan virus dalam darah itu. Saya minta juga supaya kementerian beritahu doktor-doktor jangan halang pesakit untuk *request* untuk buat *blood test* atau apa sahaja ujian kerana apa, pesakit lebih tahu tentang apa yang berlaku dalam diri mereka berbanding doktor membuat diagnosis berdasarkan pemerhatian mereka.

Saya hendak sentuh yang kedua berkaitan kawasan saya iaitu Klinik Kesihatan Gambang, Klinik Kesihatan Paya Besar. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri minta Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri turun lihat apa yang berlaku di kedua-dua klinik kesihatan ini kerana kehadiran rakyat khususnya rakyat Paya Besar dan rakyat yang Parlimen berhampiran amat tinggi sekali. Kalau ini dapat dibantu saya yakin dan percaya rakyat Paya Besar akan menjadi rakyat yang sihat seperti mana yang saya beritahu rakyat Paya Besar mesti sihat.

Terakhir sekali saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tampin berkaitan pengurusan hospital kerana apa, walaupun HO tidak ada *houseman* tidak ada butiran yang khusus, tetapi ia terkandung dalam pengurusan hospital. Kita ada *specialist*, doktor pakar, kita ada *Medical Doctor* (MO), dan kita ada HO yang akan bakal jadi MO. Saya harap sangat perkara ini kerap kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berkaitan bagaimana jadual HO itu, jadual *housemanship* dan berapa banyak HO yang telah gagal.

Kita hantar mereka ke pusat pengajian tinggi, kita belanjakan duit yang banyak akhirnya mereka tidak boleh mampu untuk selesaikan *six posting* atau enam kali mengikut *department-department* yang telah ditentukan, *third postal* sudah terkandas. Akhirnya mereka ada *depression*. *Depression* ini bagaimana pihak kementerian menguruskan.

Saya harap sangat jangan doktor-doktor atau *specialist* mengajar mereka seperti mengajar zaman mereka belajar dahulu. Kenapa amat berbeza sekarang doktor sekarang ini dengan doktor dahulu. Jangan gunakan sistem yang sama.

Saya harap sangat saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah pandangan supaya kita beri masa yang cukup untuk mereka ada masa *rest* dan saya tidak hendak apa

berlaku di Kelantan tempoh hari apabila doktor itu sendiri *accident* dan banyak kes doktor-doktor pelatih ini amat kasihan sekali.

Terakhirnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri adakah benar ada satu pekeling yang dikeluarkan oleh pihak kementerian maknanya mereka habis sahaja *housemanship* mereka kena berada di hospital berkenaan. Ini perkara-perkara yang menimbulkan kekusaran kerana apa, mereka *posting* jauh daripada keluarga. Mereka berharap dengan kepandaian yang mereka ada, mereka dapat berkhidmat pada masyarakat mereka sendiri dan akhirnya mereka terpaksa berada jauh. Ini juga menyebabkan stres.

Saya yang terakhirnya, dua kali yang terakhir ini Tuan Pengerusi, saya hairan kenapa rakyat Malaysia hari ini makin hari makin sakit, Tuan Pengerusi. Kalau makin sakit saya nampaknya ialah puncanya stres dan saya fikir Kerajaan Pakatan Harapanlah yang menyebabkan rakyat ramai stres. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sakit jiwalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak beritahu yang terakhir hanya ada tiga minit sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Paya Besar sakit jiwa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tiga minit tidak apa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hanya berikan yang terakhir kepada Yang Berhormat Pontian...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Jelutong, pergi hospital.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Stres tengok Yang Berhormat Jelutong.

12.58 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, pertama ialah disebut dalam Kertas Perintah 1A ini bayaran bil rawatan Institut Jantung Negara (IJN). IJN ini dekat dengan hari saya kerana arwah ibu saya dirawat di sana untuk beberapa ketika.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf atas *Standing Order*. *Standing Order*, saya minta Yang Berhormat Paya Besar itu perbetulkan kenyataan bahawa sakit jiwa ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: IJN ini milik Kementerian Kewangan Diperbadankan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kalau tidak pandai *Standing Order* jangan cakap *Standing Order*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik kenyataan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tidak merujuk kepada mana-mana Ahli Parlimen.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menyatakan orang sakit jiwa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Duduklah, apa ke benda kacau daun betul. *[Ketawa]* Saya ingin mencadangkan agar CSR – Corporate Social Responsibility daripada IJN ini hendaklah diperluaskan lagi. Saya tahu bahawa IJN ini milik Menteri Kewangan Diperbadankan ia bukan milik Kementerian Kesihatan dan kepada mereka yang tidak mampu membayar, itu cadangan pertama perluaskan CSR.

Keduanya, cadangan ialah supaya IJN ini ada cawangan-cawangan bukan hanya di Jalan Tun Razak sebab jauh orang Sabah, orang Sarawak hendak datang jadi saya

cadangkan ada IJN Cawangan Sabah, IJN Cawangan Sarawak, IJN Cawangan Timur di Pahang misalnya IJN Cawangan Johor di Selatan, IJN di Utara, Perlis misalnya.

IJN ini ditubuhkan 1992, ia ada Kolej IJN. Apakah peranan Kolej IJN ini dan ada Yayasan IJN dan saya harap Yayasan IJN ini yang akan membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan. Telah merawat 3.7 juta pesakit dan telah mendapat pelbagai anugerah terkenal di seluruh rantau ini. Jadi apa yang saya harapkan perkara pertama yang ingin saya sebut ialah perluaskan IJN ini.

Kedunya ialah tentang subsidi rawatan perubatan. Saya ingin tahu daripada kementerian tahun 2017 berapa nilai subsidi yang kita beri. Maksud saya contoh subsidi itu ialah apabila kita pergi ke hospital-hospital kerajaan ubat-ubatan itu diletakkan harga. Katalah ubat itu harganya RM50, RM20 diletakkan di label ubat-ubat itu, *packet* ubat-ubat itu tetapi apabila dibayar cuma bayar RM1.00 sahaja.

Saya hendak tahu jumlah subsidi yang kita bagi 2017, jumlah subsidi seumpama ini yang kita bagi pada 2018 dan juga 2019 dan saya mengharapkan ianya diteruskan. Habis masa. Yang *last* Perdana Menteri yang terdahulu telah mengumumkan pembesaran Hospital Pontian. Hospital Pontian ini melibatkan Tanjung Piai dan juga Daerah Pontian dan juga yang berdekatan dan saya harap janji itu walaupun dijanji oleh Perdana Menteri yang lama, saya harap Perdana Menteri yang baru menunaikan janji itu dan yang akhir Klinik Kesihatan Benut. Ini kita sudah...

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Boleh mencelah, Yang Berhormat Pontian. Boleh mencelah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Saya ingat Tuan Pengerusi, keperluan hospital ini memang merata-rata di mana-mana termasuklah Maran. Maran juga telah terangkan, kita telah luluskan peruntukan tapak sudah disediakan, saya minta kalau boleh di samping Pontian punya hospital, Maran juga di sekalian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Maran.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya harap kementerian boleh menjawab juga tentang Hospital Maran dan terima kasih. Klinik Kesihatan Benut ini memang sudah dibina tetapi belum siap-siap. Saya ingin bertanya bila ia siap sebagaimana pengumuman Yang Berhormat Menteri bahawa Hospital Rembau yang melibatkan PRK Rantau yang sudah siap dan akan beroperasi. Terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Rembau di hadapan saya ini. *[Dewan ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau. Sakit jiwakah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 13 pembahas Yang Berhormat telah berbahas dan masa telah sampai pukul 1.00. Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Majlis akan berhenti rehat disambung semula jam 2.30 petang dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab 15 minit.

2.35 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Cuma 15 minit? Kata 45 minit. Banyak soalan ini marah nanti Ahli-ahli Yang Berhormat ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hari ini hendak habiskan semua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Adoi! Tidak apa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri jawab untuk pembangkang sahaja yang untuk...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Oh! Begitu?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jawab untuk pembangkang sahaja.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Kita kena berlaku adil kepada semua. Kita kena berlaku adil.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sejumlah 13 keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Payah Besar, dan Yang Berhormat Pontian. Saya akan memulakan dengan Yang Berhormat Jelutong. Kalau tidak ada, tolong beritahu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong sentiasa ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Okey. Baik Yang Berhormat Jelutong. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong membangkitkan isu wad pembedahan (OT) di Hospital Pulau Pinang yang masih tidak dapat digunakan seperti yang beliau dakwa dan juga ambulan Pulau Pinang untuk tambah tiga buah katanya.

Tuan Pengerusi, jumlah ambulan di Hospital Pulau Pinang ada 15, terdapat lima buah ambulan tambahan telah diberikan pada Februari 2018, Ahli Yang Berhormat tolong ambil perhatian. Pada masa kini, enam *operation theater* (OT) di pusat rawatan harian yang digunakan untuk menjalan pembedahan. Hanya kes-kes pembedahan minor memerlukan rawatan harian sahaja yang merujuk kepada hospital terdekat. Sebanyak 10 buah OT Hospital Pulau Pinang telah siap pada Mac 2019 tetapi terdapat penambahbaikan diperlukan lalu ada sedikit tergendala dilakukan masih lagi dan perlu dilakukan untuk OT *light* ke kepada jenis terkini. Jadi, ini sedikit maklumat untuk Yang Berhormat Jelutong

Dalam isu bekalan dua minggu ubat di KK Jalan Perak. Ahli Yang Berhormat Jelutong, KKM sentiasa komited dalam memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk keperluan pesakit, bekalan susulan ubat untuk penyakit kronik sentiasa dipastikan mencukupi bagi tempoh satu bulan bagi pesakit. Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, semakan telah dijalankan berkenaan aduan kekurangan ubat di KK Jalan Perak. Dimaklumkan kekurangan tersebut telah diatasi, telah pun diatasi dan pada masa yang sama semua bekalan ubat-ubatan telah dilaksanakan seperti biasa. Bekalan untuk sebulan bagi bekalan ubat susulan, Yang Berhormat sila ambil perhatian.

Seterusnya, perkhidmatan ambulans di KK Jalan Perak dan kekurangan ubat di KK Jalan Perak juga. Ini adalah soalan yang sama pada Mac 2019 yang telah pun, boleh saya

sebutkan sekali lagi, Klinik Kesihatan Jalan Perak mempunyai sebuah kenderaan ambulans yang telah diterima pada tahun 2005 tetapi telah dilupuskan pada bulan Februari 2018. Walaupun tiada ambulans Klinik Kesihatan Jalan Perak, panggilan kecemasan di sekitar kawasan operasi menggunakan ambulans dari Klinik Kesihatan Ayer Hitam dan dirujuk kepada Hospital Pulau Pinang yang jaraknya dua kilometer sehalu. Sekiranya tiada ambulans dari klinik berdekatan, ambulans dari Hospital Pulau Pinang juga akan membantu. Keperluan ambulans bagi Klinik Kesihatan Jalan Perak telah disenaraikan dalam keutamaan pengagihan ambulans pada masa akan datang bagi menggantikan ambulans-ambulans yang telah dilupuskan, Tuan Pengerusi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak ucapkan ribuan terima kasih terhadap semua langkah-langkah yang telah diambil dan saya yakin Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan kesejahteraan rakyat di Jelutong terus terbela. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya boleh beralih kepada Yang Berhormat Tenggara. Ini satu peringatan bagi kami Kementerian Kesihatan, sikap pegawai barisan hadapan, katanya *the frontline* staf kita.

■1440

KKM juga sentiasa melaksanakan peningkatan apa yang diistilahkan sebagai *soft skill* bagi anggota barisan hadapan, *the frontline* dari segi *our* perkhidmatan ataupun *our service*. Penerapan budaya korporat juga sentiasa diamalkan oleh kakitangan Kementerian Kesihatan. Rakyat juga haruslah perlu mematuhi pada waktu yang sama, waktu melawat hospital dan juga segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak hospital. Jika pelanggan mempunyai masalah, mereka boleh berjumpa dengan pegawai-pegawai khususnya pegawai khidmat pelanggan (PRO) kita untuk memudah cara dan membantu penyelesaian masalah-masalah mereka.

Saya sebagai Menteri sentiasa peka dengan persoalan *complain*. Saya kadang kali terima aduan langsung, sama ada dalam sosial media mahupun dalam *Twitter*. Ada kalanya saya sendiri mahukan isu-isu itu ditangani langsung dan saya terus mendapat akauntabiliti dan pertanggungjawaban secara langsung.

Yang Berhormat Tenggara juga membangkitkan naik taraf KK FELDA Bukit Besar, Tenggara untuk KK Jenis 3. KK ini telah dinaik taraf pada tahun 2014 paling mutakhir, naik taraf khususnya bilik kecemasan, bilik prosedur dan bilik konsultasi, perundingan. Fasiliti kesihatan berdekatan juga punya berdekatan di situ ada beberapa fasiliti kesihatan di KK FELDA Bukit Besar ini antara lainnya Klinik Desa (KD) Pasir Raja kurang lebih lima kilometer, KD Bukit Ramun, KD Sungai Sayong, KK Tenggara sejauh 16 kilometer agak jauh juga, Hospital Kulai sejauh 27 kilometer dan Hospital Kota Tinggi. Jadi ini adalah maklum balasnya untuk sahabat saya Yang Berhormat Tenggara.

Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beralih kepada mana ini? Beralih kepada Tebrau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau tidak ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Tebrau tidak ada? Kalau tidak ada saya boleh— masa pun sudah tidak saya boleh... masa pun sudah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: ...Sangat mengejar saya ini, saya beralih kepada yang ada di sini dahulu. Yang Berhormat Kapar?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kapar tidak ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Kapar juga tidak ada. Saya beralih lagi kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ada

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ada, ada.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Pasir Gudang menanyakan tentang pembinaan Hospital Pasir Gudang yang mutakhir ini menjadi satu tumpuan seluruh negara kalau tidak dunia pun. Projek pembinaan Hospital Pasir Gudang di bawah *Rolling Plan 1* Rancangan Malaysia Ke-11 (RP1 RMKe-11). Projek pembinaan Hospital Pasir Gudang ini kini di peringkat pelawaan tender, peringkat prakelayakan, *prequalification* (preQ) Yang Berhormat, itu kedudukannya.

Iklan tender prakelayakan projek ini telah dibuka pada 21 Mac 2019 baru-baru ini dan akan ditutup pada 4 April 2019, masih dibuka, surat setuju terima SST, projek ini adalah dijangka Disember 2019 Yang Berhormat. Ini menyahut permintaan Yang Berhormat dengan Pasir Gudang yang mengalami kes keracunan pada skala yang besar baru-baru ini, keracunan Sungai Kim Kim.

Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya prihatin akan keperluan untuk mewujudkan sebuah lagi hospital di Daerah Johor Bahru, kita sudah ada di Johor Bahru HSA dan HSI bagi menampung kesesakan dan beban kerja yang tinggi di hospital-hospital yang sedia ada khususnya Hospital Sultanah Aminah dan juga Hospital Sultan Ismail.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh, KKM telah menyediakan perkhidmatan kesihatan prima untuk rakyat melalui fasiliti kesihatan statik di mana status projek adalah dalam proses penilaian awal dan juga Hospital Pasir Gudang yang saya sebutkan tadi telah di tender secara *design and build, selected tender* dengan izin, tetapi telah diberhentikan melalui arahan Perbendaharaan tahun 2018, sekarang ini sudah diulangi, sebagaimana yang telah saya sebutkan lebih awal.

Yang Berhormat Pasir Gudang juga membangkitkan isu naik taraf KK Pasir Gudang ke KK3, permohonan naik taraf Yang Berhormat, KK Pasir Gudang ke Klinik Kesihatan Jenis 3 telah diluluskan dan terdapat perancangan untuk bina KK di Taman Cendana Pasir Gudang, itu juga satu ladi penambahan fasiliti Yang Berhormat. Jadi kedua-duanya berita baik untuk Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Kuala Krau. Ya, sahabat saya Kuala Krau...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri, Ledang.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, sebentar, oh empat minit lagi. KK Kerdu telah diluluskan permohonan sebanyak RM20,000 pada tahun 2018 dahulu untuk kerja-kerja memperbaiki bumbung, naik taraf dan sebagainya. Bagi KK Kuala Krau, projek ini pernah dipohon oleh JKN Pahang pada RP4 tahun 2020 RMKe-11, walau bagaimanapun projek ini tidak *shortlisted*, disenaraikan pendekkan.

Sebagai keutamaan Yang Berhormat, KKM akan meneliti semula keperluan menaik taraf klinik ini dan akan mempertimbangkan agar projek ini dipohon semula pada *rolling plan* akan datang, itu komitmen yang dibuat Yang Berhormat ya. Saya sangat memahami keprihatinan Yang Berhormat tetapi itu kedudukan semasa. *Insya-Allah* kami pertimbangkan dalam *rolling plan* akan datang.

Seterusnya...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, izinkan saya tentang klinik di Bandar Kerdu yang memerlukan satu bangunan di sebelahnya boleh diguna pakai dan majlis perbandaran pula telah menyerahkan surat untuk membenarkan pusat kesihatan daerah Temerloh untuk mengguna pakai dan kita mohon untuk dibaik pulih bangunan tersebut. Jadi, saya harap dapat perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, itu satu berita yang baik untuk kami untuk membantu pembangunan semula fasiliti ini, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya akan hantar surat *detail* kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Saya beralih kepada – Yang Berhormat Kuala Krau juga bertanya tentang Hospital Sultan Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, KKM merancang untuk menaik taraf peranti perubatan di Hospital Sultan Ahmad Shah (HOSHAS) seperti satu unit MRI, empat unit katil ICU dan satu unit *pop cutter* berdasarkan peruntukan yang telah diperolehi bagi tahun 2019, ini berita baik untuk Yang Berhormat untuk merawat sedikit apa yang telah saya sebutkan lebih awal tadi. Jadi...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, boleh *respond* sedikit terhadap nota saya iaitu kelulusan RM10 juta untuk naik taraf Hospital Jengka.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Okey, saya ambil perhatian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Masa sangat cemburu. Tuan Pengerusi saya beralih kepada sahabat saya daripada Tampin, Yang Berhormat Tampin. Waktu kerja panjang, tiada waktu rehat. Ini satu *complain* yang biasa Yang Berhormat Tampin kami sedang – kami memang memerhatikan semua ini. Kalau boleh saya sebutkan sedikit ringkas-ringkasnya.

Purata waktu bekerja Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) ini bagi tempoh empat bulan bagi setiap *post* adalah 65 jam hingga 75 jam seminggu. Sebenarnya PPS tidak lagi bekerja secara berterusan melebihi 16 jam dalam satu sesi. Ini tidak termasuk waktu rehatnya dan tidak lagi bekerja dalam tempoh yang panjang melangkaui 90 jam sehingga 100 jam pada masa dahulu. Bagi mengutamakan latihan, maka semua ini...

Maka hari ini, PPS bagi mengutamakan latihan, maka semua hari ini adalah hari bekerja bagi PPS termasuk hari kelepasan am dan hari hujung minggu, Sabtu, Ahad atau Jumaat, Sabtu bagi beberapa negeri tertentu. Jadi, itu yang pentingnya untuk saya sebutkan pegawai perubatan siswazah ini layak diberi cuti hari kelepasan am dan gantian kepada hari kelepasan am sekiranya bekerja pada hari cuti tersebut. PPS juga diberikan satu hari cuti penuh, cuti mingguan di mana cuti ini boleh diberi mana-mana hari, tidak semestinya pada hari hujung minggu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya kalau boleh saya kejar sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Siapa ya?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kapar baru masuk.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Kapar. *[Ketawa]* Yang Berhormat Rembau ada? Ada Yang Berhormat Rembau?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rembau tidak ada.

■1450

Insya-Allah saya akan mengundang Yang Berhormat Rembau untuk hadir dalam perasmian Hospital Rembau, insya-Allah. Sebahagian dari usaha beliau yang baik.

Yang Berhormat Paya Besar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sini, Menteri. Sini.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, Yang Berhormat Paya Besar bertanyakan tentang apa tadi? Keputusan makmal yang lama, waktu menunggu kecemasan

yang lama, wad sesak. Ini semua isu-isu yang sentiasa isu-isu kronik ini saya boleh hanya sekadar menyebutkan untuk keputusan makmal yang didakwa lewat itu terdapat ujian-ujian makmal tertentu yang memerlukan tempoh masa sebelum keputusan akhir diperoleh. Selain daripada itu, ada juga ujian makmal yang dilakukan secara berkumpulan in *batches it cannot be* dari sudut ekonomi, sudut logistiknya bagi menjimatkan kos seperti kos penggunaan *re-agent* itu sendiri kerana adalah membazir dari sudut *inefficiency* kalau setiap satu makmal satu ujian itu dibuat tapi ini adalah antara prosedur yang kita perhatikan.

Jabatan kecemasan mengamalkan sistem *triage* ini mengikut ini dari segi wad sesak ini. Dari segi *level* ataupun keterbukaan pesakit bagi kes-kes kecemasan seperti demam, penyakit kulit, dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik terdekat. Ini menyebabkan satu masalah rakyat kita yang tidak faham bahawa sebenarnya *the first line* adalah sebenarnya di klinik-klinik, *they should go to hospital*. Mereka pergi mendapatkan rawatan khususnya di *emergency department*. *Emergency position only for man* untuk menangani kes-kes *acute* yang serius. Selainnya *it best that* kita *decongest* kita elakkan kesesakan hospital kita dengan rakyat difahamkan supaya mendapat rawatan di klinik-klinik sebagai *the first line of facilities* dari sudut perubatan dan kesihatan untuk mereka faham. Sila Yang Berhormat kalau hendak tanya.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memikirkan betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan keputusan makmal lambat. Akan tetapi apa yang saya lihat, semasa kita datang melihat pesakit-pesakit masa untuk mereka menunggu laporan supaya membolehkan pihak pakar, pihak doktor membuat diagnosis yang lebih baik mereka terpaksa tunggu di hospital tanpa ada sebarang *treatment*. Jadi kalau kita dapat singkatkan masa *lab* itu. Kalau *lab* tidak cukup kita banyakkkan *lab* sebab peruntukan begitu besar. Jadi dapat kita jimatkan masa tempoh laporan itu dapat kita *discharge* mereka cepat. Kalau kita biarkan mereka lama di hospital ia akan meningkatkan kos Yang Berhormat Menteri.

Datu Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu isu yang besar. *Waiting time* ataupun masa menunggu ini ia adalah satu masalah yang rentas pelbagai aspek rawatan, perubatan dan kesihatan. Saya sangat peka atas masalah *waiting time* ini sama ada *waiting time to see a doctor, to see a specialist, waiting for* ujian makmal dapat kembali dan *waiting to be to undergo surgery* dan ada yang *elective surgery* bukan saja bulan kadang-kadang tahun. Isu *waiting time* ini adalah isu yang saya tangani langsung sekarang ini. Kita akan menggunakan segala pendekatan termasuklah menggunakan *artificial intelligence* dan AI dan sebagainya untuk saya atasi dan mudahnya begini. Kalau saya katakan macam mana hendak kita jadualkan mereka datang. Kalau lah yang mereka rebut itu adalah *parking space* dekat luar itu. Kita bagi dia pukul 9, pukul 10, pukul 11 *they come at 6 or 7 to ensure* untuk pastikan mereka dapat *parking space* itu. Tidak ada maknanya kita jadualkan mereka *staggered* sebab apa *this supply chain or this business process* ini mesti dilihat. Dia tidak boleh diselesaikan secara runcit-runcit. *It cannot solve waiting time piecemeal*.

Waiting time ini *must be solve* kita mesti selesaikan masalah ini dengan mengadakan bukan sahaja *facilities*, bukan sahaja sistem dan proses. Akan tetapi melihatnya keseluruhannya. Baru lah dapat termasuklah ujian makmal yang kita kadangkala memakan masa. Ada ujian-ujian memerlukan hari. Ada yang *on the spot* kita boleh dapat. Akan tetapi maksud saya kalau dari sudut masalah masa menunggu itu adalah satu yang kronik, legasi yang saya warisi dan saya bercadang untuk menyelesaikan masalah ini bukan secara runcit-runcit, bukan secara *piecemeal but to look at the entire business process of patient care* dalam merawat pesakit untuk memberikan mereka *the best* dalam memberikan mereka terbaik dari sudut *patient care*. Dan *patient centered care*. Jadi maaf Tuan Pengerusi. Sekadar pendapat saya yang lain ada jawapan-jawapan akan kita kongsi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong jangan keluar. Duduk, duduk.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, sikit sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada peminat Yang Berhormat Jelutong dalam dewan. Duduk.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak merujuk kepada...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong, tunggu lah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak merujuk kepada apa yang...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai tidak jawab lagi.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Banyak yang tidak jawab lagi. Minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Nanti lah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tidak berturut. Kalau diberikan setengah jam lagi saya boleh habiskan semua untuk Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey, berkaitan dengan doktor pelatih *housemanship* ini. Betul Yang Berhormat Menteri nyatakan ada diperuntukkan satu hari untuk mereka berehat. Akan tetapi dalam satu poster ini kadang-kadang mereka kumpulkan. Mereka kumpulkan hari-hari tersebut di hujung baru mereka ambil atau diarahkan untuk ambil. Akan tetapi kenapa kementerian tidak mewajibkan supaya *houseman* ini mengambil cuti selepas mereka bekerja. Itu yang pertama. Keduanya, saya difahamkan oleh ramai anak-anak muda yang bidang ini apabila mereka *houseman*, mereka sakit. Mereka dapat *medical certificate*, MC. Akan tetapi mereka ditolak pula cuti tahunan. Manakah keadilan mereka walhal mereka berkhidmat. Belajar untuk berkhidmat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Cukup, cukup. Saya faham, saya faham ya. Yang Berhormat, *rules* yang telah kita *set up* itu jelas. Seperti mana yang saya sebutkan tadi dari sudut waktu yang perlu mereka berikan khidmat. Adapun pada akhirnya dia tergantung juga kepada realiti dan desakan dan tuntutan semasa sama ada dalam jabatan mereka ataupun dalam wad. Jadi *the HOD* ataupun ketua-ketua jabatan pada akhirnya akan menggunakan budi bicaranya dalam kerangka keluasan fleksibiliti itu. Saya tahu perkara ini bukanlah satu hak – yang kita boleh letakkan. *Rules* itu ada tetapi perlu ada juga *discretionary power* ataupun budi bicara yang mana *head of department* perlu memberikan keadilan sebaik-baiknya kerana apa. *At the end of the day* ia adalah *patient care*. Ia keutamaan kemaslahatan kepentingan *patient* itu. Cuti memang telah pun kita tetapkan. Akan tetapi akhirnya *you must have a system that is workable and actionable*. Itu yang sangat penting dan kita yakin HO dan juga *especially head of department*, semuanya, pengarah hospital bertanggungjawab untuk pastikan kepentingan keselamatan *patient* ataupun pesakit. Saya rasa begitu saja untuk Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Menteri, kalau *Medical Certificate* MC ini ditolak dengan cuti tahunan *Annual Leave* menteri setuju atau tidak. Itu adil atau tidak? *Medical certificate* ditolak cuti tahunan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya kena tengok kes by kes. Jangan buat borong macam ini. Sangat tidak memberikan persepsi yang baik bagi *facilities* dan anggota dan warga kerja kita. *Do not give that impression*. Kalau kita sendiri Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan-pandangan persepsi yang buruk ini apatah lagi masyarakat di luar sana. Bertanggungjawab lah kerana *they are working*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ini *complain*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang bagi pandangan lah Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Rakyat minta saya sampaikan. Yang Berhormat jangan emosi. Saya memaklumkan suara rakyat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Telah saya katakan akhirnya kita ada.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Biar Menteri jawablah. Yang Berhormat Paya Besar *sit down*.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Dalam hospital ada pengarah, ketua jabatan. Mereka bertanggungjawab dan HO, MO, *specialist consultant* semuanya akan

menggembelngkan tenaga untuk memastikan keselamatan pesakit. *That is foremost.* Itu keutamaan kita bersama. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit Menteri. Padang Serai sedikit Menteri. Sedikit Padang Serai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Habis dah. Masa sudah habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pandang Serai, masa telah diberikan kepada Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM705,591,430 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM705,591,430 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

■1500

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk di bahas sekarang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi, Rasah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sini dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak mengehadikan juga jumlahnya. Jadi, saya lihat yang berdiri awal. Saya mulakan dengan Yang Berhormat...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau awal.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Taiping.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yeah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kemudian Yang Berhormat Rasah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini keputusan yang betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, Yang Berhormat Kuala Krau dahulu dan yang lain nanti saya akan ambil perhatian. Jadi, sila. Kita mulakan dahulu dengan Yang Berhormat Taiping. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini sebab Yang Berhormat Jelutong tiada dalam Dewan ini la. Yang Berhormat Jelutong ini alaa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Maksimum lima minit tetapi kalau dapat dipercepatkan lagi baik.

3.01 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Saya akan ringkaskan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Suka Yang Berhormat Arau.
[Ketawa]

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah maksud P. 43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di bawah maksud Butiran 01513 - Program Perumahan Rakyat. Di mana RM30 juta peruntukan tambahan telah dipohon untuk bayaran *interim* bagi 15 projek PPR di seluruh negara. Satu antaranya 260 unit di Kamunting, Taiping telah siap dibina. Persoalan saya kepada KPKT ialah kaedah yang akan diguna pakai untuk memastikan kesemua unit PPR itu diagihkan secara adil dan saksama kepada mereka yang memerlukannya? Sebagai wakil rakyat kawasan Taiping, besarlah harapan saya untuk memastikan mereka yang kurang kemampuan benar-benar menerima manfaat daripada Projek Perumahan Rakyat tersebut.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu berapakah kos yang terlibat dengan PPR di Kamunting? Pada masa yang sama, memohon kepada KPKT untuk terus mengkaji dan mewujudkan lebih banyak lagi PPR di kawasan Taiping demi memenuhi keperluan dan permintaan rakyat golongan B40. Itu sahaja secara ringkas daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Kena buat rujukan butiran mana.

3.02 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya hafal semua ini. B.43.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu satu sahaja ini. Satu butiran sahaja untuk...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tak sangka bekas Menteri kena ajar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini fasal PPR, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini fasal PPR, Yang Berhormat. Lepas tu, saya sambung yang lain la. Faham-faham la kan? Jadi, PPR. Ini saya menyokong sepenuhnya. Cuma- B.43 Tuan Pengerusi, itu satu butiran itu sahaja yang ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu butiran sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, satu itu sahaja lah. Okey, Tuan Pengerusi. Kita minta supaya oleh kerana PPR ini permintaannya tinggi di peringkat pekan-pekan kecil ataupun di kawasan pinggir bandar, permintaannya tinggi. Yang Berhormat minta berapa pun kita akan sokong hari ini. Akan tetapi pergi minta RM 30 juta. Jadi Yang Berhormat tidak cek ini dengan pegawai, patutnya...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh sekejap?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, yang kita sebut PPR ini adalah satu lagi masalah rakyat yang harus kerajaan beri tumpuan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Arau, setuju atau tidak? Kalau sebelum kita fikir hendak tambah PPR ini, kita hendak selesai masalah PPR yang ada, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri KPKT, saya tengok masalah PPR ini adalah merupakan masalah macam *time bomb*, dengan izin. Kalau tidak diselesaikan oleh pihak kementerian sama ada keadaan infrastruktur awal atau fasiliti awal ini tidak boleh diselesaikan, ini boleh mengakibatkan pelbagai gejala akan timbul di kalangan masyarakat B40 ini. Saya minta persetujuan Yang Berhormat Arau. Boleh tidak

kalau *certain* bajet atau peruntukan di peruntuk khusus untuk beri penumpuan kepada PPR yang sudah sedia ada ini terlebih dahulu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini boleh masuk dalam ucapan saya, sebahagian daripada ucapan saya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cuma saya hendak tambah Yang Berhormat, sekarang ini kita sudah keluarkan ini untuk 15 buah projek. Sekarang kita minta tambahan untuk memperbaiki rumah-rumah PPR yang sekarang ini berada di tahap yang agak teruk, Yang Berhormat. Kita kena ingat, semasa mereka masuk dahulu, zaman dahulu, mungkin kiranya baru berkahwin. Akan tetapi sekarang ini sudah beranak dan sudah bercucu, Yang Berhormat. Akan tetapi itulah PPR yang berada di hadapan mata. Jadi, kita minta dua jalan sekali gus iaitu *maintenance*, memperbaiki dan juga membuat yang baru. PPR yang baru ini, kita 15 ini tiada masalah. Kalau boleh tiap-tiap Parlimen Yang Berhormat, supaya ada satu PPR.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tinggal dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal dua minit sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Jelebu. Apa Yang Berhormat Jelebu ini tidak mahu membuat PPR baru? Tidak boleh la, Yang Berhormat. Menafikan PPR yang hendak dibuat di Kuala Krau itu. Jadi, kena sokong PPR baru, Yang Berhormat. Saya minta yang lama diselesaikan. Perancangan yang baru, termasuk kawasan Tuan Pengerusi pun kena selesai. Ini apa Yang Berhormat Jelebu ini, tidak minum lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Dua-dua masuk dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan tambahan sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya kena pertahankan. Yang Berhormat Arau, minta saya sedikit masa lagi. Jangan salah faham, ini sudah blok ini sama, blok ini pula bertentang. Ini kenapa ini? Saya bukan menghalang pembangunan PPR tetapi yang kita ada ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri setuju dengan saya. Bersetuju tak Yang Berhormat Menteri? Tengok, Yang Berhormat Menteri bersetuju. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya kata setuju.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Betul, yang ada, kita selesai. PPR yang baru, kita binalah. Apa ini Yang Berhormat Jelebu? *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya selesai. Jadi, yang baru diteruskan, yang lama diminta peruntukan tambahan untuk perbaiki. Jadi, Parlimen yang akan datang kita akan tengok peruntukan tambahan untuk memperbaiki. PPR yang baru Yang Berhormat, kita masukkan juga masuk ke dalam peruntukan tambahan supaya tiap-tiap Parlimen yang belum lagi ada PPR sekarang ini dibagi satu PPR.

Akhir sekali, sebab saya ingin menepati masa dan itulah saya sebenarnya. Tepat pada masa, Yang Berhormat. Okey, sini fasal PR1MA, Yang Berhormat. Dalam PPR ini ada juga PR1MA. Saya hendak selitkan sedikit, kenapa dikeluarkan surat untuk pegawai-pegawai PR1MA meletak jawatan? Jangan buat macam itu, Yang Berhormat. Dalam keadaan yang begini tertekan kehidupan, PR1MA yang telah berjasa kepada negara dan mereka bertungkus-lumus untuk menyediakan perancangan lebih daripada 100,000 rumah.

Tiba-tiba kita hanya mengambil pendekatan buang macam itu sahaja. Tidak boleh Yang Berhormat, perhati balik. Jangan biar orang-orang baru yang ambil alih ini, mereka bukan *superman* pun. Sesetengah yang dibagi menjadi pengerusi itu, latar belakangnya

bukan bagus pun tetapi sebab mereka buat- buat menyokong kerajaan, jadi kerajaan pun lantik dia. Jadi, tidak boleh buat macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita kena berhati-hati mengambil apa jua tindakan kepada perancangan yang ada sekarang. Macam Yang Berhormat Menteri Pertahanan, dia berhati-hati. Akan tetapi kalau boleh jangan lah jual Royale Chulan itu ya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Krai, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Gudang dan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krai]: Kuala Krai?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak. Baik, sila.

3.08 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih kerana peluang yang diberikan untuk saya dalam perbahasan petang ini. Cuma satu Butiran sahaja 01513 - PPR. Ini adalah belanjawan tambahan untuk tahun 2018 yang telah di bayar dan disebut dengan jelas RM30 juta itu telah didahulukan daripada simpanan luar jangka. Jadi, saya hendak tanya. Memandangkan ia menyatakan dengan jelas bahawa ia adalah bayaran interim. Jadi, keseluruhan bayaran yang patut dibayar berapa? Daripada 15 projek PPR yang di nyatakan di seluruh negara. Okey, itu satu. Keduanya, daripada 15 projek ini, di mana lokasi? Khasnya di Negeri Sembilan, ada tidak yang melibatkan projek di Negeri Sembilan? Berapa dan di mana lokasinya di Negeri Sembilan? Jadi, saya hendak bertanya kenapa berlaku ada penambahan sebegini pada tahun lepas? Oleh sebab ini kita tidak mahu cerita PPR baru ataupun yang kerja baik pulih dan sebagai. Ini yang tahun lepas punya. Jadi, kenapa berlaku penambahan ini pada tahun lepas? Adakah ia disebabkan ada ketirisan, penyelewengan ataupun disebabkan kos pembinaan yang meningkat dan sebagai nya?

Soalan terakhir saya, apakah ia ada apa-apa hubung kait dengan PR1MA? Oleh sebab kemungkinan PR1MA di bawah tajuk lain ataupun sekarang ini di bawah KPKT. Itu sahaja soalan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai.

■1510

3.10 ptg.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu di bawah P.43 01513 – PPR. Dalam bajet yang dibentangkan di sini adalah RM30 juta. Saya tidak pasti bajet ini untuk dibina di kawasan mana tetapi saya hendak fokuskan kepada isu di Kuala Krai. Di kawasan Kuala Krai juga adalah kawasan yang amat-amat memerlukan kepada projek-projek perumahan seperti ini. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di Kuala Krai ini ada tanah-tanah, sama ada milik Kerajaan Pusat di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, ada di kawasan yang cukup strategik, ada milik kalau tidak silap saya telah dibuat pengambilan sejak sekian lama untuk dijadikan tapak RTM dan juga satu lagi ialah di bawah Institut Latihan Perdagangan. Keduanya adalah di bawah PTP.

Kedua ialah di Kuala Krai juga ada banyak tanah-tanah kerajaan yang boleh dimanfaatkan kalaulah isu tanah yang diperlukan oleh pihak kerajaan untuk membina PPR ini. Jadi, persoalan saya ialah apakah ada dalam perancangan kerajaan khususnya di bawah kementerian KPKT untuk membina PPR ini di Kuala Krai kerana yang paling dekat projek ini dibina ialah di Machang yang sudah pun siap tetapi saya difahamkan belum lagi diduduki. Jadi, untuk kawasan yang sebelah hulu Kelantan, maka sudah pasti projek ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan dan kalau isu tanah saya telah sebutkan tadi dan saya

boleh bagi *detail* kepada Yang Berhormat untuk pembinaan ataupun untuk projek-projek ini dijalankan di Kuala Krai. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang, kemudian Yang Berhormat Pasir Salak. Bagi Yang Berhormat Pasir Gudang dulu.

3.12 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta ini rasanya besar. Jadi, saya ingin minta pecahan 15 projek itu di mana? Kalau boleh, ikut negeri-negeri.

Kedua, RM30 juta ini merupakan bayaran interim. Jadi, keseluruhan Program Perumahan Rakyat ini berapa jumlahnya? Adakah peruntukan tambahan ini diperlukan kerana berlaku projek yang terbengkalai? Kalau ya, apa sebabnya terbengkalai.

Akhir sekali, adakah projek PPR ini ada dibangunkan di kawasan saya di Pasir Gudang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang terakhir saya jemput Yang Berhormat Pasir Salak.

3.13 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memastikan saiz rumah rakyat ini biarlah selesa sikit kerana tidak ada faedah kalau kita buat hanya macam sarang burung *because* ia ada membawa kesan kepada *social development, family development*, gejala sosial, *education of the family*. Jadi itu penting. Banyak sekarang nak *save cost*, jimat kos, buat rumah kecil-kecil saja, bilik tidurnya pun satu dua, ada anak dara, anak teruna, nak bersalin pakaian pun susah. *Must think of that, a new plan for* rumah rakyat.

Keduanya, saya mencadangkan kepada Menteri bagi mengatasi masalah lot-lot tapak rumah nak dapat tanah susah sangat dan mahal. Saya mencadangkan satu daripada programnya ialah menaik taraf rumah-rumah kampung. Rumah kampung tidak jadi masalah lot tapak rumah. Pertamanya masalah lot dapat diatasi, keduanya masalah kos. Kalau rumah baru sampai RM50,000, RM60,000, RM70,000. Kalau baik pulih rumah, mungkin cuma RM20,000 atau RM30,000. *It saves a lot of money on the part of the government*. Jadi, itu cadangan sayalah. Saya rasa itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah kata terakhir tadi tapi ada satu lagi daripada?

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Putatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Putatan, saya bagi peluang satu lagi. Sila Yang Berhormat Putatan.

3.15 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Ya terima kasih. Saya merujuk kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat iaitu di tempat saya Parlimen Putatan sudah ada dua Program Perumahan Rakyat daripada era yang lalu. Kenapa pentingnya projek perumahan rakyat ini perlu diluluskan di tempat saya lagi di Putatan, kerana saya setuju tadi dengan pendapat tadi, Putatan ini adalah tempatnya di pinggir bandar, tempat tumpuan penduduk.

Kedua, di Parlimen saya ini terletaknya dua program besar kerajaan iaitu ada empat program pembesaran sungai dan juga terletaknya projek Pan Borneo di mana melibatkan beratus-ratus rumah penduduk-penduduk kampung yang kebanyakannya terdiri daripada setinggan. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya, adakah program PPR termasuk di

kawasan saya dan saya juga merakamkan di sini bahawa di tempat saya bersedia untuk menyediakan tanah daripada kerajaan negeri untuk program PPR ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuh Ahli Yang Berhormat telah...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Saya ada sedikit saja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, saya bagi masa sedikit. Sila.

3.16 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada P01513 – Program Perumahan Rakyat. Program Perumahan Rakyat telah bermula berpuluh-puluh tahun yang lalu dan banyak PPR yang sudah dibina 10 atau 30 tahun yang lalu itu sudah berusia dan dalam keadaan yang amat teruk, khususnya lif-lif dan juga tangki-tangki air. Jadi oleh sebab bayaran penyelenggaraan mereka terhad dan tidak mencukupi untuk membayarkan gantian tangki-tangki air dan juga lif-lif yang harga mereka amat tinggi. Jadi saya hendak tahu sama ada Kementerian Perumahan ada mencadangkan, mengadakan satu dana untuk tujuan menggantikan lif-lif dan juga air tangki di PPR di kawasan Wangsa Maju. Ini sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab, maksimum 15 minit.

3.17 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Alhamdulillah*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada 10 yang bertanya dan dua mencelah tadi. Kalau hendak ikutkan saya tidak perlu 15 minit sebab semua yang tanya soalannya luar dari tajuk. [*Ketawa*] Akan tetapi tidak apa, saya akan menjawab secara menyeluruh.

Duit RM30 juta ini digunakan sebagai *interim payment*. *Interim payment* adalah *progress payment* yang dibayar bulanan kepada 15 projek yang telah diperuntukkan dan RM30 juta ini kita kena keluarkan daripada wang kumpulan simpanan kerana kerja itu *is ahead of time, that means ia progress* lebih daripada jangka masa. Jadi oleh kerana itu kita kena keluarkan duit RM30 juta ini untuk membuat bayaran. Projek itu *ahead of time*, *that means* ia dah melepasi jangka masa yang telah dihadkan. Jadi kita kena keluarkan untuk buat pembayaran.

Namun demikian, 15 projek itu terletak di Johor ada satu di Ulu Tiram, di Kedah ada dua iaitu di Kubang Pasu dan juga Langkawi, di Kelantan ada empat iaitu Air Lanas, Jeli, Gual Ipoh Tanah Merah, Machang dan juga Pasir Mas. Di Pahang ada dua, Beserah, Sungai Karang Kuantan dan juga Inderapura Kuantan di Pahang dan di Selangor ada satu di Jalan Sungai Yu, Kuala Selangor. Terengganu ada satu, Kuala Nerus. Di Sabah ada tiga, Tuaran, Semporna dan juga Kota Belud dan Sarawak ada satu.

Jadi inilah 15 projek yang telah, kita perlukan wang tambahan kerana untuk membayarkan *progress work* yang telah dilaksanakan. Jadi, untuk yang bertanya tentang pengagihan unit, tidak apalah *since* ada masa saya berikan jawapan. Pengagihan unit ini dibuat dengan secara *online* melalui kerajaan negeri dan kerajaan negeri akan memberikan senarai nama itu kepada KPKT untuk KPKT tapis untuk pastikan bahawa pemohon-pemohon ini adalah pemohon yang layak.

■1520

So, kalau kita sudah tapis, sudah *approve the list* dan kita akan pulangkan balik kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri akan buat pengagihan. Itu sistem dia ya. Namun demikian, kita juga memberikan sedikit *priority* kepada golongan-golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal dan keluarga OKU dan juga anggota-anggota pegawai kerajaan juga kita akan berikan mereka sedikit kelebihan agar mereka diberikan ruang dan peluang untuk duduki rumah-rumah PPR ini. Atas permintaan yang hendak minta lebih banyak rumah,

memang kita tidak kiralah di mana saja, sama ada di Kelantan, di Pahang, di Terengganu, kawasan luar bandar, di bandar dan sebagainya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, boleh sekejap? Yang ini pun luar tajuk ini Yang Berhormat Menteri tapi fasal saya hendak mendapat sikit penjelasan. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri? Sikit saja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Sekejap. *Let me finish this*, sikit saja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tajuk yang sama.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya lah. Biar saya jawab dulu, nanti...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelebu, bagi Yang Berhormat Menteri habiskan dulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Jadi untuk ini, sekiranya ada Yang Berhormat yang ada cadangan dalam kawasan mereka, boleh ajukan kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri akan angkat kepada KPKT untuk dipertimbangkan, disemak. Kalau sesuai *insya-Allah* kita akan bina rumah di kawasan-kawasan ini.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri fasal pengambilan peserta PPR ini. Memang tidak cukup Yang Berhormat Menteri. Mana-mana negeri pun PPR kita buat tidak cukup kerana keperluan rumah ini terlalu banyak. Lebih-lebih lagi di kawasan bandar. Ada tidak perancangan kementerian ataupun apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau pihak kementerian buat satu projek PPR untuk transit sahaja. Maknanya bila kita bagi, kita tidak bagi hak milik untuk penempatan berterusan tetapi bagi transit tiga tahun, empat tahun dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Di bawah dasar rumah mampu milik yang kita hendak buat, memang kita tadi Yang Berhormat Pasir Salak tanya rumah kecil. Kita sudah ada *specification* untuk 900 kaki persegi ke atas. Kalau yang rumah kampung itu, Yang Berhormat Menteri Luar Bandar. Ini Yang Berhormat Pasir Salak sudah dua, tiga kali sudah capak fasal rumah kampung. Kena tanya Kementerian Luar Bandar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit saja mencelah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Nanti saya selitkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berkenaan dengan itu, saya ingat saya tadi lupa hendak mencadangkan, sebenarnya projek perumahan letak bawah Kementerian Perumahan sahaja. Tidak payah agensi sana, agensi sini. Berpuluh-puluh agensi, *management* berpuluh-puluh, kos berpuluh-puluh ribu. Kalau serah bawah Yang Berhormat seorang saja, Yang Berhormat sebagai Menteri Perumahan jaga seluruh keperluan perumahan dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Memang saya menjangkakan *in the long term we should be moving to that direction*. Ketika ini kita cuma mengambil alih PP1M.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I'm a head of time* selalu begitu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *Thank you but you didn't do it when you are here. [Ketawa] All right* tidak apa, kita sama-sama kita *go moving to that direction*. Okey, Yang Berhormat Jelebu, memang kita *in the way forward ...*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, bila dia duduk kerusi sana, baru dia orang ingat balik.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *[Ketawa]* So jadi, tidak apa saya tinggal itu dulu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tinggal satu, dua orang, *you* jangan kacau sama kitalah. [*Dewan riu*]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Jelebu, dalam dasar rumah mampu milik, *the way forward* untuk kita memastikan bahawa ada rumah-rumah yang kita menjadikan aset di kawasan-kawasan bandar terutamanya. *That is why we are moving forward to rent-to-own* punya skim, okey. *Rent-to-own* yang mana dia sewa dalam lima tahun *then* lepas itu kita boleh *let them* merancang kedudukan kewangan mereka dan duit yang mereka bayar untuk bulanan itu boleh digunakan sebagai deposit untuk membelikan rumah yang baru, yang lebih besar ataupun apa yang dia rasa sesuai.

So, this is in the pipeline yang kita akan laksanakan *insya-Allah*. Selepas 2019 ini kita melancarkan program perumahan mampu milik di bawah dasar baru dan kita *expect in three year time* rumah ini akan sedia. Ketika itu kita akan memberikan lebih spesifik tentang proses, mekanisme dan prosedur dia, *insya-Allah*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *So*, saya ingat *maintainance* tadi Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Arau bergaduh fasal satu kata... [*Ketawa*] Dia macam Labu Labilah, tiga orang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, itu tidak bergaduh. Kita bagi *challenge* pada Yang Berhormat Menteri saja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Macam Labu Labi lah, Labu Labi tidak bergaduh, dia...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini yang sebelah sana, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Menteri ini Yang Berhormat Menteri yang terbaik. Setuju tidak?

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ha! Yang Berhormat Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya hendak tahu yang mana Labu yang mana Labi?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tidak bergaduh, dia menyakat saja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ada satu lagi, Laba.

Seorang Ahli: Semua Yang Berhormat Menteri baik.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang itu memang betul, memang betul. Satu kita adalah untuk memastikan rumah-rumah yang tidak terjual itu kita bereskan untuk diambil...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri Industri Utama pun baik.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Keduanya untuk membaiki, ketiganya *of course* untuk membuat rumah baru. Itu semua dalam perancangan ya. Jadi untuk soalan Yang Berhormat Wangsa Maju yang bertanya tentang rumah PPR yang 30 tahun. Dalam dasar mungkin Yang Berhormat Maju tidak teliti lagi Dasar Perumahan Negara yang baru, dalam dasar itu telah ada satu komponen yang mana kita letakkan untuk pembangunan semula PPR yang lama ini, boleh kita akan robohkan dan buat kita buat bangunan semula.

So, dari segi pengurusan PPR ini, *insya-Allah* KPKT juga telah merancang untuk menyediakan satu mekanisme atau *vehicle* yang mana membolehkan KPKT untuk meletakkan pegawai di situ untuk menguruskan *maintenance* ataupun menguruskan penjagaan PPR-PPR ini ya. Jadi yang *the way forward insya-Allah* kita akan laksanakan dasar baru ini. Akan tetapi rumah yang lama itu juga kita akan lihat peringkat berperingkat, yang mana yang masih muda lagi, tidaklah *matured* sangat kita akan dahulukan.

Akan tetapi kalau yang sudah *matured* sudah *beyond repair*, kita akan buat *redevelopment* kepada projek-projek ini. Jadi saya rasa itu sahaja yang saya dapat berikan jawapan kerana satu tajuk RM30 juta digunakan untuk membayar kepada projek-projek yang telah dibuat *ahead of time*. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kuala Krai, ada persoalan saya tadi yang...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey. Yang Berhormat Kuala Krai tanya fasal tanah kan. So sudah sebut tadi dalam keseluruhannya. Kalau ada tanah cadangkan di kerajaan negeri dan kerajaan negeri akan angkat kepada KPKT dan kita buat lawatan tapak, lihat sama ada sesuai atau tidak ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sikit saja oleh kerana masa masih ada. Apakah KPKT tidak memikirkan mekanisme bagaimana untuk memastikan rakyat dapat rumah? Isunya ialah kita menyediakan tapak, tapak saja tapi perumahan dibina oleh rakyat mengikut kemampuan masing-masing. Oleh sebab bila kita letakkan satu kos, ada rakyat kita yang tidak mampu dengan kos tersebut tapi dia mungkin mampu memiliki tanah, kalau tanah itu dapat di *offer* dengan harga yang *special* dan dia boleh mampu bina di atas kemampuan yang dia ada. Ini minta pandangan sikit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Tanah-tanah persendirian dan minta sedikit peruntukan untuk dibina. Kita tidak ada program spesifik seperti itu ketika ini. Jadi mungkin satu perkara yang boleh kita, kalau tanah sendiri itu kebanyakan adalah daripada tanah-tanah orang kampung. Jadi mungkin saya boleh berbincang dengan Menteri Luar Bandar melihatkan bagaimana satu polisi ataupun mekanisme yang boleh kita laksanakan macam Yang Berhormat Pasir Salak juga cakap itulah. So *insya-Allah*, jadi kalau kita bincangkan fasal polisi rumah itu, saya ingat saya kena luaskan sedikit ke daerah-daerah luar bandar yang mana tanah-tanah ada, pemilikan individu dan bagaimana kita hendak membantu mereka untuk membangunkan. *Insya-Allah*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Dia termasuk di FELDA bila kerajaan bagi kebenaran untuk setiap rumah FELDA di bina oleh generasi kedua, tapaknya sudah ada tetapi kalau boleh meliputi kawasan FELDA sekali. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Bawah Yang Berhormat Menteri yang lain sebab itu saya sebut tadi macam Yang Berhormat Pasir Salak sebut tadi, *in the future lap*, KPKT *stabilize* dulu untuk perumahan-perumahan yang sedia ada dan kemudian nanti *insya-Allah* kita cuba perluaskan lagi. So *that housing in the country will more standardize in term of policy, law* semua. Jadi mudah. Ketika saya masuk ke kementerian ini saya sangka *anything to do with perumahan is under KPKT but when I'm in it, it's not that, it's just some of it*. So, itu pun merumitkan saya untuk menyelesaikan masalah bila tidak ada dalam kuasa KPKT. Terima kasih.

Seorang Ahli: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri sikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Di atas jawapan. Dia sudah selesai, selesai sudah.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Selesai? Yang Berhormat Menteri, sikit Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah, sudah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelah sana tidak payah lah jerit-jerit, kita pun sokong, setuju.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Pembangunan...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Orang punya sukalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta perhatian Yang Berhormat.

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Oleh sebab P.45 hanya token sahaja, P.45 tidak perlu dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh sebab P.46 hanya token sahaja, P.46 tidak perlu dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

■ 1530

Maksud B.60 [Jadual] -

Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Bagi P.60 hanya token sahaja, P.60 tidak perlu dibahas. Sila Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membahaskan B.60 Bekalan sahaja. Sila. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Kapar.

3.31 ptg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengambil bicara tentang Maksud B.60 Kementerian Pertahanan di bawah rujukan 01000 di bawah 010100 - Pengurusan Bantuan Bersama. Saya ingin menyinggung isu PERHEBAT yang saya bawa sebelum ini iaitu tentang peruntukan yang diberikan dan sebanyak RM32 juta sebelum ini dan sekarang ini berjumlah RM28 juta dikurangkan setelah berlakunya beberapa tahun yang lalu tabungan untuk perbelanjaan pengurusan dan juga pembangunan itu tidak cukup sehingga bulan September.

Jadi keperluan mendesak untuk dinaikkan ke RM40 juta itu amat diperlukan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan seorang yang berjiwa patriotik, tidak

mengizinkan kepincangan dan juga ketidakefisienan berlaku. Maka sepatutnya penambahan RM40 juta itu tidak menjadi masalah kerana melahirkan tiap-tiap tahun 5,000 askar yang bersara dan askar-askar ini perlu dibekalkan dengan kemahiran. Ini kerana jasa dan bakti mereka itu tidak boleh siapa pun pertikaikan.

Jadi saya mohon dengan budi bicara dan juga keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pertahanan luluskanlah, pertimbangkanlah RM40 juta sebagai sasaran sehingga bulan Disember. Jadi jangan ada masalah dalam membentuk untuk memberikan program dan juga pengurusan sehingga bulan Disember yang diperlukan.

Saya juga ingin menyinggung butiran 011600. Yang Berhormat Menteri, setelah saya dimaklumkan dua tiga hari yang lalu memang saya diserang hebat tetapi saya hendak tahu juga berapakah belian yang diambil tanah di FELDA Sendayan yang berjumlah 970 ekar itu sekaki persegi. Saya hendak tahu, berapa nilai yang dibeli di tanah yang diambil dari peneroka FELDA Sendayan. Saya hendak tahu, adakah peruntukan untuk pembinaan Lapangan Terbang Udara Angkatan Tentera ini terlaksana atau belum.

Oleh sebab daripada Sungai Besi dipindahkan kepada Sendayan. Saya hendak tahu dengan jelas, kalau sekiranya berlaku kepincangan, Kementerian Pertahanan jangan berlengah waktu, siasat dan pastikan keadilan dapat ditegakkan.

Saya dimaklumkan sama ada benar atau tidak, MBI Negeri Sembilan telah menjual tanah itu dengan harga RM7 sedangkan diambil daripada peneroka harga RM3 kaki persegi. Jadi saya melihat ada kepincangan dan penindasan dan kezaliman berlaku dalam memberikan keadilan kepada peneroka FELDA Sendayan.

Maka mengulas daripada maklumat yang saya terima, kementerian harus peka bahawa ada atau tidak kezaliman berlaku. Kalau benar berlaku, tuntutan keadilan wajib dilaksanakan. Mereka yang menzalimi, menganiaya rakyat di bawah tidak boleh kita kompromikan. Maka saya mengambil pendekatan dengan tegas. Yang Berhormat Menteri Pertahanan harus siasat terperinci. Bawa mereka yang terbabit ke pengadilan. Hukum mereka yang mengatakan bahawa mereka menjaga ketuanan Melayu. Tuan Melayu mana yang mereka jaga kalau ini pun penindasan berlaku. Mohon Yang Berhormat Menteri Pertahanan, memainkan peranan dan tegakkan keadilan kepada peneroka FELDA Sendayan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelutong. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Petaling Jaya, kemudian Yang Berhormat Pasir Gudang. Sila Yang Berhormat Jelutong.

3.35 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga merujuk kepada butiran yang sama dan juga kepada kertas perintah yang telah diberi penjelasan bahawa jumlah RM226 juta adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia.

Saya peka bahawa kita perlu memantapkan sistem Tentera Udara Diraja Malaysia dan saya juga ingin mengetahui, berapakah jet-jet yang berada dalam keadaan siap siaga kerana kita juga mengambil maklum bahawa terdapat beberapa daripada unit-unit jet ini yang mungkin tidak diselenggarakan dengan betul oleh kerajaan yang lama.

Isu berkenaan dengan keselamatan negara adalah sesuatu yang kita tidak boleh berkompromi. Kita mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita yang baru telah mengambil langkah-langkah untuk memantapkan lagi pesawat-pesawat ini. Saya cuma ingin mengetahui walaupun saya tidak minta semua perkara itu, mungkin tidak boleh didedahkan, kerana ia adalah mungkin melibatkan keselamatan negara tetapi saya cuma ingin kementerian beri perhatian yang serius kepada perkara ini.

Pada masa yang sama, saya juga merujuk kepada penjelasan juga yang telah diberikan dalam Kertas Perintah 1A iaitu perolehan bekalan ubat Hospital Angkatan Tentera. Ini adalah perkara yang baik yang saya rasa kebajikan anggota-anggota tentera harus diberi perhatian di mana kita harus memastikan bahawa hospital-hospital yang ada di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada anggota-anggota tentera sentiasa mempunyai kelengkapan hospital yang mencukupi, perubatan yang mencukupi.

Ini kerana kebajikan anggota-anggota tentera ini adalah sesuatu yang kita tidak boleh berkompromi. So, ini adalah dua perkara yang saya ingin bangkitkan di sini dan pada masa yang sama mungkin ini adalah di luar perkara yang dibincangkan. Kemungkinan Yang Berhormat Menteri juga boleh memberi perhatian kepada isu elaun dan gaji anggota-anggota tentera di mana kita lihat bahawa terdapat juga rintihan, keluhan daripada anggota-anggota tentera bahawa ada keperluan untuk gaji dan elaun-elaun perkhidmatan mereka diberi perhatian mungkin disemak semula dan dipertingkatkan sekiranya perlu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

3.38 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya ialah berkenaan dengan laporan dari SUHAKAM tentang kehilangan Pastor Koh dan juga Amiruddin yang mana mereka sudah kata dalam KDN.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini di bawah Kementerian Pertahanan. Rujuk butiran mana di peringkat jawatankuasa. Mungkin selepas ini agaknya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput sekarang Yang Berhormat Pasir Gudang.

3.38 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada ada dua butiran sahaja. Butiran 01100 - Logistik Pertahanan Maritim. Yang Berhormat Menteri, saya ingin menarik perhatian bahawa kita ada pertikaian mengenai sempadan maritim di Selat Johor berkenaan sempadan pelabuhan. Untuk makluman, mungkin Yang Berhormat Menteri lebih arif tentang ini. Negara jiran kita seberang tambak Johor, mereka telah membeli dua kapal selam yang canggih dalam pembinaan.

Manakala, kapal selam kita ada di Sabah pangkalannya. Saya harap kapal selam kita kini sudah boleh menyelam. Jadi, minta perhatian tentang siap siaga kita dari segi maritim angkatan laut. Kedua, butiran 011600 - Logistik Pertahanan Udara.

■1540

Yang Berhormat Menteri, negara jiran kita di sebelah selatan seberang Tambak, Johor telah membeli dua kapal terbang *stealth* yang tidak boleh dikesan oleh radar. Saya ingin tahu, adakah radar kita yang telah di Bukit Lunchu, Pasir Gudang yang radarnya sudah agak usia boleh mengesan kapal terbang *stealth* yang amat canggih ini. Sedangkan di *southern* Johor, *airspace* ruang udara selatan Johor yang dipanggil *integrated space*, *airspace* yang meliputi kawasan Pasir Gudang sampai ke sebahagian Kota Tinggi dalam aspek sivil masih lagi di kawal oleh negara jiran kita, Singapura. Ini tentu mempunyai implikasinya terhadap pertahanan udara kita sekiranya kerajaan tidak segera mengambil balik *sovereignty* kita terhadap *airspace* kita, ruang angkasa kita di selatan Johor. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Ahli-ahli Yang Berhormat tiga pembahas telah berbahas dan sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menjawabnya. Maksimum 15 minit.

3.41 ptg.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Terima kasih kepada tiga pembahas yang telah membahaskan isu pembekalan tambahan. Sebelum saya menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan secara spesifik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan kepada Dewan ini berkaitan butiran pembekalan tambahan yang dipohon oleh kementerian. Kita pohon yang diluluskan RM226 juta.

Jadi, yang kita pohon RM851 juta. Jadi, bukan ke semuanya kita peroleh. Walau bagaimanapun Kementerian Pertahanan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang sudi memberi belanjawan tambahan kepada Kementerian Pertahanan. Adapun saya akan menjawab secara umum dahulu. Kemudian saya akan pergi kepada pertanyaan-pertanyaan tadi.

Penyelenggaraan aset daripada RM226.1 juta yang diterima sebanyak RM65 juta telah diagihkan kepada Tentera Darat, sebanyak RM100 juta kepada TUDM, sebanyak RM3.8 juta kepada TLDM, sebanyak RM11.15 juta kepada Markas ATM dan sebanyak RM45.44 juta diberi kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran. Penyelenggaraan aset pertahanan merupakan tumpuan utama Kementerian Pertahanan bagi memastikan kesiapsiagaan negara seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelutong berada di tahap terbaik pada setiap masa.

Manakala bagi memastikan kebajikan anggota ATM terus terpelihara. Juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi. Kerajaan memberi peruntukan kepada selenggaraan rumah keluarga angkatan tentera dan bekalan ubat-ubatan di hospital dan Rumah Sakit Angkatan Tentera agar sentiasa mencukupi.

Justeru itu bagi Tentera Darat peruntukan tambahan RM65.78 juta iaitu pengangkutan barang-barang dari luar negara untuk peluru, alat ganti kenderaan dan tayar kenderaan itu sebanyak RM1.85 juta. Sewaan *charter* untuk membawa tentera kita ulang-alik daripada Sabah, Sarawak dan ke Semenanjung yang kita *charter* sama ada AirAsia atau MAS. Itu memakan belanja sebanyak RM3.32 juta belanjawan tambahan.

Kemudian, ditambah lagi dengan PLKN dulu di bawah Kementerian Pertahanan sekarang di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kita pakai tempat itu, Kementerian Pertahanan bayar sewa sebanyak RM28.6 juta. Kemudian, pembelian *rangsum* ini yang banyak berjumlah RM21.5 juta. Supaya askar kita cukup makan. Jangan sampai bulan Julai dia dah tidak ada *rangsum*, nanti tidak cukup makan maka tidak sihat.

Selenggaraan sistem komputer ini sebanyak RM7 juta. Perkhidmatan catering berjumlah RM29 juta. Di samping itu TUDM pula telah menerima RM100 juta bagi menampung kekurangan peruntukan sedia ada. Selenggaraan aset-aset utama seperti pesawat C130, Nuri, Sukhoi dan helikopter EC725. Di LIMA baru-baru ini kita lihat Nuri terbang. Tunjuk kepada penonton semua bahawa Nuri umur 55 tahun masih boleh terbang dan membuat persembahan yang baik.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Fuh, dahsyat!

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebab di dalamnya diperbaharui segala sistem, maka dia dapat terbang dengan baik.

Kemudian kita lihat pula masa saya menjawab di awal penggal dahulu iaitu Sukhoi boleh terbang waktu itu hanya empat. Di LIMA baru-baru ini kita terbangkan 10.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Fuh, dahsyat!

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini bermakna...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan!

Tuan Mohamad bin Sabu: ...Memperbaikinya dan kita tekankan soal...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hidup DAP!

Tuan Mohamad bin Sabu: ...*maintenance, repair and overhaul* (MRO) dibuat oleh syarikat tempatan dengan kerjasama bantuan teknologi asing dan sebagainya kita dapat terbangkan Sukhoi bahkan membuat pertunjukan yang begitu hebat. Di LIMA baru-baru ini.

TLDM pula sejumlah RM38 juta peruntukan tambahan telah diterima bagi menampung pembayaran kontrak *rangsum* lagi. Bekalan makanan. Di bawah Markas ATM, peruntukan tambahan sebanyak RM11.15 juta diterima telah digunakan bayaran pukal minyak Operasi Pasir. Operasi Pasir itu berjumlah RM6.15 juta. Bekalan ubat di hospital, Rumah Sakit Angkatan Tentera ini kita minta tambahan RM5 juta.

Jabatan Hal Ehwal Veteran. Bayaran perubatan veteran tidak berpencen belanjawan tambahan sebanyak RM2.4 juta. Bayaran perubatan veteran pencen berjumlah RM30 juta.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, maafkan saya. Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi ke topik yang lain. Berkenaan dengan—Jelutong, Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan hospital.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP! DAP!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hospital dan kelengkapan. Saya hendak tanya spesifik tentang pembekalan hospital dan kelengkapan-kelengkapan lain di kawasan Lahad Datu. Adakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa kebajikan anggota-anggota di sana terpelihara supaya kita dapat memastikan bahawa anggota di situ sentiasa siap siaga supaya kejadian insiden Lahad Datu itu tidak berulang kembali? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya. Kita ambil perhatian kerana itu soalan spesifik. Pegawai-pegawai kementerian akan mencatatnya dan akan kita ambil perhatian apa yang ditimbulkan tadi. Bantuan Sara Hidup di minta tambah sebanyak RM6.96 juta, bantuan mengurus jenazah berjumlah RM36 juta, sewaan pejabat berjumlah RM147,000.

Untuk pengetahuan Ahli Parlimen pada tahun ini, semua peruntukan kepada veteran telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kesemuanya sekali. [*Tepuk*] Ini sebab kita memang sentiasa mengambil berat dan menekankan soal terutama hal-hal veteran ini. Kalau ada tambahan peruntukan itu adalah atas usaha yang kita buat seperti yang diumumkan baru-baru iaitu menjelang hari raya, veteran berpencen dan tidak berpencen kan menerima wang sagu hati untuk hari raya sebanyak RM500. [*Tepuk*] Itu bukan dalam bajet. Itu di luar bajet dan pihak Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk meluluskannya.

Untuk soalan pasal PERHEBAT, kerajaan sedang mengkaji rasionalisasi PERHEBAT. Dalam penyusunan semula semua pihak yang terlibat akan dilibatkan. *Insyallah* sorang pun tidak akan tercicir. Kepentingan PERHEBAT pesara ATM khususnya latihan, peralihan akan sentiasa diberi perhatian. Cadangan Yang Berhormat mengenai peruntukan sebanyak RM40 juta yang ini kena kajilah dan kita akan tuntutan. Kita akan minta supaya peruntukan kepada PERHEBAT atau susunan semula PERHEBAT ini diberi peruntukan tambahan. Ini kita akan usahakan.

Tentang Yang Berhormat Kapar...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak-banyak.

■1550

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih! [*Dewan ketawa*] Tentang tanah di Sendayan. Katanya satu kaki yang dijual oleh peneroka RM3 kemudian MBI membeli RM7 dan peneroka rugi. Maklumat ini akan kita kaji dan kalau ada penyelewengan, kita tidak akan teragak-agak untuk membuat laporan kepada pihak berwajib. [*Tepuk*] Ini kita memberi jaminan sebab Kementerian Pertahanan kementerian yang pertama mengundang pasukan siasatan menyiasat Kementerian Pertahanan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hidup DAP!

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Jelutong tadi dah tanya pasal penyelenggaraan pesawat dan perubatan. Memang inilah kita sentiasa mencari dan kita mahu askar kita sihat dan belanja yang besar di antaranya ialah hal kesihatan. Kita tak rasa rugi walaupun dia belanja besar sebab kita mahu tentera dan bekas tentera sentiasa sihat. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tambah sikit, tambah sikit Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Bangun*]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sikit. Bekas tentera kena tutup. [Ketawa] Saya tidak bertanya, saya nak tambah sahaja soalan sikit Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, sila.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey. Berkenaan dengan NBCD iaitu *non-biological chemicals* pada masa ini yang hari itu kita gunakan untuk Pasir Gudang daripada askar jurutera. Peralatan-peralatan itu perlu diperbaiki dan dapatkan peralatan-peralatan yang canggih sebab kita mahu *advance* seperti di luar negara. Di samping itu juga tak lama lagi kita nak banjir, tentukan persiapan *tugboats* dan juga enjin-enjin disiap sedia untuk bantu rakyat di Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Padang Serai mengingatkan soal pertahanan kita, soal pertindihan, *claim* sempadan dan sebagainya. Itu diselesaikan oleh Kementerian Luar Negeri dan perbincangan berjalan dan penyelesaian sudah pun tiba. Soal radar kita sentiasa diperbaiki dan sekarang saya memberi jaminan bahawa seluruh ruang udara Malaysia dikawal oleh radar Malaysia. [Tepuk] Di mana kita letak, bagaimana dia kawal, itu adalah rahsia negara. Akan tetapi kita ada keupayaan untuk menjaga seluruh ruang udara negara Malaysia sekarang. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan. Tuan Pengerusi, saya bangun tadi, penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri ada menyebut awal tadi iaitu peruntukan untuk Ops Pasir. Apakah dimasukkan juga rondaan yang harus dipertingkatkan di Beting Patinggi Ali? Sebab apa, Beting Patinggi Ali ini walaupun benda kecil dan kadang-kadang saya sering diketawakan kerana mengulang tajuk yang sama tetapi, kerajaan masa depan ialah Beting Patinggi Ali kerana itu ialah sumber *reserve gas* dan juga minyak di sana ialah antara yang terbesar.

Yang kedua, di bawah P.60 Butiran 00900 – Pembinaan ini ditanda RM10. Jadi tanda RM10 ini bermakna Yang Berhormat boleh minta tanpa had. Jadi Yang Berhormat minta banyak sikit, kita akan sokong habis-habisan untuk memperbaiki semua sekali kem tentera kita supaya nampak wajah baru, kerajaan Pakatan DAP baru. Jadi dengan itu kita boleh berbangga bahawa kita telah buat sesuatu untuk pertahanan negara. Pertahanan negara ini bukan sahaja pergi perang tetapi menunjukkan kehebatan kita juga ialah pertahanan negara.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Termasuklah saya melawat kem-kem di Perlis, memang perlu ada peruntukan untuk memperbaiki kem-kem tentera yang saya lihat di situ. Kemudian saya juga ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Arau selalu timbulkan soal Beting Patinggi Ali. Ini *concern*-nya sebab dulu beliau masa jadi Menteri di JPM, menjaga APMM. Kita sentiasa meningkatkan kawalan kita termasuk di pulau-pulau itu. Kalau diizinkan, belanjawan tambahan akan datang kita akan lihat pembelian-pembelian baru yang akan kita gunakan di antaranya untuk mengawal perairan kita lebih hebat terutamanya di sebelah Laut China Selatan dan sempadan Filipina. Jadi, perhatian yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Arau itu kita amat bersama dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit lagi Yang Berhormat Menteri, sebab masih ada masa dua minit. Ini saya nak cadang, Terumbu Layang-layang telah dibina di atas besi-besi dan Terumbu Layang-layang sekarang ini menjadi tempat pelancongan yang boleh menampung 1200 orang pelancong pada bila-bila masa dan ia beroperasi enam bulan setahun kerana ombak. Jadi sekarang ini, apakah Yang Berhormat bercadang - sebab yang itu dibina oleh Yang Berhormat Langkawi dulu semasa dia menjadi Perdana Menteri. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menjadi Menteri Pertahanan yang hebat, supaya satu pelantar ataupun pulau tiruan dibina di Beting Patinggi Ali.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita akan mengkaji dan melihat cadangan itu supaya - memang kalau dulunya Pulau Layang-layang itu hanya batu timbul kemudian boleh dibuat *airport* di situ dan di sini, kalau kita ada peruntukan dan untuk keselamatan negara, kita pertimbangkan dan kita akan bincang bersama dengan kementerian lain termasuk MOFA, apakah boleh dilaksanakan membina lapangan terbang di situ. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya nak tutup dah.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tak, saya nak mengalu-alukan kehadiran mahasiswa dan mahasiswi dari UiTM Merbok, Kedah. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Baik. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM226,172,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM226,172,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

Maksud B.62 [Jadual] -

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas sekarang. Bagi P.62 hanya token sahaja, P.62 tidak perlu dibahas. Silakan Yang Berhormat.

Saya jemput yang pertama, Yang Berhormat Petaling Jaya kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Arau, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Rasah, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kangar. Sila.

3.57 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekarang dah betul. Ini berkenaan dengan laporan SUHAKAM tentang kehilangan Pastor Koh dan Amri Che Mat yang mana kita diberitahu bahawa polis mesti mengambil tanggungjawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butiran berapa? Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kena sebut butiran mana, Yang Berhormat.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Bagi saya habiskan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Arau pun pandai butiran.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Sekarang Yang Berhormat Zahid bin Hamidi yang menafikan dan kata dia tidak tahu di mana mereka. So sekarang, soalnya ialah siapa yang akan mengambil tanggungjawab tentang kehilangan Pastor Koh dan juga Amri Che Mat dan juga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: ...Dan juga Joshua Hilmy dan isteri, Ruth.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Petaling Jaya, minta laluan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Nanti saya habiskan dulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor minta laluan. Sini, sebelah kiri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti bagi dia habis dululah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih. Saya ingin tahu siapakah yang akan bertanggungjawab? Nombor satu, yang menjadi Perdana Menteri pada masa itu adalah Yang Berhormat Pekan. Nombor dua, yang menjadi Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri adalah Yang Berhormat Bagan Datuk dan kita harus mempertanggungjawabkan Barisan Nasional di atas kehilangan dua insan ini.

Ini adalah perkara serius. Dua orang warganegara Malaysia yang telah tiba-tiba ghaib di mana SUHAKAM telah mendapati bahawa ini mungkin dilakukan oleh *Special Branch*, Cawangan Khas. Kita tidak mahu anggota-anggota polis dicemari disebabkan oleh arahan-arahan daripada pihak-pihak atasan. Kita mahu melindungi, memberi persepsi bahawa terdapat penglibatan oleh PDRM. So, kita perlu membersihkan PDRM. Kita ingin tahu siapakah yang memberi arahan tersebut supaya kita dapat kembalikan imej PDRM kepada tahap yang baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Petaling Jaya, beri laluan? Sila.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya atas isu yang sama. Ini adalah satu perkara yang amat serius, kita panggil dia *enforce disappearance*. Apa maksud dia *enforce disappearance*? Iaitu bermaksud *disappearance* secara sengaja, *purpose. Somehow it was purposely deliberately done*. Apa yang kita perlu tanya di sini ataupun tekankan di sini adalah pada masa mengikut penemuan SUHAKAM tersebut, pada masa kedua-dua Amri Che Mat dan Pastor Koh itu telah pun hilang, ianya adalah tanggungjawab *Special Branch*.

■1600

Pada masa itu siapakah ketua *Special Branch* pada masa mereka hilang, dia adalah Ketua Polis Negara sekarang sama pada masa itu. Sekarang kalau kita hendak ambil siasatan terhadap kes ini mengikut *findings* SUHAKAM tersebut. *Findings* tersebut adalah *findings* selepas pendengaran saksi-saksi. Ini adalah *findings* yang dibuat atas keterangan, ini adalah *findings* yang boleh diterima bukannya *hearsay* dan sebagainya.

Jadi apa yang perlu kita tanya dia sekarang sekiranya siasatan diambil dan siasatan perlu diambil dengan segera, adakah Ketua Polis Negara akan *resign*, letak jawatan supaya satu siasatan yang terbuka dan telus boleh diadakan. Boleh saya habiskan sekiranya beliau tidak letak jawatan bagaimanakah satu siasatan telus akan dibuat di mana beliau merupakan bos badan yang disiasat itu masih berada di pangkatnya. *How are you going to investigate the case if he is still helming the police force* dengan izin.

Ini bukannya satu perkara yang kecil Ketua Polis Negara perlu letak jawatan sekiranya beliau tidak berbuat demikian, saya memohon agar kerajaan ataupun Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan untuk menggantungkannya, *suspend* beliau supaya satu siasatan yang telus boleh diambil dengan segera. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Yang Berhormat Petaling Jaya silakan. Tinggal 13 minit.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Ya sedikit pembetulan, ada empat orang yang jatuh di bawah *enforced disappearance* - Pastor Helmi Nor dan isteri dia Ruth, Amri Che Mat dan juga Pastor Koh dan *last* sekali ialah saya hendak tanya di manakah mereka sekarang dan harap boleh dapat sedikit penjelasan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Arau.

4.02 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi paling sana, Arau sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya sebab saya tengok dia berdiri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi yang dikasihi, yang pertama sekali nampaknya Dewan sekarang bebas untuk membicarakan apa saja tanpa

merujuk kepada butiran dan orang yang melanggar butiran tadi ialah Yang Berhormat Jelutong, melanggar butiran dan beberapa orang lagi langgar butiran. Dengan tidak merujuk butiran mereka bercakap terus. Kelmarin saya bercakap saya ditegur dengan hebatnya masuk *Youtube* kata saya macam-macam. Hari ini rupanya Yang Berhormat Jelutong kena makan ubat kerana tidak mengikut butiran dan tanya macam-macam soalan. Tidak apa, masa saya rugi tidak apa tapi saya hendak beritahu bahawa Tuan Pengerusi mereka bercakap tidak ikut butiran dan saya rasa Tuan Pengerusi serba salah sebab ini ..

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau butiran apa sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sama-sama parti. Inilah saya kata kenapa.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau butiran apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butiran supaya kamu keluar pergi makan ubat.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Sendiri tidak ada butiran, apa butiran Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Harap tidak ada gangguan sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Harap tidak ada gangguan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh kerana Tuan Pengerusi tidak merujuk kepada butiran tadi maka saya juga tidak perlu rujuk kepada butiran. Kena adil tapi sebab saya ini orang cerdik, mengaji sekolah dan ada *certificate*. *Certificate* saya tidak palsu, tidak palsu tahu tanya ini Dr. Maszlee, tanya Menteri Pendidikan dia tahu saya tidak palsu sebab saya belajar *First Degree* di Universiti Malaya, *Second Degree* dekat Holand, *Degree* yang ketiga ialah Universiti Utara Malaysia.

Tidak tipu punya jadi kalau hendak lantik saya pun okey sebab ada kelulusan [*Ketawa*]. Jadi Maksud B.62- Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: B.62.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menyokong supaya tambahan peruntukan diberi kepada RELA untuk pakaian RELA dan juga di sini kita lihat telah pun dibelanjakan ialah untuk membayar elaun lebih masa kepada Jabatan Imigresen dan juga pihak polis. Di sini saya minta supaya oleh kerana APMM, APM, RELA ini berada di bawah Kementerian Dalam Negeri, saya minta supaya dia bagi perhatian yang sama dan saya minta gred gaji untuk ketiga-tiga jabatan ini disamakan.

Sebab ada jabatan yang gred A, ada jabatan yang gred C, ada jabatan yang gred B. Jadi sepatutnya ini ialah melibatkan terutamanya anggota sukarelawan jadi kita bagi gred yang sama. Contohnya macam APM gred C, JUSA C yang mempunyai lebih daripada satu juta anggota sukarelawan. Jadi bagaimana Ketua Pengarah hendak kendalikan anggota sukarelawan yang begitu ramai kalau dia cuma di peringkat JUSA C. Jadi saya minta supaya APM, RELA ini - APMM tidak apa sebab ia bawah penguat kuasa sama dengan polis tetapi oleh kerana mereka melibatkan sukarelawan mereka diberi gred gaji yang sama dan diberi anggota tetap yang sama sebab dalam keadaan sekarang kita lihat *even* bomba pun mempunyai gred yang berlainan dibandingkan dengan APM.

Jadi kita pastikan supaya mereka mempunyai pakaian yang mencukupi dan juga elaun kepada sukarelawan ini tidak dibuat seperti sekarang. Pada masa yang lepas mereka bekerja lapan jam, elaun RM49 lebih kurang macam itu. Lapan jam tapi sekarang dihadkan kepada empat jam. Empat jam pula mungkin seminggu dalam tiga hari yang boleh mereka bekerja. Ini kita tidak wajar berbuat demikian rupa sebab sebahagian daripada mereka itu memang dia bergantung harap kepada pekerjaan tersebut dan sebahagian besar daripada mereka telah pun berumah tangga dan sebagainya.

Kita kena pastikan supaya mereka diberi tugas lapan jam. Ini kita kena ingat bahawa dalam usaha kita untuk melihat macam-macam mikro ekonomi dan sebagainya kita lupa anggota APM hanya bekerja empat jam dan beberapa hari saja seminggu yang boleh mereka kerja dan elaun purata bulanan mereka adalah antara RM400 ke RM500. Ini tidak wajar

sebab ada masa kita perlukan mereka, masa banjir kita perlukan mereka, kita bergantung harap kepada mereka dalam keadaan setengahnya tidak dapat lagi elau setelah beberapa bulan bekerja dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 15 saat lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita bagi keadilan yang sama RELA dan juga APM.

Keduanya saya minta supaya marin sebab polis juga di bawah ini marin dan juga APMM disatukan. Sekarang ini mereka duduk di bumbung yang sama tapi mereka bertugas tugas yang sama sebab marin juga buat kerja penguatkuasaan di laut, APMM juga penguatkuasaan di laut. Jadi sekarang ini elok mereka ini disatukan untuk membolehkan kita dapat keberkesanan kepada usaha-usaha yang dibuat.

Akhir sekali saya sebenarnya menyokong tentang kehilangan orang ini dan kita siasatlah tetapi jangan kita pergi hukum kepada Ketua Polis kerana kononnya benda ini melibatkan beliau. Kini kita telah berlawanan dengan Yang Berhormat Langkawi. Ini lantikan dibuat oleh Yang Berhormat Langkawi, sudahlah ada orang tuduh Yang Berhormat Langkawi diktator sekarang hendak tuduh pula Yang Berhormat Langkawi lantik Ketua Polis tidak betul.

Apakah ada usaha untuk menjatuhkan Yang Berhormat Langkawi sekarang? Polis kena siasat, ini usaha-usaha yang dibuat untuk menjatuhkan Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Langkawi kalau dia diktator saya hendak beritahu dia tidak berhenti. Diktator ini banyak yang mati dibunuh, diberhentikan, dijatuhkan tapi kalau diktator dia boleh berhenti lepas itu dia datang baliklah. Sekarang sudah jadi bos *you all* lah kan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi saya hendak beritahu janganlah membuat tuduhan yang demikian rupa kepadanya seolah-olahnya diktator. Saya berkawan baik dengan Nurul tidak ada masalah tetapi janganlah menuduh dia diktator. Dia sebenarnya seorang yang tegas, gagah, berani, cuma kadang-kadang dia seorang-seorang buat kerja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Lebih baik daripada Yang Berhormat Pekan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada antara Kabinetnya yang masih lemah dan Yang Berhormat Jelutong, saya ingat kelmarin makan ubat dia diam hari ini tidak makan ubat lagi keluar makan ubat [*ketawa*].

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kangar, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Rasah dulu.

4.09 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya seperti biasa kalau di peringkat Jawatankuasa saya kena sebut butiran dia maksud B.62 ia berkenaan

dengan tiga perkara RELA, Jabatan Imigresen dan PDRM, kos operasi PDRM yang paling tinggi RM436 juta lebih pada tahun lepas.

■1610

Saya hendak tanya kenapa boleh berlaku kos operasi yang bagi saya satu lonjakan RM436 juta, satu jumlah yang begitu besar. Apakah dia ada kaitan dengan operasi yang terpaksa dijalankan dilaksanakan tugas oleh PDRM bersempena dengan PRU-14 pada tahun lepas sebab kita tahu kalau bila-bila ada pilihan raya memang kosnya lebih tinggi *fully mobilized* PDRM untuk menjaga keselamatan, ketenteraman, keharmonian ketika suasana hangat dalam pilihan raya khasnya PRU.

Jadi apakah ia ada kaitan dengan PRU dan juga selain daripada PRU-14 apakah faktor-faktor lain, sebab-sebab lain yang menyumbang kepada perbelanjaan yang begitu besar daripada kos operasi PDRM tersebut. Bagi saya kos ini ialah telah dikeluarkan dan saya menyokong sebab ia diperlukan untuk menjaga kesejahteraan, ketenteraman dan keharmonian dalam masyarakat kita daripada anasir-anasir jahat yang sentiasa yang kita nampak selalunya. Sekarang ini banyak menimbulkan isu-isu berkaitan dengan agama dan juga perkauman yang boleh menjejaskan keharmonian dalam masyarakat kita. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar.

4.11 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan Majlis Perwakilan Pelajar Pra-Universiti daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat ke Parlimen Malaysia. *[Tepuk]*

Ada tiga perkara yang ingin saya sebut pertamanya, sedikitlah walaupun tidak ada dalam butiran oleh kerana apa yang, Yang Berhormat Petaling Jaya sebut tadi salah seorang daripada mangsa yang hilang ini daripada kawasan saya. Saya juga ingin menzahirkan rasa simpati dan saya berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan keadilan dapat ditunaikan.

Akan tetapi oleh kerana perbincangan kita pada petang ini mengenai butiran belanjawan tambahan jadi saya akan lebih fokus kepada perkara ini. Pertama ialah Butiran 01001, walaupun tidak perlu dibahaskan saya hanya ingin bertanya dengan kementerian kenapa pembaikan dan penyelenggaraan kuarters bagi tahun 2015 ini dibayar pada tahun 2018. Ini jarak masa tiga tahun yang saya sebut dalam perbincangan saya kadang-kadang menzalimi kontraktor. Jadi ini saya cuma minta sedikit penjelasan.

Kedua, juga tidak dinyatakan dalam butiran tetapi saya pernah bangkitkan dalam perbincangan saya ialah mengenai elaun sukarelawan polis. Oleh sebab di kawasan saya, saya dimaklumkan ada sukarelawan polis yang ketika itu sudah lebih daripada setahun pun tidak menerima elaun mereka. Jadi kalau polis yang bertugas pada waktu yang tidak menentu ini datang jumpa saya sampai mengalirkan air mata ini bagi saya satu kes yang serius. Jadi saya minta kementerian jelaskan sama ada bayaran elaun mereka telah ditunaikan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jelutong dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai.

Puan Kasthuraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dan Batu Kawan.

4.13 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Butiran 010200 – Sumber Strategik dan Teknologi, berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan. Jadi saya menyokong hujahan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya dan pencelahan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Jelutong iaitu saya ingin mengucapkan terima kasih,

tahniah kepada SUHAKAM yang telah menyelesaikan satu perkara yang besar iaitu kehilangan rakyat warganegara kita Amri Che Mat dan Pastor Koh.

Jadi dalam perkara ini kita Malaysia yang baru ini, kerajaan yang baru ini kita tidak abai tentang perlunya dari segi *security* polis, askar dan sebagainya dan reformasi di negara kita ini tidak tertumpu kepada pemerintahan Kerajaan Parlimen tetapi perlunya institusi seperti PDRM juga melakukan reformasi. Kita sayang PDRM Malaysia ini yang telah 200 tahun umurnya dan kita mahu institusi yang penting menjaga keamanan, ketenteraman negara kita PDRM ini supaya dilakukan *reform*. Dengan hal yang demikian, bersesuaian dengan *findings* daripada SUHAKAM saya memikirkan bahawa kerajaan yang ada sekarang khususnya Kementerian Dalam Negeri bersikap terbuka bahawa kita tidak mengkritik institusi PDRM, hanya segelintir sahaja yang perlu disiasat yang perlu bertanggungjawab tentang kehilangan dua orang dan lebih warganegara itu.

Seperti yang dalam dapatan SUHAKAM, mereka ini sahaja yang perlu disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya dan setimpalnya. Manakala anggota PDRM yang lain yang tidak bersalah ini mereka menjalankan kerja yang cukup baik yang patut kita sokong. Kita sama-sama termasuk Ahli Parlimen ini perlu untuk memulihkan imej PDRM terutamanya badan seperti *Special Branch* ini supaya sekarang lebih baik. Jadi kita berharap kalau kita beli bekalan-bekalan dan sebagainya yang strategik dan teknologi tinggi ini untuk *Special Branch* dan polis kita gunakan untuk *security* negara kita bukannya menekan seperti yang lepas-lepas iaitu pihak-pihak yang menentang, yang tidak sependapat dengan kerajaan.

Oleh kerana itu, pada peringkat awalnya saya rasa sudah sampai masanya Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri khususnya iaitu memikirkan tentang institusi IPCMC berkenaan salah laku polis ini. Saya rasa sudah sampai masanya sesuai dengan dapatan SUHAKAM ini perlulah dibentuk IPCMC ini supaya kita sama-sama memulihkan institusi PDRM polis yang kita sayangi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

4.16 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan merujuk kepada Butiran 01001 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Kuarters bagi tahun 2015 dan juga Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan.

Menyentuh tentang perkara ini saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang isu kuarters. Kebanyakan kuarters anggota polis di seluruh negara keadaannya memang teruk. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai datang ke kawasan saya membuat lawatan di Balai Polis Jelutong, ada yang tinggal dalam pangsapuri-pangsapuri yang hanya ada satu bilik sahaja. Ada juga yang tinggal di kuarters-kuarters yang keadaannya begitu teruk. Ada yang di mana bekalan elektrik, lampu-lampunya dan sebagainya.

Jadi saya secara amnya menyeru kementerian memberi perhatian kepada kuarters polis kerana mereka harus tinggal dengan selesa kerana kebanyakan mereka menjalankan tugas kalau umpamanya seorang pegawai penyiasat, beliau menjalankan tugas 24 jam dan perlu masa untuk beliau balik dan rehat dan juga untuk beristirahat seketika bersama dengan keluarga.

Akan tetapi kalau mereka tinggal dalam kuarters-kuarters yang dalam serba kekurangan, maka saya rasa ia juga akan menyebabkan kemurungan dan macam-macam masalah yang akan menimpa mereka. So, saya minta kerajaan yang baru ini memberi pendekatan supaya kita melihat kepada semua kuarters yang ada di seluruh negara supaya kita memastikan bahawa anggota-anggota polis kita tinggal dalam keadaan yang serba selesa dengan kemudahan-kemudahan yang asas.

So, saya di sini ingin merekodkan jemputan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk ke Balai Polis Jelutong. Cuba datang melihat keadaan kuarters di situ, memang keadaannya teruk, begitu teruk. Ada yang mengeluh kepada saya bahawa permintaan-permintaan mereka kepada pegawai-pegawai tinggi malahan juga Menteri-menteri dan Timbalan Menteri, setiausaha dan sebagainya tidak diberi sebarang perhatian.

So, saya menggunakan kesempatan ini sekali lagi untuk menyuarakan rintihan dan keluhan daripada anggota-anggota polis khususnya daripada Pulau Pinang di mana saya menjemput Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk datang membuat lawatan dan saya akan bersiap sedia untuk memberi layanan dan juga membawa anda ke tempat-tempat tertentu untuk menunjukkan keadaan-keadaan di situ.

Pada masa yang sama walaupun saya selalunya dalam Dewan ini menghentam Yang Berhormat Pekan, perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan saya akan belalah. Kita pastikan bahawa anggota-anggota di situ diberi perhatian kerana kita hanya bermusuhan dengan Yang Berhormat Pekan sahaja. Tentang anggota-anggota polis Pekan kita bela, *no problem*. Kita tahu mereka menjalankan tugas tetapi mungkin peruntukannya tidak mencukupi. Begitu hairan sekali, Perdana Menteri yang mantan Perdana Menteri datang daripada Pekan tetapi peruntukannya begitu sedikit sangat.

■1620

Sepatutnya diberi berlipat ganda untuk memastikan anggota-anggota di Balai Polis Pekan ataupun Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan perumahannya diberi perhatian yang lebih. Janganlah ini menjadi satu alasan. Saya ingin merekodkan, walaupun Jelutong dalam Parlimen menghentam Yang Berhormat Pekan cukup-cukup tetapi anggota polis Pekan akan dibela oleh Jelutong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai diikuti oleh Yang Berhormat Batu Kawan, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tanjung Karang.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Seterusnya B62010010, saya ingin hendak bertanyakan bagaimanakah kenderaan-kenderaan di balai polis di mana ianya amat menyedihkan terutama sekali apabila kita lihat pencuri pakai BMW, anggota polis yang mengejar memakai Kancil. Macam mana kita hendak jaga keselamatan? Kita haruslah – perlu dikaji, pencuri berapa *smart* dan kita mahu atasi *smart-smart* itu. So, kita perlu adakan kereta-kereta yang canggih. Apabila pencuri itu terlepas, kita salahkan polis, bukan salah polis, kenderaan itu keadaan macam itu.

So, lagi satu saya lihat pegawai-pegawai ASP dan sebagainya bawa Kancil datang *meeting*, saya rasa amat sedihlah. Oleh sebab saya Ahli Parlimen pergi dengan BMW, dia datang dengan Kancil. So, saya pun segan, lain kali kalau depa bagi tahu awal, saya akan teman sekali. Apa hendak buat? So, buat kajian bagi standard sikitlah. Oleh sebab kita pun mahu jaga maruah anggota polis, terutama sekali pegawai-pegawai sebab boleh mereka datang ke satu *meeting* dan sebagainya sama dengan awam, datang dengan kereta-kereta yang setaraf dengan mereka.

Selain daripada itu juga, saya rasa anggota-anggota di kawasan saya perlu di tambah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat sedikit sahaja. Boleh saya tambah sahaja. Kalau dahulu kita lihat semua kenderaan polis mereka gunakan Alfa Romeo, kenderaan yang dibawa daripada Eropah. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk kita gunakan kenderaan Alfa Romeo atau mungkin Yang Berhormat sendiri boleh pinjamkan BMW [*Dewan ketawa*]. Supaya kenderaan-kenderaan kita memang pantas untuk menangkap pencuri-pencuri. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita sekarang ini pun – BMW dipasang di kawasan saya, boleh lah digunakan. Selain daripada itu juga, anggota-anggota perlu – terutama sekali anggota-anggota yang mempunyai teknik terutama sekali *cameraman* dan sebagainya. Oleh sebab kawasan sudah luas merangkumi dua kawasan Parlimen tetapi kita ada satu ke dua *cameraman*. Sekiranya satu *cameraman* ada sakit, ataupun pergi cuti dapat kemalangan dua tiga tempat, so itu yang jadi satu masalah kepada rakyat. Sebab apa? Ada kematian dan sebagainya kita perlu anggota polis datang untuk ambil kamera dan juga boleh kita selesaikan dia punya jem dan sebagainya. So, perlulah tambah anggota-anggota tersebut supaya senang, mana ada dua tiga *cameraman*, cepat lari sana dan selesaikan trafik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Padang Serai, sikit lagi. Kita lihat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana, dahulu semasa Kerajaan Barisan Nasional, semua mereka gunakan kenderaan-kenderaan besar.

Akan tetapi anggota polis kita, balai-balai polis semua guna Kancil dan kenderaan-kenderaan biasa sahaja. Apakah Yang Berhormat mencadangkan kalau kenderaan-kenderaan yang dirampas daripada wakil-wakil rakyat di sebelah Barisan yang terlibat dengan rasuah itu digunakan untuk dibekalkan kepada PDRM untuk digunakan di balai-balai polis? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai ada satu minit lebih sikit. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh sedikit. Ya, saya pun mahu *highlight* saya punya Balai Polis Mortai Besar. Bulan dua baru-baru ini saya lawat, dia ada Kancil, Kancilnya pun sudah kondem, sekarang dia punya polis pakai motosikal sahaja.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Seterusnya bagi anggota-anggota di kawasan saya, di mana balai-balai polis di kawasan Padang Serai hanya berpangkat Sarjan Mejar sahaja sebagai Ketua Balai Polis. Oleh sebab penduduknya lebih kurang 20 ribu orang, harus buat kajian dan letakkan seorang pegawai supaya memberi – sebab banyak rompak dan juga penagih-penagih dadah di kawasan situ, banyak! Akan tetapi kita masih lagi tidak dapat mengatasi, so saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin ambil tindakan yang segera dan mengatasi masalah-masalah itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan.

4.25 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada butiran di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Butiran 010000 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Saya ingin menggunakan peluang ini untuk mengucapkan syabas dan penghargaan kepada SUHAKAM di atas usaha mereka untuk memastikan jawapan ataupun keadilan diberikan kepada keluarga keempat-empat orang yang telah hilang Joshua Hilmy dan Ruth Hilmy yang telah hilang pada tahun 2016. Amri Che Mat yang telah diculik pada bulan November 2016 dan Pastor Raymond Koh pada 13 Februari 2017.

Tuan Pengerusi, kita perlu ingat juga Kim Jong-nam telah dibunuh di lapangan terbang di Malaysia pada tarikh yang sama. Akan tetapi kita lihat tindak tanduk kerajaan sebelum ini dalam kedua-dua isu ini, walaupun berlaku pada hari yang sama, adalah berbeza. Akan tetapi nasib baik kita ada SUHAKAM yang menyiasat secara mendalam, saya rasa dalam tempoh 21 hari keputusan diberikan pada 8 Disember bahawa Cawangan Khas atau dengan izin, *Special Branch* terlibat dalam penculikan kedua-dua Amri Che Mat dan juga Pastor Raymond Koh.

Saya ingin membawa perhatian Dewan ini pada tahun 2005, wujud satu laporan Suruhanjaya Diraja yang menyatakan bahawa wujud kesalahan yang dilakukan oleh *Special Branch* yang ini bukan laporan dari mana-mana NGO atau dengan izin *Civil Society* ini adalah daripada Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Jadi, daripada tempoh masa itu sehingga sekarang dan kita lihat dengan kehilangan atau penculikan warganegara Malaysia ini adalah sangat-sangat membimbangkan, sangat-sangat kami semua bersatu hati risau dengan keadaan keselamatan di negara kita. Jadi, saya mohon dan saya ingin tahu, berapakah aktivis-aktivis seperti Amri Che Mat, Joshua Hilmy dan Isteri beliau dan juga Amri Che Mat terletak di bawah senarai *surveillance Special Branch*.

Sebab ini adalah daripada yang berkaitan dengan pengurusan Keselamatan Dalam Negeri ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang lain bahawa, Mantan Ketua Cawangan Khas yang hari ini adalah Ketua Polis Negara harus meletak jawatan dalam masa penyiasatan dibuat mengikut apa kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga bahawa laporan SUHAKAM akan diteliti oleh Putrajaya. Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang baik, namun ia tidak boleh sekadar *surveillance* atau melihat sahaja. Satu siasatan perlu dibuat merujuk – ini SUHAKAM Tuan Pengerusi, bukan NGO yang daripada badan yang tidak ada kredibiliti. Kita lihat laporan ini juga disokong oleh tiga orang, salah seorang daripada mereka merupakan seorang *former judge*. Jadi ini adalah isu yang sangat-sangat serius dan harus dibincangkan di Parlimen juga. Harus dibawa ke

Parlimen, harus dibincangkan di Parlimen dan sekiranya boleh, saya ingin cadangkan satu kertas putih dengan izin *a white paper on this missing person* untuk di-table dan untuk dibahasakan di Parlimen.

Saya merujuk juga kepada isu yang seterusnya di bawah Butiran 020000 – Pengurusan Pendaftaran dan Imigresen, Kawalan Jabatan Imigresen Malaysia. Saya rasa ramai daripada Yang Berhormat di sini bersetuju dengan saya bahawa isu-isu permit masuk yang diberikan kepada warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia adalah banyak dalam keadaan dengan izin *limbo*. Saya faham bahawa pemberian - pengiktirafan kewarganegaraan oleh Kerajaan Malaysia untuk mana-mana orang yang bukan warganegara merupakan pengiktirafan yang tertinggi. *I understand that, it is highest award any government can give.*

Akan tetapi saya tidak bersetuju sekiranya mereka ini diletakkan di atas *waiting list* yang terlalu lama. Pegawai-pegawai yang tidak memberikan *feedback* yang baik kepada pemohon dan setiap kali kita melihat kanak-kanak sedang tunggu, isteri sedang tunggu, suami sedang tunggu. Berapa lama perlu mereka tunggu untuk mendapat jawapan proses permohonan permit masuk mereka ini? Berapa lama mereka perlu? Apakah dokumen yang tidak lengkap? Apakah yang perlu mereka sampaikan?.

Saya juga mengetengahkan salah satu isu yang serius adalah apabila seorang wanita terutama sekali si ibu yang merupakan bukan warganegara Malaysia berkahwin dengan warganegara Malaysia, memasukkan permohonan permit masuk dalam tempoh masa pemprosesan permit masuk itu sekiranya si suami itu meninggal dunia, apakah status balu yang bukan warganegara dan juga anak mereka ini?

■1630

Adakah si balu terpaksa keluar daripada negara untuk pulang ke negara asal beliau ataupun adakah proses permohonan beliau itu akan terus dijalankan? *Will it be in cold storage or not* dan saya rasa ramai wanita menghadapi masalah ini, sekiranya dalam tempoh 12 tahun masa tempoh pemprosesan itu tidak sampai suami mereka mati maka *it is cold storage*. Mereka perlu kembali ke negara asal, bagaimana dengan anak mereka di sini juga?

Jadi saya rasa pihak imigresen harus – saya faham ada garis panduan, saya faham ada undang-undang. Sekiranya undang-undang itu tidak cukup maka saya harap *the honest is on the government*, adalah untuk kerajaan meminda undang-undang sedia ada. Hari ini kita ada ramai *foreign spouses* yang ingin berkahwin dengan warganegara Malaysia untuk menjadi warganegara kita maka saya harap kita ada SOP, audit dan KIP yang lebih baik untuk kita menangani dengan izin, *for us to manage the situation of foreign spouses*. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Pembahas yang akhir sekali Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.31 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 010000 – Keselamatan Dalam Negeri dan juga ketenteraman awam. Ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan. Pertama, hendak dapatkan maklumat daripada KDN kerana isu dahulu pernah dibangkitkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga Yang Berhormat Jelutong iaitu isu yang berlaku di depan Universiti Malaya sewaktu Yang Berhormat Pekan ada perjumpaan dengan pelajar-pelajar Universiti Malaya ada berlaku satu provokasi di tepi jalan. Hari itu dia desak supaya tindakan diambil kepada mereka yang terlibat dan kita sedia maklum bahawa tidak silap saya ada tiga orang telah pun didakwa, tiga orang ini yang ketika didakwa pengikut kepada yang Yang Berhormat Pekan.

Akan tetapi saya hendak tanya bagaimana dengan yang tujuh orang itu? Yang membuat provokasi itu? Adakah mereka ini telah mendapat permit untuk mengadakan satu perhimpunan tersebut, kalau dia tidak ada permit saya hendak tanya adakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang telah membuat provokasi dan juga yang telah mengadakan perhimpunan tanpa permit? Jadi, kita cakap soal keadilan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagaimana Yang Berhormat mengatakan bahawa ada provokasi? Mana ada bukti bahawa ada provokasi. Tidak ada sebarang provokasi apa maknanya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, saya sudah lupa nama kes. Satu kes kalau tidak silap saya di Ipoh, saya lupa nama kes kalau kita lukis gambar *caricature* yang menghina ini tidak silap saya mahkamah telah membuat keputusan itu satu penghinaan. Jadi apa yang berlaku di sana ialah satu gambar penghinaan kepada Yang Berhormat Pekan, dia yang memulakan provokasi kalau dia tidak buat provokasi Yang Berhormat Pekan pada masa itu sepatutnya sembahyang di masjid di Universiti Malaya tetapi hendak mengelakkan kekecohan Yang Berhormat Pekan tidak pergi sembahyang Jumaat di Universiti Malaya dia pergi sembahyang di Kampung Kerinchi, di luar kawasan.

Bila dia balik hendak jumpa dengan pelajar, mengapa ada provokasi? Soalnya satu provokasi yang saya hendak tanya ini himpunan tersebut, ada tidak mendapat permit? Kalau tidak mendapat permit mengapakah mereka ini tidak didakwa? Mengapa hanya penyokong Yang Berhormat Pekan sahaja yang didakwa dengan begitu cepat sekali? Itu yang pertama.

Kedua, soal keadilan tadi disebut betul SUHAKAM telah menegakkan keadilan, satu sahaja saya hendak tanya bagaimana keadilan kepada Adib, anggota bomba yang kita tahu hari ini sedang dibuat *inquest* dekat sini. Saya hendak tanya ada empat orang yang dahulu dituduh di bawah 307 kalau tidak silap saya tetapi dibebaskan. Adakah empat orang ini masih berada di dalam negara kita? Andai katalah permohonan daripada polis, saya tahu pihak KDN telah memohon kepada pihak Peguam Negara supaya tuduhan empat orang ini perlu dipinda daripada 307 kepada 302.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh saya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, sila.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya sentuh tentang perkara tersebut, Yang Berhormat Tanjong Karang sedar berkenaan *inquest* tersebut kan dan *inquest* tersebut masih dijalankan. Ini merupakan satu prosiding yang perlu dihabiskan, diselesaikan sebelum apa-apa kesimpulan boleh dibuat, itu sebabnya sebelum apa-apa kesimpulan dibuat kita perlu tunggu untuk keputusan *inquest* tersebut.

Sekiranya kita tunggu untuk keputusan *inquest* tersebut dan membuat komen-komen seperti ini mungkin akan tercetus perkara-perkara yang tidak diingini. So, lebih baik kita habiskan dengan *inquest* tersebut, itu satu perkara yang kita boleh tunggukan? Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang? *Inquest* tersebut perlu kita selesaikan dahulu. *What do you think?*

Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, saya tidak mempersoalkan *inquest*, saya tidak persoalkan. Saya hanya bertanya empat orang yang dahulu dituduh di bawah 307 itu, andai kata, andai katalah *inquest* itu dapati memang Adib mati dibunuh, mungkin empat orang ini akan didakwa di bawah 302 yang saya soal ialah yang saya baca pihak polis telah memohon kepada Peguam Negara untuk pertuduhan kepada empat orang ini dipinda daripada 307 kepada 302. Itu soalan saya, bukannya saya hendak persoalkan *inquest* walaupun saya tidak bersetuju tetapi saya hormat, saya pun tahu undang-undang kita kena hormat.

Jadi, persoalan yang saya hendak bangkitkan, apakah tindakan yang akan diambil yang saya kata kepada mereka yang membuat provokasi dan juga kepada empat orang ini? Saya hendak tahu, adakah pihak KDN boleh tahu sama ada mereka masih berada di dalam negara ataupun mereka telah pun lari ke luar negara ini sebab jaminan yang dibagi begitu mudah sekali dan juga saya hendak tanya *report* yang dibuat masa peristiwa kuil itu berlaku...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada Exco buat satu *statement* yang menuduh kerana berkaitan perkauman, Menteri pun ada dan *report* pun telah pun dibuat. Adakah mereka berkenaan, *report* yang dibuat ini telah diambil tindakan untuk kita

menegakkan keadilan? Kita sebut-sebut keadilan, keadilan ini mesti dilihat kepada dua belah pihak, itu maksud saya. Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat ini Yang Berhormat melihat kebergantungan kita kepada polis tetapi Ahli-ahli Parlimen daripada PH, DAP tadi mempersoalkan ketua-ketua polis malah ada di antara mereka menyuruh ketua polis berhenti sementara menunggu siasatan di atas kes orang yang hilang. Apakah boleh kita bercakap pasal polis lagi kerana pihak PH, DAP ini mempertikaikan ketua polis? Apakah Yang Berhormat sedar bahawa perbuatan mereka mempertikaikan pelantikan Ketua Polis yang baharu ini mereka sedang mempertikaikan Yang Berhormat Langkawi sebenarnya sebagai Perdana Menteri dan sehingga ada di kalangan mereka menuduh Yang Berhormat Langkawi ini seorang *dictator*. Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan?

Tuan Pengerusi: Masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini masa tidak kira sebab apa, hari ini saya tengok Tuan Pengerusi benarkan tanpa butiran boleh bercakap, itu satu. Keduanya, langgar masa pun boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, ada butiran. Yang Berhormat Arau telah keluar tadi, kita rujuk kepada butiran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, masa ucapan dibuat oleh Yang Berhormat tadi Yang Berhormat Jelutong tahu dia tidak merujuk mana-mana butiran dia bangkit-bangkit bercakap mengenai SUHAKAM dan Yang Berhormat tanya soalan. Jadi hari ini hari tanpa butiran, kalau Yang Berhormat lupa Yang Berhormat kena keluar makan ubat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi: Ada butiran kah, tiada butiran kah, masa pun sudah tamat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang? Boleh saya? Bersentuh apa yang di...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bersentuh dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau. *Just* sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi: Sekejap.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekejap. *Thank you*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, apa yang dibangkitkan tadi adalah kita sudah meminta Ketua Polis Negara berundur ataupun di *suspend* sementara menunggu siasatan di dalam kes penemuan SUHAKAM tersebut.

Akan tetapi adakah Yang Berhormat Tanjong Karang sebagai seorang peguam juga ataupun mempunyai latar belakang undang-undang, bukankah betul sekiranya seorang itu ataupun badan di mana orang itu mengetuai akan disiasat adalah lebih elok untuk ketua badan itu *step aside* untuk membolehkan siasatan yang tulus dibuat terhadap badan beliau tersebut. Sekiranya beliau masih menjadi ketua badan tersebut, adakah suatu siasatan yang tulus boleh diambil dan apakah kena-mengena ini dengan Yang Berhormat Langkawi, kita ada masalah Yang Berhormat Langkawi? *What does it have to do with* Yang Berhormat Langkawi? Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi: Secara ringkas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya sebut Yang Berhormat Langkawi tadi sebab Yang Berhormat Langkawi lantik IGP. Jadi kalau mempertikaikan IGP itu mempertikaikan Yang Berhormat Langkawi lah, kesian Yang Berhormat Langkawi buat macam itu, dia bukan *dictator*.

■1640

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hormat apa Yang Berhormat Bukit Gelugor cakap. Walaupun apa kita buat, kita mesti ada peraturan kita. Ada SOP kita. Kita ada peraturan, kita ada undang-undang dan juga kita ada perlembagaan. Jadi kita tidak boleh mendesak seseorang itu tanpa kita tahu cerita yang sebenarnya terus suruh letak jawatan. Begitu juga Yang Berhormat kerana kes meletak jawatan ini bukan sahaja Ketua Polis Negara, ramai. Sehingga ke Peguam Negara pun saya tengok banyak orang suruh letak jawatan. Menteri Kewangan pun ramai orang suruh letak jawatan. Ramai. Jadi, kerana itu Peguam Negara pun saya tengok banyak juga isu yang rakyat pertikaian. Jadi saya ingat kita tidak boleh mendesak. Melainkan kita mesti mengikut peraturan-peraturan dan saya percaya bahawa siapa juga memerintah dalam negara ini bahawa *nobody is above the law*. Mesti ikut *rule of law*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan sahabat kita ini supaya siapa yang terlibat letak jawatan. Ini bermakna beberapa orang yang disuruh letak jawatan itu juga letak jawatan. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan terakhir kepada Menteri untuk menjawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kecuali Tuan Yang di-Pertua, tidak payah letak jawatan. Orang lain semua letak jawatan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ini sekejap lagi ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tapi saya ingat kita mesti ada keadilanlah. Itu sahaja. Kita tidak boleh hendak tuduh memanglah. Kita boleh buat tuduh kerana kami dulu Barisan Nasional tidak reti buat fitnah, yang rajin buat fitnah sebelah sana. Buat fitnah macam-macam, hari ini kita tengok fitnah belum lagi ada bukti. Hari itu Yang Berhormat Jelutong kata pastikan kes Yang Berhormat Pekan mesti diteruskan. *No problem* semalam Yang Berhormat Pekan jalan elok sahaja. Dia buat anggapan seolah-olah Yang Berhormat Pekan hendak minta tangguhlah bicara, hendak larilah. Inilah yang buat fitnah. Tuan Pengerusi, bukan di sebelah sini, di sebelah sana. Sebab itu dia menang kerana fitnah kerana fitnah itu dia orang panggil PH ini kerajaan hancing. Kencing rakyat, menipu rakyat. Inilah kerja dia. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Semalam Yang Berhormat Pekan lepas perbincangan *happy* sahaja. Tidak takut apa pun. Apa you syak dia takutlah, itulah, inilah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri menggulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah kita hendak minta supaya kita bercakap ini kita mempertikaikan Langkawi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dia *happy* fasal Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah semua Ahli Parlimen kena buat keputusan untuk menyokong Yang Berhormat Langkawi dan bukan mempertikaikan Yang Berhormat Langkawi. Dia yang melantik Ketua Polis Negara. Kita pertikai Ketua Polis Negara, kita pertikai Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat yang menyokong

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini mahkamah ke Menteri Dalam Negeri punya apa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya *last*. Tadi yang Yang Berhormat Jelutong punya isu.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa kali *last* Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab dia minta jalan Tuan Pengerusi. Saya bagi last.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya bukan Menteri lah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat minta saya jalan tadi. Ini fasal tadi. Sebab Yang Berhormat dulu pernah cakap.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Pergi borak minum lah di *lounge* tu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kata itu Yang Berhormat Pekan kena LHDN kena bayar 1.5 bilion. Dia bangkit. Jadi kita pun hairan juga. Kata dia rompak. Duit yang dia rompak pun kena bayar LHDN ke. Itu saya hendak tanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2018) 2019 Kementerian Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menyentuh hanya isu-isu yang berkaitan dengan butiran-butiran yang berkaitan dengan tujuan jawatankuasa ini iaitu pertambahan bagi peruntukkan mengurus B.62 Kementerian Dalam Negeri bagi Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Sukarelawan Malaysia ataupun Rela sebanyak RM513,903,800.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan menjawab bagi pertanyaan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya. Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Dalam Negeri telah pun memberikan jaminan bahawa kerajaan akan meneliti *report* yang telah disebutkan oleh Suhakam dan tidak menolak kemungkinan akan membuka semula siasatan terhadap kehilangan Pastor Raymond Koh dan juga saudara Amri Che Mat. Namun, kelulusan daripada *public prosecutor* dengan izin diperlukan bagi membolehkan ke sini dibuka semula.

Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini. Sehingga hari ini kita masih belum lagi menerima *report* penuh daripada SUHAKAM dan *the moment we receive the report*, kita akan kaji dan akan perhalusi tindakan seterusnya yang akan kita ambil.

Yang Berhormat Arau tadi bertanyakan tentang jumlah jam anggota Rela yang bertugas sehari. Mengikut arahan tetap Ketua Pengarah RELA semasa, bayaran elaun mana-mana anggota RELA yang bertugas adalah ditetapkan pada kadar 8 jam sehari dan kadar semasa adalah RM7.80 sejam bagi anggota Rela berpangkat Pegawai dan RM6 sejam bagi anggota berpangkat biasa.

Yang Berhormat Arau juga menyentuh tentang penyesuaian gaji RELA dan juga APMM. Kerajaan mengambil maklum terhadap penyesuaian gaji dan elaun anggota Rela dan juga APMM. Walau bagaimanapun perkara ini akan dimajukan kepada agensi pusat bagi tindakan dan juga kajian seterusnya. Kita sentiasa mengambil maklum tentang apa juga pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian sentiasa mengambil maklum contohnya sebagaimana dahulu pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Kapar agar diminta elaun Pegawai Penjara disamaratakan dengan Pegawai Polis iaitu RM200 bagi PDRM dan juga penjara itu RM150 dan hari ini pihak kementerian secara dasarnya telah pun bersetuju untuk diselarasakan.

Yang Berhormat Arau juga ada mencadangkan agar APMM dan juga Polis Marin dicantumkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji cadangan untuk menggabungkan kedua-dua agensi berkenaan di bawah

pelan rasionalisasi yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan dengan tujuan untuk kita menjimatkan kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Rasah menyentuh tentang kos operasi RM476 juta. Kenapa jumlah yang begitu besar diperlukan dan apakah faktor lain yang menyebabkan kos yang begitu besar berlaku. Dalam menangani masalah banjir pendatang tanpa izin yang semakin meruncing ke negara ini, dalam masa yang sama jabatan imigresen mengambil langkah-langkah efektif dengan memperbanyakkan operasi-operasi yang lebih kerap di seluruh negara. Malah operasi hari-hari diadakan. Operasi telah diperkenalkan untuk memastikan agar isu-isu pendatang tanpa izin dapat kita atasi dan oleh sebab itu kos operasi untuk parti juga meningkat yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Demikian juga di pusat-pusat tahanan.

Yang Berhormat Kangar ada menyentuh tentang elaun sukarelawan Polis. Yang Berhormat, untuk makluman peruntukan tambahan sebanyak 7.5 juta telah pun dipohon dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini bagi menampung keperluan untuk pembayaran elaun penugasan dan juga apa ini - Tulisan pegawai tidak boleh bacalah. Ini hendak kena marah pegawai selepas ini. Elaun penugasan dan juga bantuan sukarelawan simpanan polis.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Macam P. Ramlee.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Padang Serai bertanyakan tentang isu kuarters dan balai polis yang daif dan keperluan logistik yang sudah usang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya sentiasa turun ke bawah. Saya mengakui hakikat ini bahawa banyak kuarters kita, kuarters-kuarters polis, bukan hanya polis sebenarnya, termasuk juga penguat kuasa yang lain yang mana hari ini kita berhadapan dengan masalah kerosakan yang cukup teruk tentang kuarters-kuarters ini.

Kita sedia maklum tentang perkara ini dan di bawah cadangan projek pembangunan fizikal Polis Diraja Malaysia di bawah pakej *rolling plan* keempat, RMK ke-11 2019. PDRM secara keseluruhan telah diluluskan peruntukkan sebanyak RM200 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Berdasarkan jumlah peruntukkan tersebut, PDRM telah mengenal pasti dan menyenaraikan sejumlah 12,409 unit kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur guna sama perlu diselenggarakan dan dinaik taraf. Selain daripada itu juga sejumlah 266 unit lif di 41 lokasi turut dikenal pasti untuk penggantian dan pembaikan.

■1650

Manakala lain-lain cadangan pembaikan yang bukan melibatkan pembaikan kuarters telah disenaraikan di bawah unjuran perbelanjaan mengurus PDRM tahun 2019 dengan mengambil kira keperluan terkini daripada kontinjen dan formasi bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan ke atas kerja-kerja pembaikan yang lebih mendesak dan mengikut keutamaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Biar saya tolong jawab kan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bangkitkan tadi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sini.

Tuan Pengerusi: Tidak, dia beri laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri berkenaan dengan masalah kuarters anggota polis. Banyak projek yang dahulu cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional menghadapi masalah, mengambil masa yang begitu lama kerana birokrasi. Birokrasi ini bukannya calang-calang masalah kerana ia sampai lima tahun, enam tahun pun kita tidak boleh lihat satu-satu projek itu boleh dilaksanakan.

Jadi kita hendak tengok kali ini dengan Pakatan Harapan, semangat yang tinggi, kebolehan yang hebat seperti Yang Berhormat Jelutong. Cuba masalah birokrasi ini kita atasi dengan satu cara, wujudkan satu *one stop* agensi, *one stop*. Semua jabatan, agensi yang

berkenaan dengan projek pembinaan kuarters polis diputuskan di situ kerana kalau tidak, pergi ke Jabatan JKR, pergi kejar polis, pergi kepada Jabatan Perdana Menteri pergi ke Menteri Kewangan, kasihan, teruk. Kedudukan rumah itu saya tak payah cerita. *I would suggest set-up one stop centre.* Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya juga.

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat Jelutong minta laluan ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Atas isu yang sama, kali ini saya sokong Yang Berhormat Pasir Salak sebab kita perlu melihat kepada cara implementasinya. Akan tetapi saya yakin bahawa Menteri yang kita ada, Timbalan Menteri, saya juga mendapat maklumat sentiasa turun padang membuat lawatan dan saya yakin bahawa dahulu mungkin perkara ini bukannya isu birokrasi. Saya yakin bahawa kementerian dan kakitangan di kementerian sentiasa bersiap sedia untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Akan tetapi kemungkinan disebabkan oleh penyelewengan, isu-isu lain yang saya tidak mahu sentuh kemungkinan perkara-perkara ini tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Jelutong berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan anggota-anggota polis dan kebajikan mereka sentiasa terpelihara. Oleh disebabkan, saya mohon menyokong perkara ini, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak, terima kasih menyokong Pakatan Harapan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang baik kita sokong. Kalau tidak baik, hendak sokong macam mana?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan Yang Berhormat Pasir Salak, Terima kasih dengan Yang Berhormat Jelutong. Sebenarnya saya amat setuju. Sebagaimana saya ulang sekali lagi, hakikatnya kerosakan ini memang banyak dan sebab itu saya mencadangkan— Ini cadangan peribadi saya. Sebagai orang yang selalu turun ke bawah, saya mencadangkan kerajaan perlu memikirkan satu perkara, bagaimana cara untuk kita mengatasi masalah kuarters kerajaan, bangunan-bangunan kerajaan, terutamanya yang mana hari ini kita melihat kalau dibiarkan kerosakan ini, kerosakan akan semakin besar.

Kita tahu setiap kakitangan kerajaan yang tinggal di kuarters-kuarters ini sebenarnya potongan gaji ada dan *by right*, dengan izin, sepatutnya bangunan-bangunan ini *self-financing*. Kenapa tidak kita— saya mencadangkan kepada kerajaan agar kakitangan kerajaan yang dipotong gaji mereka ini, wang ini jangan dimasukkan dalam akaun disatukan tetapi disimpan untuk penyelenggaraan bangunan tempat mereka tinggal itu. Ini sekadar cadangan peribadi saya lah.

[*Dewan riuh*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong Timbalan Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bagi pihak kerajaan,

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan cuba menyelesaikannya, terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Saya tengok Tuan Pengerusi, isu dia ke mana tempat kita pergi, bukan saja PDRM, penjara, imigresen malah *in fact* guru-guru. [*Tepuk*] Semua juga. Ini melibatkan masalah kuarters, rumah kerajaan yang rosak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Maintenance.*

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Bagaimana cara kalau kita tidak ada satu mekanisme lain untuk kita melihat, untuk menyelesaikan isu ini, kerosakan ini akan semakin bertambah dan bila ia bertambah, kos dia akan semakin meningkat. Jadi, saya terima saranan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh mencelah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tetapi kita sedia maklumlah bila hendak buat ini, kadang-kadang dia ambil masa. Kalau kata balai polis, berapa ribu balai polis kita ada? Bomba, berapa ribu bomba kita ada? Kita tahu masalah ini. Akan tetapi Yang Berhormat bersetuju tak sementara kita hendak mendapat bantuan daripada kerajaan ini, mengapa tidak wakil-wakil rakyat kerajaan yang dapat peruntukan 3 juta ini, gunakan lah duit itu.

Saya di Tanjong Karang balai polis, saya bagi surau. Kita tolong *repair*. Kita gunakan peruntukan kita. Jadi, cadangkan juga wakil rakyat kerajaan ini, duit 3 juta itu, gunakan, bantu kuarters-kuarters kerajaan di kawasan Parlimen. Yang Berhormat Jelutong ini dari dahulu itu sahaja yang dia sebut. Sudah naik muak sudah. Saya hendak cabar Yang Berhormat Jelutong. Peruntukan *you* 3 juta, 2 juta bagi kepada polis, *repair* kuarters polis, bukan ada salah, boleh buat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, problem, anytime* kita bagi, bukan macam dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tengok, saya hendak cabar Yang Berhormat Jelutong...

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dulu *you* orang masuk poket sendiri, masa tu tak buat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Wakil rakyat dahulu ya lah. Saya hendak tengok Yang Berhormat Jelutong yang dah ada peruntukan 3 juta, berapa juta yang akan tolong balai polis di Jelutong, kita tengok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hampir semua wakil rakyat dahulu semua bagi pada polis. Sekarang ini, RM10,000 pun Yang Berhormat Jelutong hendak minta tolong. Bagi lah. Saya boleh bagi tawaran untuk perbaiki balik balai polis Jelutong. Walaupun tiada dalam peruntukan, ini saya hendak bagi tawaran terbuka. Tolong bagi maklumat berapa kos untuk saya perbaiki balai polis Jelutong.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Pengerusi, sebenarnya untuk makluman Tuan Pengerusi, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Karang, saya di kawasan saya bantu MKN untuk *repair* kereta mereka menggunakan...

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang tidak bagi Yang Berhormat Jelutong, yang tidak bantu Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan macam Yang Berhormat Jelutong. *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Menyalak dalam Dewan tak habis-habis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya Yang Berhormat Menteri. Selalu saya sedia. Kalau tidak cukup duit minta saya, saya bagi. *No problem*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Publisiti murah, saya sekarang saya isytihar saya akan perbaiki balai polis Jelutong, walaupun saya tidak ada peruntukan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Pengerusi, saya sambung, ada satu minit lagi. Seminit, 47 saat. So, berbalik kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau tidak jawab pun.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Belum lagi. So, berbalik kepada isu tadi, sekali lagi saya menyokong apa yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, cuma saya ambil maklum tentang kekangan kewangan yang ada di negara kita.

Kalau peruntukan untuk membaiki pulih rumah-rumah ini ditambah, pastinya ia akan juga ada implikasi kepada peruntukan di kementerian-kementerian yang lain, *unless* mungkin Kementerian Pendidikan *willing* untuk potong bajet dia, beri kepada Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi saya yakin kementerian-kementerian lain juga, contoh KPKT juga

memerlukan bajet yang besar untuk program-program di bawah kementerian masing-masing. Sebab itulah kita mengambil maklum tentang bebanan kewangan kerajaan, tetapi apa pun kita akan sentiasa mengusahakan. Bukti dia, pada tahun ini, kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan RM100 juta, untuk membaik pulih kuarters kerajaan ini dan saya harap pada tahun hadapan, ia akan ditambah lagi.

Yang Berhormat Kangar bertanyakan tentang bayaran lewat untuk penyenggaraan— Sudah, saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Batu Kawan, apakah status bagi balu kepada warganegara? Berapakah tempoh lama proses yang perlu ditunggu? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi warganegara asing, yang suaminya bukan warganegara. Saya pun tidak boleh baca ini tulisan lah. Bagi 'warganegara asing' yang...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: ...Warganegara asing? [Ketawa]

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Suaminya seorang warganegara yang meninggal dunia. Balu tersebut layak memohon pas lawatan sosial kategori balu kepada warganegara. Dengan syarat balu warganegara asing tersebut mempunyai anak kandung yang bertaraf warganegara dan selain itu, perlu mengemukakan seorang penjamin.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kaca mata ku ketinggalan lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawab bertulislah Yang Berhormat.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Saya tidak boleh baca lah.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh baca ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pegawai mana? [Ketawa]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini anggota kena bagi kuliah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Saya jawab secara bertulis la Yang Berhormat. Tidak boleh bacalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan ya, berhubung dengan tajuk yang sama dengan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Arau boleh duduk tak sekejap? Ini soalan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tahu selalu memperjuangkan bukan warganegara. Saya hendak pejuang fasal warganegara. Ni fasal Yang Berhormat Batu Kawan tanya tadi. Saya tanya Yang Berhormat Batu Kawan. Saya menyokong, saya minta bagi jawapan bertulis untuk pulihkan Yang Berhormat Batu Kawan berpuas hati.

Sekarang ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat sebab masa sudah habis. Terdapat di kalangan PH-DAP tadi meminta supaya Ketua Polis berhenti untuk siasatan dibuat berhubung dengan orang yang hilang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri tidak payah jawablah soalan ini.

Tuan Pengerusi: Ada mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, secara tak langsung, apakah yang berhormat bercadang untuk polis menyiasat konspirasi untuk menjatuhkan Langkawi, kerana Langkawi yang melantik IGP, Jadi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tiada kaitan.

■1700

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, pertama...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau cukuplah, jangan dok merepeklah. Kita bincang tentang isu melibatkan anggotalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini menuduh Yang Amat Berhormat Langkawi diktator. Yang ini mempertikaikan Ketua Polis Negara. Ketua Polis Negara satu badan yang tertinggi.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Arau kalau sudah bosan, boleh minum petang dekat luar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Arau sudah pukul 5.00, sudah pukul 5.00.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak habis, sila gulung.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya tidak sangka ini wakil rakyat yang lawa ini, tiba-tiba jadi buruk mukanya dengan menegur orang macam itu. Yang Berhormat, jadi saya minta...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bersopan lah sikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Siasat di atas konspirasi.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tidak payah cakap macam itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...PH-DAP untuk menjatuhkan imej Yang Amat Berhormat Langkawi.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sudah *otai* dalam Dewan, masih hendak cakap macam itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, saya mahu tanya Yang Berhormat Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ada soalan hendak tanya Yang Berhormat Arau.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab dan menutup. Silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri satu, saya ada soalan. Yang Berhormat Menteri. Sila, sila Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bagi yang tiada anak, andai kata sudah kahwin dan kes-kes yang telah datang ke pejabat saya adalah kes-kes warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia yang mahu menjadi warganegara. Jadi dengan itu mereka telah dengan izin, *they have cut ties with their country of origin*. Mereka mahu berada di sini. Jadi, yang tiada anak, bagaimana dan apakah situasi mereka? *It is because I have one case* dan tarikh luput *the passport is expiring in June*. Jadi saya ingin tahu, apakah pendekatan kes-kes seperti ini sebab sudah 10 tahun beliau berada di sini, tidak ada anak, suami meninggal dan tidak ada hubungan lagi dengan keluarga ataupun orang-orang di negara asal mereka. Apakah situasi kes seperti berikut? Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat sikit.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Untuk perhatian Yang Berhormat Batu Kawan...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tambah sikit.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Kalau boleh berikan segera berikan maklumat tentang permohonan ini kepada kementerian dan *insya-Allah* kita akan tengok dan bantu dan *insya-Allah* kita akan cuba...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tambah sikit Yang Berhormat Menteri, belakang. Sikit saja. Yang Berhormat Menteri yang ini masalah ini warganegara dan juga IC merah dan sebagainya. Dia lebih kurang, masalah dia lebih kurang kita masuk hospital tengok macam-macam sakit, macam itulah dia punya *problem* dekat luar ini. Kalau

boleh kita cepatkanlah masalah-masalah ini sebab kalau tidak, satu masalah besar akan timbul.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Berkenaan dengan isu warganegara ini Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyatakan kita akan lihat SOP baharu untuk kita meneliti dan mengkaji proses-proses bagi memastikan apa juga masalah-masalah yang ada di luar sana dapat kita selesaikan.

Saya ingin sambung kepada Yang Berhormat Batu Kawan berkenaan dengan berapakah ramai—sedikit masa lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya silakan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Berapakah ramai aktivis yang diletakkan di bawah *surveillance Special Branch*. Untuk maklumat Yang Berhormat Batu Kawan, tugas Cawangan Khas adalah untuk mengumpul maklumat risikan keselamatan negara supaya sentiasa terjamin. Tiada aktiviti yang diletakkan di bawah pengawasan SB seperti yang didakwa.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Isteri kepada Amri Che Mat telah menyatakan bahawa seorang pegawai *Special Branch* telah menyatakan kepada beliau bahawa kedua-dua Pastor Raymond Koh dan juga suami beliau telah diculik oleh *Special Branch*. Ini adalah kenyataan daripada *Special Branch* yang dimaklumkan kepada si isteri. Jadi, sekiranya nyawa mereka bukan dalam *surveillance list*, apakah justifikasi *Special Branch* untuk mengambil tindakan sebegitu? Yang ini saya boleh mohon jawapan bertulis selepas Yang Berhormat Menteri melakukan siasatan dalaman. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sikit saja Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Ada lagi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tentang butiran yang dirujuk tadi 78000, saya melontarkan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana. Ingat tidak masa kita bincang tentang perjumpaan wang tunai RM113 juta di rumah Yang Berhormat Pekan. Adakah wang itu boleh disumbangkan dan tuntutan ditarik balik supaya wang itu digunakan bagi tujuan perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan. Wang yang dijumpai...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat Jelutong makan ubat ataupun tidak sekarang? Tajuk lain *pi* cakap lain. Inilah kerja Yang Berhormat Jelutong. Saya ingat perlu ubat.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri akan menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia guna Tabung Harapanlah.

Seorang Ahli: Pertanyaan yang bernas.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Guna Tabung Harapan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Pengerusi, masa pun mencemburui kita.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sikit saja. Yang Berhormat kena jawab ini. Mereka tuduh—saya tidak tahu sama ada SUHAKAM ini satu jabatan yang luar biasa yang boleh mengeluarkan hukum mengatakan ini *Special Branch* terlibat. Apakah kita boleh bergantung kepada laporan SUHAKAM? Berapa orang pegawainya, berapa penyiasatnya, apakah arah mereka untuk membuat hukuman kata *Special Branch* yang menculik orang telah hilang tadi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kredibiliti SUHAKAM itu dipertikaikan. Kredibiliti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah ini? Saya pun juga setuju sebab salah seorangnya orang Perlis supaya disiasat ke manakah mereka pergi. Akan tetapi untuk menuduh Ketua Polis Negara terlibat dan suruh berhenti dan sebagainya, apakah ini satu konspirasi untuk menjatuhkan Yang Amat Berhormat Langkawi? Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Pengerusi, sekali lagi saya sebutkan di sini, isu yang telah disebutkan ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyatakan, kita menunggu laporan daripada SUHAKAM dan kita juga berharap agar SUHAKAM memberikan laporan itu kepada Kementerian Dalam Negeri, kepada pejabat Perdana Menteri, kepada Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu kita akan minta agar *public prosecutor*, kalau mereka merasakan perlu untuk dibuka kertas siasatan, saya yakin Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin tutup dulu. Mana-mana yang saya tidak sempat saya akan jawab secara bertulis. Kementerian akan terus memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara tanpa sebarang kompromi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Tanjong Karang bangkit tadi. Itu mudah saja.

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulis, jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tolong jawab bertulis fasal APM tadi, APM saya timbulkan fasal elaun tadi.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Sudah, sudah jawab tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Keduanya Yang Berhormat sebelum— beritahu kepada polis bahawa kami tidak bersetuju yang dicadang oleh DAP-PH tadi supaya Ketua Polis Negara disiasat. Kami tidak setuju. Kami menyokong Ketua Polis Negara dan kita minta jangan jatuhkan imej Yang Amat Berhormat Langkawi dengan cara berbuat demikian.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman:

*Pergi memburu si anak rusa,
Lari sembunyi di dalam gua,
Selesai sudah penjelasan saya,
Yang lain saya jawab secara bertulis, harap dapat pertimbangan semua.*

Setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan daripada perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Dalam Negeri. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kita siasat Yang Berhormat Arau dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak Yang Berhormat, ini baru laporan daripada Perdana Menteri, dia mencabar SUHAKAM bagi bukti bahawa SUHAKAM tuduh kata *Special Branch* terlibat. Saya hendak beritahu saya sokong... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi: Sudah habis sudah, Yang Berhormat Menteri pun sudah duduk. Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siasatan telah dibuat kepada konspirasi untuk menjatuhkan... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM513,903,800 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM513,903,800 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018]

**Maksud B.63 [Jadual] -
Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2018]**

Tuan Pengerusi: Seterusnya Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan B.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Silakan Yang terhormat Tanjong Karang.

5.08 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan tiga perkara saja iaitu butiran 03900 iaitu mengenai pemilihan tanah dan juga ada kaitan dengan Institut Perguruan Kota Bharu, ini yang saya lihat. Jadi, yang pertama saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, memang saya sokong kita kena beri tanah tetapi saya harap kementerian juga kena tengok bangunan-bangunan yang sedia ada. Tadi kita cakap fasal kuarters. Ini sekolah, bangunan sekolah.

Saya ambil contoh di Tanjong Karang, ada sekolah menengah, dulu namanya Sekolah Menengah Sungai Burong. Akan tetapi bila kita buat bangunan yang baharu, bangunan sekolah menengah yang baharu, bangunan lama ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya sudah perjuangkan daripada dulu sudah. Sejak tahun 2010 kalau tidak silap saya, sekarang ini bangunan itu cukup sudah terbiar sudah, rosak macam itu saja.

Jadi berbagai-bagai cadangan. Hal itu telah dimaklumkan kepada saya, hendak buat TVET lah, hendak buat macam-macam. Akan tetapi sehingga hari ini kalau pergi, bangunan itu memang orang kampung pun kata apa ini kerajaan buat pembaziran. Bangunan ada tiga blok kalau tidak silap saya. Jadi, saya harap kementerian ambil perhatian supaya jangan melakukan pembaziran dan akhirnya bangunan sekolah lama ini akan jadi runtuh macam itu saja. Jadi harap dapat perhatian daripada kerajaan, daripada Yang Berhormat Menteri yang baharu.

■1710

Kedua, oleh kerana dalam bajet ini juga ada kaitan dengan institut perguruan, saya juga hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat jelaskan mengenai isu yang dibangkitkan hari ini iaitu pelajar-pelajar yang berkelulusan UEC yang dipilih dan diberi tempat untuk belajar di IPG khusus bahasa Mandarin. Supaya dapat jelas. Ini kerana hari ini isu pengiktirafan UEC ini nampak sudah jadi kelam kabut sudah.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang begitu tegas, yang telah menubuhkan satu *task force*. Walaupun *task force* belum lagi bermesyuarat, Kabinet belum bermesyuarat, AG pula sudah buat pengumuman yang baharu kata boleh hendak ambil kelulusan untuk CLP. Tetapi itu kemudian.

Saya hendak tanya ini, isu yang di bawah pun berkata, mengapa boleh kelulusan UEC ini diambil untuk belajar di IPG? Mengapa susah sangat hendak beri pengiktirafan kepada UEC?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang minta laluan. Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Kenapakah kelulusan undang-undang daripada USIM tidak mendapat pengiktirafan daripada CLP ini? Ini adalah universiti awam yang ditubuhkan oleh kerajaan. Sekarang, Fakulti Undang-undang tidak diiktiraf.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Lari tajuklah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak tanya bersangkutan dengan UEC sudah diiktiraf tetapi USIM yang mengeluarkan graduan undang-undang tidak diiktiraf oleh CLP sehingga ke hari ini. Sekian.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya setuju. Ini tajuk sudah keluar lah tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Pendang. Itu sebab saya bangkitkan UEC ini, ia ada kaitan. Ada yang kata iktiraf, ada yang kata tidak diiktiraf sampaikan peranan badan yang memberikan pengiktirafan ini pun sudah jadi kelam kabut.

Saya setuju, USIM, budak-budak sudah habis belajar pun masih tidak dapat pengiktirafan daripada badan ini. Kasihan kepada mereka. Kalau saya tidak silap, UNISZA pun sama tidak dapat pengiktirafan. Akan tetapi itu bab lain. Bab ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat terangkan supaya yang di bawah ini faham mengapa ada UEC ini yang kita ambil untuk kita bagi tempat sebagai guru ataupun bakal guru pelatih di IPG.

Ketiga, yang akhir, iaitu mengenai sekolah juga. Saya sudah dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri, berikan jawapan ini. Saya pernah tanya sama ada apabila Ahli Parlimen hendak masuk sekolah, adakah Ahli Parlimen pembangkang sahaja yang kena minta kebenaran mengikut Surat Pekeliling 3/2008. Saya ada surat pekeliling ini, Yang Berhormat Menteri. Surat pekeliling tahun 2008 ini kalau kita tengok, sk dia— dahulu lah. Masa itu ialah Dato' Hishamuddin; nombor dua, Dato' Ong Tan Kim; nombor tiga, Yang Berhormat Dato' Noh bin Omar. Saya Timbalan Menteri pada masa itu. Oleh sebab itu saya cukup faham peraturan ini.

Hanya saya hendak tanya, apakah wakil rakyat kerajaan tidak perlu mendapatkan kelulusan? Kalau ikut daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, sama ada pihak kerajaan ataupun wakil rakyat kerajaan ataupun wakil rakyat pembangkang, kena mendapat kelulusan dan kena mengikut peraturan-peraturan di bawah Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2008.

Saya ikut peraturan. Saya tulis surat kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Saya tulis. Kalau ikut jawapan ini, dia beritahu ini surat dia. [*Sambil menunjukkan sepucuk surat*] Dia tidak ada halangan tetapi dia minta saya ikut peraturan. Saya faham, saya kena ikut peraturan. Hanya saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, janganlah ada pegawai memberi tekanan kepada guru besar, kepada pengetua, kepada pegawai yang dilihat bekerjasama dengan saya. Di Parlimen Tanjong Karang, mana sekolah saya pergi, saya tidak— saya faham, saya pergi tidak ada berucap pun. Saya pergi hanya hendak bagi sumbangan, kerana saya menghormati peraturan. Walaupun saya tahu orang yang merasmikan PIBG itu pun tidak ada kelulusan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hanya saya hendak minta *to be fair*. *To be fair*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Tanjong Karang, minta penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Janganlah apabila saya datang ke sekolah, pengetua kena panggil, guru besar kena panggil, pegawai pun hendak kena bagi surat amaran. Saya ini pun wakil rakyat, saya faham peraturan. Jadi kalau hendak ikut undang-undang, ikut undang-undang betul-betul. Kalau wakil rakyat kerajaan sekalipun tidak ada kelulusan, tolong jangan benarkan merasmikan mesyuarat PIBG. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Gudang bangun terlebih dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Siapa tadi minta laluan? Ada?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, saya bangun hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat faham bahawa kita tidak melakukan apa yang dilakukan dahulu? Kalau dahulu, wakil-wakil rakyat Pakatan Harapan dilarang sama sekali. Cuma,

peraturan yang diminta itu adalah peraturan untuk memastikan bahawa tidak ada fitnah politik disebarkan di sekolah yang cenderung dilakukan oleh Barisan Nasional. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan ini daripada dahulu sama tetapi dahulu apabila orang tidak pertikai, tidak timbul soal ini. Yang Berhormat peguam. Mencuri tidak salah, tahu? Apabila kena tangkap itu baru salah. Naik motor tidak ada topi keledar tidak salah. Apabila polis tahan, baru jadi salah. Begitu juga dengan peraturan ini. Dia kena mendapat kelulusan, sama ada wakil rakyat kerajaan atau pun wakil rakyat pembangkang. Ini disahkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapan yang diberikan kepada saya.

Oleh sebab itu, kita tahu, kalau saya pun hendak kacau Tanjong Karang, saya tahu yang pergi rasmi mesyuarat-mesyuarat PIBG ini tidak ada kelulusan tetapi saya tidak kacau. Akan tetapi janganlah apabila saya datang, bukan saya merasmikan PIBG pun. Tidak ada. Akan tetapi janganlah guru besar yang benarkan saya datang untuk bersalam dengan ibu bapa pun diambil tindakan, dipanggil. Ini saya ada bukti dan juga saya ada surat pegawai pernah kena amaran daripada pihak jabatan. Jadi, saya minta berlaku adillah. Kalau hendak minta kebenaran, minta kebenaran betul-betul. Jangan main masuk sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat Arau, silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kangar. Sebab selalu dengar Yang Berhormat Arau, saya pun keliru. *[Ketawa]*

5.16 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Akan tetapi perangai jangan jadi macam Yang Berhormat Arau.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja hendak dibangkitkan.

Pertama, mengenai Maksud P.63 Butiran 03900 – Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri. Walaupun disebut di sini secara khusus berkaitan dengan Institut Perguruan Kota Bharu, saya mungkin hanya hendak sebut sedikitlah. Saya difahamkan di Perlis memang ada tanah yang juga dibeli oleh kementerian. Saya berharap ini kena bekerjasama dengan kementerian lain lah kerana misalnya di Perlis, sekarang sudah ada IPK baru. Jadi pertambahan penduduk dan anak-anak banyak sudah kelas-kelas yang sempit. Jadi, kalau boleh dimaklumkan kepada wakil-wakil rakyat di kawasan tertentu dari segi perancangan untuk pembinaan ataupun pertambahan sekolah di kawasan-kawasan yang tanah diambil inilah.

Kedua ialah tentang Maksud B.63, pertambahan sebanyak lebih RM300 juta bagi menampung bayaran kontrak pembersihan dan kawalan keselamatan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun sudah maklum ada aduan yang mana jumlah kakitangan keselamatan dikurangkan. Jadi, mungkin juga pihak kementerian patut bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri sebab tadi kita tahu banyak kata sukarelawan polis dan sebagainya yang juga boleh kita mengoptimumkan kos.

Cuma, saya hendak sebut tentang kontrak pembersihan. Saya menerima aduan daripada pekerja-pekerja yang terlibat dalam pembersihan sekolah. Mereka sudah tentulah bayaran tidak terlalu tinggi dan juga tidak ada EPF ataupun perlindungan terhadap mereka sebagai pekerja. Jadi mungkin itu juga boleh dimasukkan sebagai syarat apabila kementerian kita hendak sub kepada kontraktor-kontraktor.

Tadi sedikit yang tidak ada dalam butiran. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Tanjong Karang sebut tentang pelajar untuk dapat kelulusan CLP, saya cuma hendak bangkitkan satu isu di kawasan saya iaitu ada pelajar cemerlang bernama Muhammad Aiman Azizan yang telah diberi tajaan JPA untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di *Universiti of Essex*, United Kingdom, tetapi malangnya, apabila balik, JPA maklumkan bahawa ijazah beliau tidak cukup syarat untuk berkhidmat.

Jadi, ini pun kena dilihat semula kerana kita bagi penajaan sambung belajar pelajar cemerlang ke luar negara, balik tiba-tiba ijazah itu tidak cukup. Ini dapat tajaan daripada JPA. Jadi kena lihat balik. Saya tahu tetapi dia dalam bidang pendidikan, jadi kita hendak supaya pelajar universiti itu dapat pengiktirafan.

Tuan Pengerusi: Itu bukan di bawah Kementerian Pendidikan. Di bawah *Qualifying Board*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, tak apa, tak apa. Ia memang tidak ada dalam butiran pun, tidak ada dalam butiran. Cuma saya kena mintalah pasal sambung belajar ini bagi saya ada kena-mengena. Itu untuk perkara lainlah. Tidak perlu respons dekat sini pun.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

5.19 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara.

Pertama ialah Maksud P.63, Butiran 03900. Kementerian Pendidikan mohon peruntukan tambahan sebanyak lebih RM41 juta yang dikehendaki untuk bayaran premium dan cukai tanah tapak Institut Perguruan Kota Bharu, Kelantan.

Soalan saya ialah, kenapa terlalu tinggi sangat peruntukan ini? Tidakkah ada amalan bahawa kerajaan negeri mengenakan premium dan cukai yang rendah bagi tapak-tapak sekolah dan institut perguruan seperti yang diamalkan di bawah *understanding*, dengan izin, Majlis Tanah Negara?

■1720

Adakah negeri-negeri lain macam Kelantan juga, mengenakan bayaran premium yang tinggi seperti ini? Kalau ada, tolong sebutkan mana negerinya selain daripada Kelantan. Kedua, merujuk kepada maksud B.63 Butiran 040500 – Pentadbiran Negeri, Perkhidmatan dan Bekalan. Dalam hal ini saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Pendidikan. Semasa bencana di Pasir Gudang yang telah datang banyak kali mengunjungi murid-murid, guru dan sekolah. Sekarang bencana itu, *alhamdulillah* keadaan telah pulih seperti sedia kala. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh datang lagi bila lapang. Ini mengenai kawasan sekolah ini.

Berkenaan perkhidmatan dan bekalan daripada masalah yang mereka kemukakan kepada saya. Maaf, ini isu kawasan tetapi meliputi juga sekolah-sekolah di seluruh negara. Pertama, sebagai contoh sekolah-sekolah ini, guru besar, PIBG. Bila ada masalah, jumpa dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), mereka jawab tidak ada wang. Contohnya, berlaku ribut— ini cerita yang benar, perkara yang benar, berlaku ribut di Pasir Gudang. Ada sekolah yang atap asbestos itu terbang. PPD kata tidak ada duit. Berhari-hari bumbung itu terdedah. Masalah dewan terbuka. Perlu *upgrade* dan dibaik pulih, tidak ada wang. Bilik guru panas, tidak ada *aircond*. Kesian guru-guru itu.

Keempat, ini betul ini. Sistem pendawaian elektrik tidak dibaiki dan bahaya. Kelima, murid telah bertambah, surau hendak diperbesar tidak ada peruntukan. Keenam, tandas-tandas sekolah di kawasan saya, saya melawat, keadaannya sangat buruk. Perlu diperbaiki. Ini tentang perkhidmatan dan bekalan juga ya. Sekolah tidak bercat. Setengah sekolah itu berkulat dan cendawan. Berlaku masalah anai-anai di sekolah. Ini bukan masalah yang baharu. Ini daripada yang lama keadaannya. Akhir sekali, ini betul. Ada setengah di kawasan saya masalah burung merpati. Maaf cakap. Maaf ya. Najis burung merpati merosakkan atap sekolah dan sebagainya. Jadi, harap Yang Berhormat Menteri bila lapang boleh lah datang ke Pasir Gudang. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pendang.

5.23 ptg.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan Butiran 040500 – Pentadbiran Negeri. Dengan kod objek 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Saya dari kawasan Pendang ingin menyebut berkenaan dengan yang pertamanya, isu kuarters guru. Di mana kita lihat sekarang kuarters guru, khususnya dalam negeri Kedah dan juga dalam kawasan Pendang banyak terbengkalai dan terbiar. Dibina untuk kegunaan guru-guru yang tidak ada perumahan untuk mereka duduki yang dibawa masuk ke kawasan-kawasan tertentu, khususnya guru-guru bujang.

Akan tetapi kita lihat, kita dapati kuarters-kuarters yang dibina oleh pihak Kementerian Pendidikan langsung tidak ada diduduki. Oleh kerana mereka hendak mengelak daripada tidak dapat elau perumahan. Ini saya hendak minta kepada Kementerian Pendidikan tentulah PPD, Pengarah Pendidikan Negeri, akan melaporkan benda yang cantik-cantik sahaja kepada Menteri Pendidikan. Kita pun akui takkan semua Menteri Pendidikan hendak tahu kalau tidak dilaporkan, tidak diberitahu keadaan masalah yang sebenar. Tentulah mereka laporan benda yang cantik-cantik dan elok-elok. Jadi, kita minta perhatian daripada Menteri Pendidikan supaya lihat perkara ini.

Oleh kerana kita tengok pembaziran yang sangat besar berlaku kepada pembinaan kuarters-kuarters yang tidak duduki, sekarang ini menjadi tempat sarang penagih dadah dan juga tempat-tempat yang boleh menarik untuk melakukan maksiat di kuarters-kuarters guru. Saya boleh...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang. Minta sedikit Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pendang berkaitan kuarters guru yang tidak digunakan dan terbiar. Oleh kerana di kawasan saya Paya Besar juga Yang Berhormat Pendang, menghadapi perkara yang sama. Banyak kuarters-kuarters guru yang saya kira sepatutnya dapat dimanfaatkan oleh guru. Akan tetapi disebabkan sebab-sebab tertentu mungkin sebab elau atau bagaimana?

Akan tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat kita gunakan kuarters-kuarters guru yang masih elok ini untuk ditukarkan sebagai transit kepada anak muda. Oleh sebab kalau dilihat di setiap kawasan, di setiap kampung mesti ada kuarters guru yang saya kira sepatutnya kita mengambil kedudukan dan bangunan ini untuk dibagikan kepada anak-anak muda yang perlukan rumah hari ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Menteri, saya setuju dan saya minta masukkan dalam ucapan saya. Seterusnya, saya hendak beri cadangan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kuarters-kuarters guru ini. Kita baik pulih dan kita jadikan penempatan atau pun sewaan secara token untuk rakyat yang tidak ada perumahan lagi. Jika dibiarkan berterusan kuarters-kuarters ini tanpa ada manfaatnya, lebih baik lah kita serahkan kepada pihak tertentu untuk mereka letakkan rakyat-rakyat yang tidak mempunyai perumahan yang menjadi isu negara sekarang ini.

Oleh kerana rumah ini dah ada, cuma di bawah jagaan Kementerian Pendidikan, jabatan lain tidak berani hendak campur tangan. Ini kita panggil *integrated* untuk kita bincangkan bagi memanfaatkan kuarters-kuarters yang telah dibina oleh duit rakyat ini. Itu yang pertama. Keduanya, di kawasan saya, saya ingat lebih daripada lima atau enam kuarters yang terbiar begitu sahaja di kawasan Pendang.

Seterusnya, isu kantin sekolah. Saya hendak bangkit sedikit lah sebab saya kasihan dekat Menteri Pendidikan ini kerana Pegawai PPD atau pun pengetua-pengetua tidak melaporkan bahawa mereka menghadapi masalah. Kantin sekolah sekarang ini, kerusi dan meja budak-budak hendak duduk makan pun tidak ada. Ada dua buah sekolah di kawasan saya yang tidak ada kerusi dan tidak ada meja. Lantai dalam kantin yang sangat cantik tetapi kerusi dan meja tidak ada. Apakah spesifikasi untuk menyediakan peralatan bekalan ini tidak disediakan oleh pihak guru *besaq* atau pun pihak Jabatan Pendidikan? Ini satu masalah dan

kami wakil rakyat diadakan perkara ini dan terpaksa menggunakan duit peruntukan yang saya kata diberi oleh kerajaan itu untuk membeli kerusi-kerusi bagi pada sekolah.

Satu sekolah lagi masih tidak ada kerusi dan meja sebab peruntukan tidak *mai* lagi. Kita bagi tahun lepas. Tahun lepas punya peruntukan kita bagi. Jadi, kita tolong kasihan, saya bangkitkan benda ini untuk membantu guru-guru besar atau pun pengetua-pengetua yang tidak berani hendak menyampaikan kelemahan yang ada di sekolahnya kerana takut dengan apa yang ada sekarang ini. Hendak minta duit tidak ada. Hendak minta duit tidak ada. Itu jawabannya. Jadi, lebih baik dia biar macam itu, saya yang bangkitkan. Biarlah saya yang mendapat apa-apa sahaja cemuan dan sebagainya. Tidak kisah.

Ketiganya, isu pembelian tanah yang mana kita masuk dalam Butiran Pembelian Tanah tadi iaitu 03900. Di kawasan saya ada satu pembelian tanah. Telah dibeli oleh kerajaan tetapi dibiarkan begitu sahaja sampai sekarang tidak ada pembinaan. Dekat dengan rumah saya. Jadi, kalau Menteri Pendidikan hendak pergi tengok tanah yang Kementerian Pendidikan dah beli, tidak buat apa-apa. Dikatakan untuk buat pada peringkat awalnya untuk menyediakan prasekolah untuk Tingkatan 6.

Kemudian, sekolah sains. Kemudian sekolah agama sains. Tidak ada, sampai sekarang masih lagi terbengkalai dan tuan tanah itu *dok* buat bendang lagi sampai sekarang. Tidak apa lah, manfaat ke dia. Tanah itu lebih kurang 30 ekar lebih yang diambil di kawasan Pendang. Kalau saya tidak silap lah.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Bukankah salah satu punca masalah peruntukan kerajaan ini ialah kerana parti Yang Berhormat sendiri setiap kali ada skandal seperti Tabung Haji atau pun 1MDB akan bertemu dengan pengurusan zaman Barisan Nasional dahulu dan bagi cop halal kepada mereka.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini luar tajuk ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak apa lah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bodoh!

Tuan Pengerusi: Luar tajuk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Luar tajuk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak apa lah. Tidak apa. Tidak apa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bengong!

■1730

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak apalah, tak apa. Tak apa dia bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Luar tajuk tak payah jawablah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia macam ini, siapa yang mengambil alih, dia tanggunglah hutang. Kena bayar, itu tanggungjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat Pasir Salak tarik baliklah kenyataan bodoh itu. Janganlah, kita bahas elok-elok.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, mintalah dekat saya. Saya bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik baliklah.

Tuan Pengerusi: Sila, silakan.

[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: / bagi punya, *you* minta bila pun / bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tapi bukan *you* yang kata. Yang Berhormat Pasir Salak yang kata.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *No, this is my floor.* Kita gunalah Tuan Pengerusi. *I* bagi punya dekat *you, don't worry.* *You* minta bila pun Yang Berhormat Jelutong, *I* akan bagi. Sekarang *you* minta, *I* nak bagi.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan, silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ha! *I* bagi punya. Okey, sila. *I* bagi, tak ada masalah. Ini siapa yang bangkit tadi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Setiawangsa, sekarang ini di tangan anda sebagai kerajaan. Jadi, benda-benda yang macam ini perbaiki. Benda yang dah ada, cuma kita tambah. Tanah dah dibeli. Cuma kita nak *develop building* untuk anak-anak kita belajar sahaja. Itu sahaja, bukan masalah apa. Kalau tak ada duit, bagi tahu tak ada duit. Kalau ada duit, teruskan pembinaan ini. Ini benda-benda yang harus kita teruskan, siapa yang mengambil alih negara, dia teruskan sebab ini adalah duit rakyat yang memberi amanah kepada mereka untuk mengurus tadbir apa-apa yang belum elok, diperelokkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, boleh? Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tanjong Karang?
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, selepas itu Jelutong ya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Tanjong Karang dah keluar.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

5.31 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 04000, Maksud B.63. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa kontraktor pembersihan ini yang belum dibayar lagi? Permohonan di sini RM300 juta untuk menampung bayaran kontrak pembersihan dan kawalan keselamatan. So, berapa banyak, berapa ramai kontraktor dan berapa banyak *outstanding* yang belum dijelaskan dan berapa lama dah *outstanding*?

Saya boleh tanya elok-elok, kena pada tajuklah. Jangan nak merapu pula ya. Kemudian, kawalan keselamatan begitu juga. Berapa ramai kakitangan keselamatan yang saya tahu 6000 ke apa yang kena buang kerja. Tak tahulah, Yang Berhormat Menteri geleng-geleng kepala. Tak apa, jawablah karang. Saya diberitahu ramai pekerja keselamatan yang digaji oleh kontraktorlah bukan *directly employed by the ministry but they are people who hired by the private companies.* *Private company* yang ada kontrak dengan kementerian. Jadi, sebahagian daripada wang ini akan digunakan untuk bayar bagi maksud ini. So, berapa kontraktor dan berapa kakitangan mereka yang terlibat itu?

Ini sudah menjadi isu kalau tak silap saya beberapa bulan yang lalu. Ramai daripada kontraktor ini telah ditamatkan kontraknya dan mereka yang bekerja sebagai pengawal keselamatan itu dalam keadaan mencari-cari pekerjaan, menghadapi masalah sara hidup dan sebagainya. Oleh sebab kebanyakan mereka orang-orang kampung yang hanya bergantung pada gaji sebagai pengawal keselamatan. Itu satu dua berhubung dengan pembayaran kontrak pembersihan dan juga kawalan keselamatan.

Saya ambil kesempatan di sini juga, Tuan Pengerusi untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada masalah di sekolah-sekolah ini. Masalahnya memang betulhah *maintenance budget* tak ada, boleh dikatakan *zero*. Kenapa *maintenance budget* ini *zero*? Saya dulu ada pengalaman sebagai Timbalan Menteri, *maintenance budget* bukan sahaja di Kementerian Pendidikan. Kementerian-kementerian lain pun ada masalah. Apa pasal

masalah ini timbul? Kementerian mohon bajet, tahu? Kementerian Pertanian mohon *maintenance for the irrigation, maintenance budget for the road*, jalan ladang dan sebagainya dan saya percaya Kementerian Pendidikan mohon *maintenance budget* untuk sekolah-sekolah dan sebagainya.

Masalahnya EPU tak faham, EPU. *You will have this problem because the mentality of the EPU officers, maintenance is not important, it's not very important.* Yang *important*, projek. Dah buat projek, ha! Sudah. Lepas itu *maintenance* pandai-pandailah. *I always fought for this, maintenance budget.* Dengan izin, *I will ask my officers including the Secretary General to fight for it but biasanya they're being turned down.* Mereka tak diberi layanan untuk mendapatkan *maintenance budget* ini. *So, what I'm trying to say here* dengan izin Tuan Pengerusi, *unless the Minister, Yang Berhormat as the Minister really fight for it. You'll have a tough time with EPU on this matter.*

Banyak *maintenance budget* kena dibuat di sekolah. Tadi dah sebutkan masalah kantin, masalah bilik air, masalah pusat sumber, masalah itu, masalah ini. Sebagai wakil rakyat, *I have been here for almost* berapa tahun? *Four terms.* Kita daripada bajet yang itulah, peruntukan wakil rakyat. Sekarang ini pihak sebelah sana dapat RM3 juta kah berapa juta, tak kisah lah. Kita dulu dapat RM6 juta. Ha! Banyak itu. Jangan main-main *but all gone to school.* Kita dulu dapat RM20,000, RM30,000, RM50,000 *for toilets, for pusat sumber, for PIBG, for sports, for everything.*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...pun RM500, sekolah kena bagi RM20,000 itu yang kita tak mahu, semua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Maknanya saya nak cakap, saya pun tak dengar apa *you* cakaplah. *I don't want to listen to you.* Kita bagi *two, three hundred thousand per year from the allocation* itu kita bagi untuk sekolah. *Unless* kementerian dapat bajet ini dan *everybody, all of you will have to face this situation because the school will come to you. The Parents-Teacher Association will come to you, everybody comes to you* minta tolong. Ha! Ini *talking through experience* ya. *Lastly I want to say, if you can do this, sacrifice your allocation, then you have a chance of winning again. [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong lepas itu Yang Berhormat Rasah.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

5.37 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya merujuk kepada Butiran 03900 bagi Maksud B.63 di mana seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, peruntukan tambahan sebanyak RM41 juta dikehendaki untuk bayaran premium dan cukai tanah tapak Institut Perguruan Kota Bharu, Kelantan.

Tuan Pengerusi, saya cuma ingin rekodkan di sini bahawa walaupun ada pihak-pihak tertentu yang menghentam Menteri-menteri kita, Menteri Pendidikan, Menteri Kewangan, mengeluarkan macam-macam kenyataan dalam Dewan, di luar Dewan, memperlekehkan Kerajaan Pakatan Harapan, kita masih lagi peka dan masih lagi prihatin tentang negeri-negeri di mana pentadbirannya bukan di bawah Pakatan Harapan.

Ini adalah perkara yang wajib dan wajar diberi perhatian dan saya memberi setinggi-tinggi penghargaan dan rakyat di Kelantan juga perlu tahu bahawa walaupun ada wakil-wakil rakyat dari Kelantan yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang saya rasa cukup tak patut dikeluarkanlah, kenyataan-kenyataan yang *unparliamentary* dalam Dewan yang mulia ini ketika kita membahaskan perkara-perkara yang melibatkan masyarakat dan masih mempertahankan kenyataan itu, masih mempertahankan kenyataan yang telah dikeluarkan terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Cuba *spin* perkara-perkara itu. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak pernah menganaktirikan rakyat di negeri Kelantan. Jumlah yang begitu banyak, RM41 *million* untuk pembayaran premium dan cukai tanah dan saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang selalu juga dikritik, selalu juga dihentam, kita lihat semasa perbahasan dan sebagainya.

So, walaupun Kerajaan Negeri Kelantan tidak ditadbir oleh Pakatan Harapan dan mereka lebih cenderung untuk berkawan dengan orang-orang lain tetapi yang mereka perlu faham dan rakyat di Kelantan perlu faham adalah Kerajaan Pakatan Harapan adalah kerajaan yang akan membela nasib mereka. Ini adalah perkara yang tak boleh dinafikan.

■1740

Saya di sini mengambil kesempatan untuk menyeru Kerajaan Pakatan Harapan, Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan untuk memastikan bahawa apa-apa permintaan juga daripada Kementerian Pendidikan selain daripada pembayaran premium dan cukai tanah tapak Institut Perguruan Kota Bharu, Kelantan kita beri supaya dalam PRU yang akan datang nanti kita berharap mereka akan memilih Pakatan Harapan dan kita akan juga menawan negeri Kelantan juga. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Paya Besar silakan.

5.40 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin turut serta dalam Butiran 040000, yang pertamanya berkaitan B.63 yang melibatkan kontrak pembersihan dan kawalan keselamatan. Apa yang pentingnya adalah Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, apabila kita ingin membenarkan lulusnya lebih RM300 juta kita harus kembali kepada asas bagaimana kontrak ini diberi.

Pertamanya, kepada kontrak pembersihan. Saya amat setuju pandangan Yang Berhormat Kangar tadi agar bukan saja kontraktor itu harus menunaikan sepertimana yang termaktub dalam perjanjian antara pihak sekolah dan kontraktor tetapi juga mesti menjaga kebajikan pekerja-pekerja kontrak pembersihan. Kenapa? Mereka rata-rata yang saya lihat tidak berumur muda yang bekerja kontrak pembersihan dan bagaimana kebajikan yang harus dijaga kerana apa, dalam BQ yang disertakan dalam kontrak pembersihan sudah pasti harga-harga atau gaji telah dimasukkan ke dalam BQ.

Akan tetapi apa yang terjadi Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, apabila kita bertemu dengan pekerja-pekerja ini mereka menyatakan gaji mereka kadang-kadang tidak dibayar begitu konsisten. Ada bayar pertengahan bulan, ikut semangat atau ikut *back to back*. Kalau mereka dapat daripada kementerian, daripada Jabatan Pendidikan Negeri barulah mereka bayar kepada pekerja. Ini amat mendukacitakan kepada pekerja-pekerja, itu yang pertama.

Keduanya, bagaimana *chemical* yang digunakan semasa kontrak pembersihan? Saya akui mungkin kontraktor ingin mendapat untung yang lebih dan mereka menggunakan *chemical* yang saya kira tidak bersesuaian dengan keselamatan pelajar-pelajar kerana apa kita tidak mahu sebarang kes yang disebabkan hendak untung lebih tetapi dapat kesan kepada pelajar-pelajar, terutamanya anak-anak murid di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Keduanya, saya hendak sentuh fasal kawalan keselamatan. Saya harap juga Yang Berhormat Menteri dapat berbincang dengan bahagian Yang Berhormat Menteri berkaitan tambahan skop kepada sekolah-sekolah yang berada dan terletak di laluan jalan besar yang sudah pastinya waktu datang, waktu pulang, mereka menyatakan pekerja keselamatan hanya menjaga dalam kawasan sekolah.

Mereka tidak menjaga keselamatan lalu lintas anak-anak, pelajar sebab apa yang saya lihat dan apa yang ramai mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat pernah lalui kita melihat anak-anak, pelajar ini apabila mereka pulang dari sekolah mereka sudah letih. Mereka agak cuai apabila berjalan di bahu-bahu jalan yang agak kecil jalannya untuk pulang ke rumah dan saya kira kalau kita dapat juga tambahkan skop ini kerana apa yang paling pentingnya adalah keselamatan anak murid ini bukan saja dalam sekolah tetapi juga di luar sekolah.

Keduanya berkaitan kawalan keselamatan. Adakah kontraktor kawalan keselamatan ini betul-betul mengikut piawaian keselamatan? Adakah dia punya pekerja begitu dilatih atau hanya tangkap muat, semata-mata hendak ada. Kadang-kadang ada sekolah di kawasan saya yang saya lihat mereka kadang-kadang pakai uniform, kadang-

kadang tidak pakai uniform. Kita tidak dapat membezakan mana penjaga, mana ibu bapa dan mana pekerja yang menjaga keselamatan.

Saya yang terakhirnya, satu minit 26 saat. Saya hendak sentuh berkaitan butiran P.63 Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya minta sangat jasa baik Yang Berhormat Menteri, walaupun ia berkaitan dengan premium tanah yang melibatkan IPG Kota Bharu, saya hendak merujuk kepada satu sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Paya Bungor. Sekolah Kebangsaan Paya Bungor ini berdekatan dengan Tasik Paya Bungor dan sekolah ini hampir 100 tahun, kita masih tidak ada padang sekolah.

Saya berharap sangat supaya kementerian, saya sudah ajukan banyak kali supaya pihak kementerian berbincang dan mendapatkan peruntukan untuk bagi padang sekolah, sekolah yang hampir 100 tahun ini. Jawapan daripada Jabatan Pendidikan, "*Kita tidak ada tanah, kita akan mohon*". Akan tetapi apa yang saya dapat maklumat, permohonan ini masih diminta oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk memohon kepada Kementerian KATS mungkin untuk dapatkan tanah sebab pentingnya Yang Berhormat Menteri, apabila sekolah ini ada sukan yang besar, mereka terpaksa pergi ke sekolah lain.

Yang Berhormat Menteri, pelajar sekolah ini tidak boleh berlari atas padang rumput sebab setiap kali Pendidikan Jasmani mereka berlari di atas padang simen yang dibuat hasil gotong-royong, sumbangan wakil rakyat dan akhirnya ia akan merencatkan pertumbuhan kecerdasan anak-anak ini. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri, tolonglah bagi perhatian kepada SK Paya Bungor yang hampir 100 tahun yang berada di bawah Parlimen saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah, silakan.

5.45 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan kepada saya. Ringkas saja, ada dua perkara, satu di bawah Butiran 03900 maksud pembangunan yang berkaitan dengan hampir RM41.5 juta, pembayaran yang saya percaya kepada pihak berkuasa negeri Kelantan, soal premium dan cukai tanah.

Kita sedia maklum premium dan cukai tanah merupakan antara sumber pendapatan utama kerajaan negeri tetapi ia melibatkan institut perguruan di bawah kementerian. Institusi yang akan membolehkan kita membentuk modal insan yang akan menjamin kelangsungan masa depan generasi muda kita, masa depan generasi akan datang kita. Jadi saya hendak tanya daripada RM41.5 juta yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan itu, tidak bolehkah Kerajaan Negeri Kelantan memberikan satu kelonggaran supaya kutiplah satu premium yang nominal.

Saya tidak suruh tidak kutip tapi bagi pengurang sebab ini bukan komersial. Kalau hendak buat kompleks, pasar raya dan sebagainya itu cerita lain. Ini untuk institut yang akhirnya bila Institut Perguruan Kota Bharu ini didirikan, Kota Bharu akan mendapat limpahan pembangunan, yang untungnya negeri Kelantan dan juga Bandar raya Kota Bharu itu sendiri. Jadi saya rasa benda-benda macam ini walaupun ya lah kerajaan itu daripada parti yang berbeza tapi kerajaan negeri kena *consider* lah untuk demi kebaikan, kepentingan pembangunan insan dan pembangunan setempat.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan di sini sebanyak RM300 juta diperlukan di bawah maksud Butiran 040000 untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan pembersihan dan pemulihan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya benarkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah membangkitkan berkenaan dengan premium tanah di Kelantan. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Rasah, adakah pihak pendidikan atau mana-mana badan yang pergi berunding kerana kita tengok sebelum ini JKR pun ada berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan mendapat penyelesaian yang elok dan boleh menyelesaikan masalah kos premium yang ditentukan di antara kedua belah pihak.

Begitu juga dengan isu institut pendidikan, adakah perundingan telah dibuat? Jadi kalau belum saya minta silakan, jangan buat tuduhan begitulah. Maknanya kita terbuka untuk

berunding untuk kebaikan *public*, untuk kebaikan awam. Kelantan sama juga dalam *Federal* jadi cukai pun dikutip daripada Kerajaan Negeri Kelantan dan juga kerajaan negeri-negeri lain, sama juga dihimpunkan di peringkat sentral dan diagihkan balik, *distributed to the all the state in the Malaysian, Federal institution*, sekian.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Kalau macam ini cara dia, saya rasa kita boleh bekerjasama untuk memastikan kejayaan ataupun pembangunan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya serahkan kepada kementerian untuk jawab. Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi merujuk kepada P.63 sebanyak RM41 juta diperlukan untuk pembayaran premium dan cukai tanah. Mungkin kita ingin meminta supaya kementerian boleh menerangkan bagaimana kita boleh capai RM41 juta jumlah tersebut. Memandangkan institusi tersebut mempunyai sejarah yang begitu lama, adakah ini ialah tunggakan sehingga tercapai RM41 juta dan adakah ini ialah tunggakan yang ditinggalkan oleh kerajaan lama UMNO Barisan Nasional yang mereka tidak hirau, tidak bayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

Hari ini kita kerajaan baharu Pakatan Harapan, kita secara telus, kita jujur, kita bayar semua tunggakan ini kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dan kenapa terkumpulnya begitu besar jumlah RM41 juta ini? Terima kasih.

■1750

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rasah, sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan tidak ada juga salah seorang wakil rakyat daripada negeri Kelantan membincangkan isu melibatkan rakyat Kelantan. Kita membincangkan isu rakyat Kelantan tetapi tidak ada seorang pun PAS daripada Kelantan membincangkan isu rakyat Kelantan. Kita lebih prihatin. Patut mereka undi Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang akan datang.... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi: Khusus kepada butiran sahaja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Jeli ada, Yang Berhormat Jeli ada di belakang itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jeli ada.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Mereka baru kahwin... [*Dewan ketawa*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, Yang Berhormat Jeli saya benarkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak, tidak, kami tidak kahwin.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Belum lagi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jeli akan berucap selepas ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tarik balik. Adik-beradik mana boleh kahwin. Apa ini Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap, sekejap, apa ini masalah...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya minta masukkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka itu sebahagian daripada ucapan saya. Apa Yang Berhormat Jelutong ini tidak apalah, ini ceramah... [*Dewan ketawa*]

Perkara seterusnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan RM300 juta itu saya mohon penjelasan daripada kementerian. Apakah kontrak-kontrak yang terlibat berkenaan dengan

pembersihan dan keselamatan dan sebagainya? Ia dibuat sebelum ini atau maknanya kerajaan lama ataupun lepas kita ambil alih sebab ini melibatkan tahun 2018.

Oleh sebab kita tengok banyak kontrak infra yang mana selepas rundingan semula dapat banyak penjimatan. Jadi, apakah ada kemungkinan walaupun kita ialah kita mewarisi legasi yang kata orang yang bazirkan banyak duit dalam kontrak-kontrak dengan swasta, apakah kita boleh penjimatan dalam segi ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit Yang Berhormat Rasah hendak tambah. Kalau boleh bagi bilangan sekolah yang terima.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Bolehlah, masukkan dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Jeli.

5.51 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada dua perkara sahaja.

Pertama, Butiran P.03900 – Pembelian Tanah. Saya mewakili rakan-rakan di sebelah sanalah- ada cabaran tadi. Saya bercakap mungkin bagi pihak mereka tidak tahu mereka setuju ataupun tidak. Pertamanya, kita ucap terima kasih lah kepada Kerajaan Pusat kerana telah meluluskan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Baru masuk BERSATU sahaja.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: ...RM41.499 juta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, sudah tukar tempat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Untuk bayaran premium cukai tanah untuk IPG.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong, jangan baliklah. Apa ini?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Pengerusi, Maktab Perguruan Kota Bahru sekarang ini dipanggil IPG Kota Bahru ini antara yang terawal dalam negara. Ada sejarah yang cukup gemilang dan mereka berterima kasih kerana Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah bersetuju untuk mengekalkan mereka sebagai IPG satu masa hendak tutup. Jadi kerajaan baru ini buat keputusan untuk buka. Terima kasih banyak-banyak, itu yang pertama.

Keduanya saya hendak...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Sekejap. Saya hendak tanya kenapa fasal ini 50 tahun lebih kurang ini IPG, kenapa baru sekarang hendak bayar premium? Maknanya sebelum ini, adakah IPG berada atas tanah yang tidak halal ataupun apa status sebelum ini. Kenapa lama sangat dimuktamadkan dan kenapa tinggilah? Saya pun kenapa RM41.5 juta dan tidak angka yang lebih rendah. Mungkin kerajaan negeri pun perlu mengorbankan sedikit menyumbang kepada Kerajaan Pusat kerana seperti yang saya sebut tadi ada kesan limpahannya kepada negeri Kelantan. Apa pun terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jeli, saya hendak sedikit sahaja, sedikit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ringkaskan, ringkaskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedikit sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Apa yang dibangkitkan oleh *arrears* IPG ini itulah kita melihat bila kita semak kembali. Maknanya kita memberitahu inilah *arrears* yang tertunggak di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan berkenaan dengan IPG tetapi kita tidaklah mendesak untuk membayar segera.

Itulah keterbukaan dan toleransi yang tinggi. Kita memberitahu sahaja kata ada tunggakan sejak daripada dahulu sampai sekarang. Jadi, berundinglah maknanya kita sudah buka pintu untuk berunding sama ada kita hendak *write-off* kah ataupun hendak beri token

kah ataupun sebagainya. Itu boleh, Kerajaan Negeri Kelantan sangat terbuka untuk berunding untuk kepentingan awam.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih, Yang Berhormat Pendang. *Insyallah* Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Kedua, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 040000 – Pengurusan/Pembersihan ini mengenai kontrak pembersihan keselamatan. Saya dikunjungi oleh dua orang wanita yang diberhentikan kerja sebagai pekerja am untuk menyelenggarakan sebuah sekolah. Kata mereka, mereka ditamatkan perkhidmatan.

Dalam keadaan sekarang ini, keadaan yang ekonomi ini agak kurang menentu sedikit ini mereka amat berdukacitalah. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan katanya ada model baru untuk menyelenggarakan sekolah dan juga untuk keselamatan ini. Apakah modul baru ini akan menyebabkan pengurangan bilangan pekerja seperti mana disebut oleh dua orang yang berjumpa saya ini sama ada untuk bersih dan juga keselamatan?

Jika ia melibatkan pengurangan pekerja, adakah kerajaan akan menimbang semula kerana kalau berlaku kawasan Jeli sudah pasti ia berlaku di seluruh negara. Jadi saya hendak tahu apa impak model baru yang diguna pakai oleh kerajaan pada tahun ini? Adakah ia menyebabkan melibatkan pengurangan pekerja dan kalau ia melibatkan pengurangan tenaga kerja, apakah anggaran kementerian tahun ini bilangan yang perlu dihentikan kerja? Jika ia benar, sama ada kerajaan ingin mengkaji semula perkara ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Yang Berhormat Alor Setar silakan.

5.55 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma satu sahaja untuk yang maksud P.63 untuk kontrak kebersihan ini dan juga keselamatan. Saya cadangkan pihak kementerian pertimbangkan hapuskan jenis kontrak ini. Oleh sebab bayangkan untuk kawalan keselamatan sekolah, kita boleh buat cara yang sama macam RELA. RELA boleh jaga keselamatan bangunan kerajaan, boleh juga dengan cara jaga sekolah. Cuma cara pembayaran dan gaji tersebut kita ambil kira macam mana SOP untuk bayar gaji tersebut. Oleh kerana masalah selalunya kalau kita buat kontrak untuk satu syarikat, dia ambil pekerja selepas itu dia tidak bayar SOCSO, kita terpaksa tamatkan dia dalam setahun. Selepas itu ambil lagi syarikat yang baru tetapi pekerja sama yang diambil sebenarnya.

Maka, kalau begitu lebih senang kita wujud balik zaman dahulu yang terus *direct* cuma cara mereka ini *cleaner* ataupun jaga keselamatan. Dia bukan dikira sebagai penjawat awam tetapi ada cara pembelian perkhidmatan tersebut, cuma *direct* kepada pekerja tersebut maka kita boleh jaga dari segi SOCSO, EPF dan juga kerja mereka bukan diberhentikan sewenang-wenangnyanya. Maka saya minta kementerian cuba pertimbangkan cara ini dan juga SOP ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, silakan.

5.56 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, yang pertama sekali saya menyokong. Saya tidak mahu tegur apa-apa lagi sudah. Yang Berhormat Menteri ini bagus, saya sokong. Cuma satu, saya sependapat dengan Yang Berhormat Alor Setar tadi supaya kontrak keselamatan ini kita bagi kepada RELA ataupun APM. Kedua-dua oleh sebab sekarang ini masalah besar APM dengan RELA ini dia orang diberi tugas sekiranya berlaku bencana dan sebagainya.

Bererti pada tahun tidak ada bencana, mereka tidak ada tugas. Yang Berhormat, ini adalah sesuatu yang tidak bagus. Jadi, kalau ada bencana kita panggil mereka, kalau tidak ada bencana mereka terpaksa berehat. Maaf cakaplah kalau hendak bagi contoh dengan yang lainnya, ada orang kerja-kerja tertentu penggali kubur dan sebagainya. Jadi kita tidak boleh melihat bahawa kalau berlaku sesuatu perkara barulah mereka dipanggil bertugas. Jadi tidak adil.

Sekarang ini saya bagi contoh macam APM. Sekarang dibagi kerja 4 jam satu hari hanya beberapa hari sahaja. Saya tidak pasti RELA tetapi RELA juga menghadapi tekanan yang sama. Itu sebab permohonan dibuat pada hari ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya minta supaya semua sekolah ini dibagi kepada RELA ataupun APM. Bagi dia orang jaga senang dan kita boleh mempercayai mereka sebab mereka adalah merupakan Agensi Sukarela Kerajaan.

Jadi, itu adalah yang terbaik dan dalam keadaan sekarang ini bila dihebahkan bahawa pekerja-pekerja kontrak, pegawai keselamatan diberhentikan, Yang Berhormat tidak payah berhentikan mereka. Kita kalau sekiranya mereka itu daripada swasta, kita RELA kan mereka, kita APM kan mereka. Hendak jadi APM sekejap sahaja, isi borang terus jadi RELA dan APM. Jadi hanya bagi uniform kepada mereka untuk mereka bertugas di seluruh negara.

Akan tetapi memberhentikan mereka, kita hendak berhentikan seorang pun kita kena ingat bahawa dia akan merangkai kepada anak, isteri, anak-anak yang belajar dan setengahnya anak yang belajar di pusat pengajian tinggi, satu rintisan air mata yang sukar diperhatikan. Ini kalau 17,000 diberhentikan, Ya Allah Ya Tuhanku, mereka ini orang yang dizalimi, doa mereka tidak ada hijab dengan Allah Taala.

Jadi, kita minta mereka supaya bersabar dan Yang Berhormat sebagai Menteri yang saya rasa mampu boleh buat banyak perkara yang kami tidak boleh buat dahulu, Yang Berhormat boleh buat. Tidak apa, walau apa pun orang kata Yang Berhormat mampu merubah perkara, merubah kasut dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat boleh buat, jadi sudah pasti untuk anggota keselamatan ini juga Yang Berhormat boleh buat.

Kemudian, termasuk juga orang-orang yang mencuci bangunan dan sebagainya. Kalau sekiranya kita hendak bagi dekat RELA dan APM pun tidak apa. Jadi orang yang bekerja sekarang ini jangan berhentikan, cuma bagi mereka uniform baru untuk terus bekerja dan berkhidmat.

■1800

Mereka ini bukan orang yang mencari makan, '*kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang*'. Oleh sebab mereka berpendapatan di bawah RM1,500. Kemudian IPG tadi Yang Berhormat, saya hendak tanya mengenai IPG Perlis, sebab IPG yang paling lama dalam dunia saya rasa ialah untuk nama IPG itu ialah Perlis. Jadi ura-ura hendak ditutup dahulu dan sebagainya, sekarang saya minta supaya dia, kalau apa pun terjadi dia hendaklah didahulukan untuk dipertimbangkan. Sebab apa, Perlis ini bukan ada apa. Kalau tutup yang itu bererti kita tutup satu bahagian yang besar daripada Perlis. Sebab kebergantungan ekonomi itu banyak ditujukan kepada sektor awam di Perlis.

Apabila kita masuk ke universiti, sebuah universiti di Perlis, seluruh Perlis telah mendapat manfaat sebab universiti yang terbesar di dunia ini ialah Universiti Perlis. Sebab Universiti Harvard atau Oxford cuma mungkin dalam 100 kilometer persegi. Kami 310 batu Yang Berhormat, kilometer sudah pasti 500 kilometer yang terbesar. Sebab kita ada di Kuala Perlis, ada di Padang Besar, ada di Pauh, seluruh Perlis adalah Universiti Perlis. Jadi, buat satu Universiti Perlis, manfaatnya kepada seluruh orang Perlis. Kalau buat di negeri-negeri lain mungkin ada juga tekanan supaya orang tempatan kerja.

Akan tetapi Perlis, kita buat Universiti Perlis, 60 peratus daripada orang yang bekerja di Universiti Perlis ialah orang luar, orang Perlis cuma mungkin tidak sampai 40 peratus. Akan tetapi Perlis terima sebab Perlis ini negeri yang terbuka, liberal, hebat, *sunah waljamaah* yang tidak ada tolak bandingnya, tidak fanatik semua orang boleh datang berjemaah di negeri Perlis, orang Perlis tidak boleh berceramah di tempat lain sebab sifat toleransi yang mengikut cara-cara Islam itu berada di Perlis. Saya minta supaya IPG diberi pertimbangan awal untuk apa sekali pun.

Saya menyokong untuk kali ini Yang Berhormat, saya harap *YouTube* perbetulkan antara kita berdua supaya tidak ada nista antara kita bila kata sudah dikota. Terima kasih.

6.02 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Permulaan dahulu, awal tahun dia orang kondem Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Selepas taubat, dia orang puji sekarang. [*Dewan ketawa*] Terima kasih.

Seterusnya P.63 untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan saya masih berada di tapak ladang. Perlu buat satu kajian untuk ambil alih tanah-tanah tersebut untuk kekalkan sebagai sekolah. Walaupun tanah itu di bawah negeri, pihak kementerian ada kuasa untuk arahkan untuk ambil alih tanah-tanah tersebut.

Di samping itu juga, beberapa sekolah tidak mempunyai padang permainan terutama sekali Sekolah Sidam Kiri mempunyai 500 orang murid tetapi tidak ada padang untuk mereka berlatih dan sebagainya. Akan tetapi ada sebelah perumahan dia hendak offerkan dua ekar tanah. Kalau boleh, buat rundingan untuk mendapatkan tanah tersebut untuk buat padang.

Di samping itu juga, Sekolah Ladang Henrietta dia pun tidak ada padang, Sekolah Victoria, dia pun masih lagi tumpang padang *estet* dengan izin dan juga beberapa sekolah lagi masih lagi tapak ladang.

Di samping itu juga, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang banyak memberi sumbangan-sumbangan kepada sekolah untuk diperbaiki dan juga di kawasan saya, saya sedang menggunakan peruntukan saya untuk beberapa projek di dalam sekolah, itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Padang Serai. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.04 ptg.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu Kementerian Pendidikan Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2018.

Usul anggaran perbelanjaan Pembangunan Tambahan penggal tahun 2019 bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, perbekalan tambahan tersebut adalah berkaitan Anggaran Perbelanjaan Mengurus B.63 sebanyak RM305,900 juta bagi membiayai kontrak kebersihan bangunan dan kawasan-kawasan (KBK) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P.63 sebanyak RM41,499,000 untuk pembayaran bagi butir pembelian tanah pendidikan pelbagai negeri iaitu notis 5A Pembermilikan Tanah Institut Pendidikan Guru Kota Bharu, Kelantan.

Seramai 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan kali ini, semua pandangan, sumbang saran dan teguran yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan dalam sektor pendidikan negara akan diberikan perhatian secara serius dan diambil cakra oleh KPM.

Saya percaya semua isu yang dibangkitkan adalah bagi memantapkan kualiti sistem penyampaian dan keberhasilan bidang pendidikan negara.

Bagi menjawab Yang Berhormat Tanjong Karang berkaitan dengan bangunan sekolah sedia ada di Sekolah Menengah Sungai Burong, bangunan terbiar dan rosak, KPM akan menyemak semula isu dan aduan berkenaan. Berkaitan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Burong ini, saya akan minta pegawai berkenaan untuk pergi ke sekolah dan melihat sendiri serta menilai tahap kerosakan dan tindakan segera akan diambil. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang kerana memberikan perhatian.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Berkaitan dengan pelajar-pelajar UEC yang diambil untuk Ijazah Sarjana Perguruan pula, kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG masih menggunakan keputusan SPM. Calon lepasan UEC turut dipelawa dengan syarat mereka memiliki Sijil SPM untuk mengikuti PISMP untuk bahasa China sahaja. Ia telah dilaksanakan semenjak tahun 2012, pada zaman Barisan Nasional sendiri dan bukanlah sesuatu yang baru dan saya berharap agar pihak Barisan Nasional mahupun PAS tidak mempolitikkan perkara ini. Ia telah dipersetujui semenjak tahun 2012 lagi.

Isu ini juga tiada kaitan dengan butiran sebenarnya, tetapi tidak mengapa kita jawab agar pihak BN dan pihak PAS tidak lagi mempolitikkan isu yang telah mereka perseutujui semenjak tahun 2012 lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Untuk isu yang mana itu Yang Berhormat Menteri?

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi isu Ahli Parlimen masuk ke sekolah, ini tiada kaitan dengan butiran. Bagi soalan daripada Yang Berhormat Pendang. Kenapa kelulusan undang-undang daripada USIM tidak diiktiraf oleh CLP? Ia perlu ditanya dengan AG sendiri, tetapi bagi pihak kami di Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini, saya telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar meminta supaya graduan USIM di bidang undang-undang diiktiraf agar mereka ini diterima tanpa mengambil CLP itu sendiri.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kangan yang meminta agar KPM memberikan penjelasan dan mencadangkan supaya pemotongan KWSP dimasukkan di dalam kontrak perkhidmatan, pembersihan dan keselamatan. Tuan Pengerusi, buat masa ini kontrak-kontrak yang sedang berkuat kuasa telah memasukkan perkara berkaitan pembayaran KWSP adalah di bawah tanggungjawab kontraktor.

Sekiranya terdapat aduan yang sahih berhubung ketidakpatuhan majikan berhubung perkara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk menyenaraihitamkan kontraktor tersebut. Ini telah saya sampaikan sendiri kepada Persatuan Syarikat Kontraktor Kawalan Keselamatan dalam mesyuarat bersama mereka pada 2 April 2019 yang lalu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Selalunya, minta laluan Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Selalunya pekerja ini macam Yang Berhormat Paya Besar sebutlah, kadang-kadang orang tua, orang kampung, mereka ini tidak tahu dekat mana tempat hendak mengadu. Kalau kita bagi taklimat kepada kontraktor, kita tahu kontraktor itu sendiri tidak bayar, macam mana aduan itu hendak sampai. Jadi, mungkin kena ada satu mekanisme yang jelas supaya aduan itu dapat sampai.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita akan menilai dan memperbaiki polisi-polisi sedia ada agar kemaslahatan dan kebajikan para pekerja akan tetap diberikan keutamaan tanpa mengabaikan kebajikan syarikat-syarikat itu sendiri.

Bagi menjawab soalan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kangan berkaitan dengan Mohd. Aiman Aizat, pelajar cemerlang Ijazah yang beliau tidak cukup syarat untuk berkhidmat tajaan JPA. Ini tiada dalam butiran dan tidak berkaitan, walau bagaimanapun kita maklum dan kita minta supaya pihak JPA memberikan perhatian.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Juga menjawab soalan Yang Berhormat kangar berkaitan dengan pembelian tanah bagaimana...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Dr. Maszlee bin Malik: Nanti, kasi saya jawab dulu. Mohon penjelasan kepada pembinaan sekolah baharu di kawasan pertambahan penduduk. Di bawah RP4 2019, KPM telah meluluskan sejumlah 88 butiran projek untuk pembermilikan. Perolehan atau pindah milik tanah dan kos perolehan melibatkan RM628.1 juta. Ini melibatkan skop seperti bayaran pampasan, premium tanah, bayaran pendaftaran, pewartaan, juruukur tanah serta cukai.

■1810

Kementerian bukan sahaja menyelaras perolehan tanah untuk sekolah baharu tetapi tambahan tapak bagi sekolah yang sedia ada. Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Minta maaf Tuan Pengerusi, pasal patah sedikit sahaja balik yang UEC tadi. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri beri

penjelasan yang jelas bahawa yang kelulusan UEC ini mereka ini hanya diambil untuk mengikut kursus bahasa Mandarin sahaja atau lain-lain kursus juga boleh? Itu saya hendak minta penjelasan kerana saya ingat waktu itu kita kekurangan guru-guru bahasa Mandarin sebab itu dia ambil UEC hanya untuk kursus Mandarin sahaja. Sekarang saya tidak tahu kalau dia ada ubah dasar yang lain.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Seperti mana Yang Berhormat Tanjong Karang maklum bahawa ia berkaitan bahasa Mandarin sahaja dan sekarang lagi saya ingin menekankan ia tiada kaitan dengan butiran. Terima kasih.

Bagi menjawab Yang Berhormat Pasir Gudang pula, kenapa terlalu tinggi peruntukan IPG Kota Bharu Kelantan? Mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 10/2017, kadar *premium* tanah kerajaan termasuk tanah kerajaan yang telah *direserve* untuk kegunaan Persekutuan adalah pada kadar tidak kurang 90 peratus daripada nilai harga pasaran semasa bagi kegunaan kementerian. Bidang kuasa tanah adalah di bawah kuasa negeri masing-masing seperti tertakluk Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Juga menjawab Yang Berhormat Pasir Gudang berkaitan tiada peruntukan untuk memperbaiki tandas, surau, bumbung, bilik guru dan anai-anai di Pasir Gudang. Peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan disediakan sewajarnya oleh kerajaan. Penyelenggaraan dilaksanakan berperingkat mengikut keutamaan. Saya akan meminta pihak JPN, PPD meneliti keperluan ini untuk pertimbangan selanjutnya.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang yang sentiasa prihatin terhadap isu pendidikan di kawasannya dan terima kasih kerana mengalu-alukan kedatangan saya yang saya rasa saya telah lebih awal turun ke Pasir Gudang sewaktu bencana sebelum MP Pasir Gudang turun sendiri ke sekolah-sekolah. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi menjawab Yang Berhormat Pendang pula yang mencadangkan supaya kuarters guru disewakan dan diserahkan kepada pihak berkaitan untuk menampung keperluan rakyat yang tidak mempunyai rumah. Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengoptimumkan penggunaan kuarters guru ini dan mengiklankan kekosongan kuarters institusi pendidikan kepada jabatan ataupun agensi kerajaan dan swasta untuk ditukar guna kepada tujuan lain ataupun sewaan. Walau bagaimanapun, ini tiada kaitan dengan butiran.

Bagi persoalan tentang banyak kuarters guru yang terbengkalai dan terbiar, di bawah inisiatif Bajet 2019 RP4 RMKe-1, KPM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tujuan naik taraf dan penyelenggaraan kuarters guru. KPM telah memperkenalkan skala bagi mengenal pasti tahap kerosakan agar kerja-kerja pembaikan ini akan dapat dilaksanakan berdasarkan keperluan dengan mengutamakan pembaikan perusahaan kerosakan tahap skala 6 dan 7. Sekali lagi ini juga tiada kaitan butiran.

Berkaitan dengan kantin sekolah, kerusi dan meja tiada untuk murid-murid duduk/ Apakah tindakan kementerian untuk membekalkan kerusi dan meja untuk sekolah ini? Kementerian akan melaksanakan perolehan berdasarkan peruntukan semasa yang diperolehi dan tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri mengikut keutamaan. Ini juga tiada kaitan butiran.

Menjawab Yang Berhormat Pasir Salak...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Berkaitan dengan berapa kontraktor pembersihan yang belum dibayar, berapa jangka lama kontraktor tersebut tidak dibayar dan berapakah kakitangan yang terlibat dalam pembuangan kerja. Isu yang dibangkitkan spesifik melibatkan data dan perangkaan. Saya akan berikan jawapan bertulis untuk berlaku adil kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Perbincangan sedang berlaku dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan secara terperinci. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak yang telah bertanyakan soalan yang begitu spesifik pada kali ini. Berkaitan dengan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri boleh tanya sedikit?

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey saya— tadi saya dengar soalan saya tidak ada kaitan. Sebab itulah langsung tidak jawab tetapi bila saya dengar ada beberapa persoalan yang ditimbulkan, Yang Berhormat Menteri jawab tetapi Yang Berhormat Menteri kata walaupun tidak ada kaitan. Jadi yang saya tidak ada kaitan langsung tidak jawab. Orang lain tidak ada kaitan, Yang Berhormat Menteri jawab pula. Jadi mana ada keadilannya?

Dr. Maszlee bin Malik: Menjawab Yang Berhormat Pasir Salak berkaitan pemberhentian beberapa pengawal keselamatan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebenarnya pemberhentian pekerja bukan kuasa kementerian tetapi mereka telah diberhentikan oleh syarikat-syarikat kawalan keselamatan. Walau bagaimanapun, saya mengambil cakna isu ini. Bagi pihak kementerian, kami telah bertemu dengan jaringan pekerja kontrak kerajaan pada 27 Mac 2019. Kami sendiri telah mendengar keluhan dan nasib mereka.

Bertindak daripada keluhan dan juga rayuan mereka hasil daripada perbincangan berkenaan, telah saya bawa kepada pengetahuan Jemaah Menteri pada 29 Mac 2019 yang lalu. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk membenarkan Kementerian Pendidikan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan peruntukan tambahan demi mengatasi isu berkaitan kontrak pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan sekolah. Kita tidak mahu ada orang yang kehilangan kerjanya.

Pada Selasa 2 April 2019, Kementerian Pendidikan juga telah berjumpa dengan Persatuan Kontraktor Kawalan Keselamatan untuk bersama-sama menyelesaikan isu ini. Kementerian Pendidikan ambil maklum keresahan yang wujud dalam kalangan para pekerja dan syarikat yang berkenaan dan sedang menyelesaikan isu ini sebaik mungkin demi manfaat bersama.

Bagi persoalan Yang Berhormat Pasir Salak juga mengenai bilangan kontraktor yang belum dibayar dan amaun yang terlibat, pembekalan tambahan sebanyak RM300 juta ini adalah merupakan perbelanjaan yang telah pun dibuat bagi tahun 2018 untuk pembayaran kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan bangunan dan kawasan yang sebelum ini. Walau bagaimanapun, perincian *detail* akan diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Pasir Salak dan cadangan Yang Berhormat Pasir Salak ini amat saya sokong agar Ahli Parlimen menggunakan peruntukan yang mereka ada untuk disalurkan ke sekolah-sekolah, saya menyokong 100 peratus cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar itu Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Banyak saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar itu Yang Berhormat Jelutong. Siap.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi menjawab Yang Berhormat Paya Besar, pada 27 Mac yang lalu saya sendiri telah bertemu dengan jaringan pekerja kebersihan dan keselamatan dan telah diberitahu oleh wakil mereka yang mana ketika mereka hadir, kami sendiri di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendengar daripada mulut mereka sendiri dan begitu sedih apa yang dihadapi. Seperti mana saya telah sebutkan sebelum ini, kita telah bawa kepada pengetahuan Kabinet dan Kabinet telah memutuskan supaya perbincangan berterusan antara pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan agar peruntukan tambahan diberikan.

Keduanya berkaitan dengan nasib para pekerja keselamatan dan kebersihan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Paya Besar. Saya tidak nafikan banyak keluhan dan banyak aduan yang telah diajukan kepada kami oleh jaringan pekerja kebersihan dan keselamatan ini yang mana ada di antara mereka telah dimanipulasi dan dizalimi oleh sesetengah syarikat pada tahun-tahun sebelum ini. Kami mengambil cakna bahawa kebajikan rakyat marhaen, golongan pekerja terbawah ini perlu dibela.

Maka pihak kementerian melihat isu ini dengan serius dan kami akan mengemas kini dan memperbaiki segala dasar, polisi, tatacara, dan perolehan kontrak berkaitan dengan isu ini demi menjaga kebajikan semua pihak terutamanya para pekerja. Kita teragak-agak untuk menyenaraihitamkan mana-mana syarikat yang terus dan yang terang-terang memanipulasi ataupun menzalimi para pekerja mereka.

Berkaitan soalan Yang Berhormat Paya Besar mengenai kawalan keselamatan tambahan skop kepada sekolah-sekolah agar lalu lintas yang sibuk juga dapat dimasukkan di dalam skop kerja kawalan keselamatan. Buat masa ini kontrak keselamatan hanya meliputi kawasan dalam sekolah dan tidak melibatkan skop menjaga lalu lintas. Walau bagaimanapun cadangan daripada Yang Berhormat Paya Besar kita akan teliti dan terima kasih kerana cadangan tersebut.

Bagi cadangan Yang Berhormat Paya Besar pula berkaitan padang sekolah, kepada sekolah yang lebih 100 tahun kerana murid-murid menggunakan simen untuk bersukan. Permainan padang di sekolah-sekolah memerlukan ruang yang mencukupi. Sehubungan itu perkara ini akan disemak oleh PPD dengan lebih terperinci dengan melihat ruang sekolah yang masih ada untuk permainan padang dan saya sendiri akan berhubung dengan PPD agar tindakan dapat diambil. Terima kasih.

Berkaitan soalan daripada Yang Berhormat Rasah...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya— jawapan Yang Berhormat Menteri amat saya puji kerana memanglah tugas kita untuk menjaga keseluruhan rakyat. Cumanya berkaitan pekerja kontraktor bersih dan kontraktor keselamatan ini, kalau dapat kita lihat satu mekanisme supaya seperti mana Yang Berhormat Kangar sebutkan tadi agar mereka rasa ada *people* yang melihat kebajikan pekerja ini. Kalau kita kontraktor kena ambil tandatangan daripada pihak sekolah, pengetua ataupun guru besar, perkara ini juga harus diambil dalam senarai tuntutan agar kebajikan pekerja.

■1820

Sebab mereka ini adalah orang yang berumur dan mereka ini memang bergantung harap semuanya kepada duit gaji itu. Akan tetapi kalau gaji itu tidak diberi secara konsisten, mereka tiada tempat mengadu. Hendak mengadu dengan syarikat, akhirnya mereka akan dibuang kerja. Saya harap satu mekanisme, dia tidak payah susah. Minta pengetua dan guru besar sahaja memantau perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sebenarnya isu yang timbul lebih daripada itu. Ketika mesyuarat kami bersama dengan jaringan pekerja keselamatan dan juga kebersihan, kita dapati banyak isu-isu lain. Banyak kelemahan dan lompong pada polisi yang telah dibentuk oleh kerajaan sebelum ini. Inilah yang sedang kita lakukan untuk memperbaiki demi memperjuangkan kebajikan para pekerja. [*Tepuk*]

Berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Rasah, soalan yang amat penting, iaitu premium dan cukai tanah daripada pembayaran premium kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang mana Yang Berhormat Rasah memohon agar Kerajaan Negeri Kelantan menimbangkan dan kemudian Yang Berhormat Pendang mengatakan kena memohon. Saya pun tidak tahu Yang Berhormat Pendang ini di Kelantan kah di Kedah. Tetapi tidak apa. Beliau kata kemukakan rayuan. Saya akan beri tahu.

KPM telah mengadakan perbincangan bersama Pejabat Tanah dan Galian Kelantan berhubung bayaran premium tanah IPG. Surat rayuan juga telah dikemukakan pada 8 November 2018 untuk mempertimbangkan harga notis 5A kepada harga nominal. Berdasarkan perbincangan, Pejabat Tanah dan Galian Kelantan telah menolak rayuan bayaran nominal notis 5A.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini Yang Berhormat Pendang kena main peranan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelantan semua balik dah.

Dr. Maszlee bin Malik: Mungkin selepas ini Yang Berhormat Pendang terpaksa bertanding di Kelantan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya jawab?

Dr. Maszlee bin Malik: Berkaitan soalan Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Alor Setar yang mencadangkan supaya kontrak pembersihan dan keselamatan dihapuskan dan digantikan menggunakan perkhidmatan RELA. Jikalau kita lihat perubahan memberikan ataupun pelantikan pekerja kontrak melalui syarikat dan juga isu memberikan kawalan keselamatan kepada syarikat, ia berlaku pada tahun 2009. Yang Berhormat Arau tidak ada. Dia tanya. Berlaku pada zaman beliau sendiri menjadi Menteri. Cadangan penggunaan RELA bagi menggantikan syarikat keselamatan swasta sedang dalam kajian pihak kementerian.

Berkaitan dengan soalan beliau tentang IPG Perlis, sehingga kini, tiada keputusan untuk menutup IPG Perlis. Semoga beliau melihat rakaman di *YouTube*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sudah jawab lama sudah yang itu.

Dr. Maszlee bin Malik: Berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Padang Serai berkaitan tanah dan padang di sekolah di kawasan beliau. Kita akan meneliti isu ini dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Padang Serai yang tidak jemu-jemu dan tidak putus untuk melihat kepada isu kebajikan pendidikan. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Pengerusi, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh KPM. Saya yakin bagi Ahli Yang Berhormat yang bertanya, sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang, mereka begitu prihatin dan begitu inginkan pendidikan dan kualiti pendidikan terbaik untuk negara. Maka, bersama-sama kita membantu Kementerian Pendidikan agar hasrat dan cita-cita suci murni ini kita bangunkan bersama.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM300,005,910 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM300,005,910 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM41,499,000 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM41,499,000 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2019]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

[Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2018 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan sebahagian daripada tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” Hendaklah disahkan.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 8 April 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang]